

**MEMBANGUNKAN GARIS PANDUAN
KAEDAH RAWATAN KESUBURAN IVF
(IN-VITRO FERTILIZATION)**

BERTERASKAN SYARAK

ABDULLAH BIN LONG

UMP

**SARJANA TEKNOLOGI KEMANUSIAAN
(SISTEM PRESTASI MANUSIA)
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

MEMBANGUNKAN GARIS PANDUAN
KAEDAH RAWATAN KESUBURAN IVF
(IN-VITRO FERTILIZATION)
BERTERASKAN SYARAK

ABDULLAH BIN LONG

Tesis yang dikemukakan sebagai memenuhi keperluan
untuk penganugerahan ijazah
Sarjana Teknologi Kemanusiaan (Sistem Prestasi Manusia)

UMP

Pusat Bahasa Modern dan Sains Kemanusiaan
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

OGOS 2017



PENGESAHAN PENYELIA

Saya memperakui bahawa tesis ini pada pandangan saya adalah memadai daripada segi skop dan kualiti untuk penganugerahan Sarjana Teknologi Kemanusiaan.

Tandatangan :

Nama Penyelia : Dr. Mansor Bin Sulaiman

Jawatan : Pensyarah Kanan

Tarikh :



UMP



PENGAKUAN PELAJAR

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya, kecuali petikan-petikan atau rumusan-rumusan yang telah diberi penghargaan. Tesis ini tidak pernah diterima untuk sebarang ijazah dan belum pernah dihantar untuk penganugerahan ijazah lain.

Tandatangan :
Nama : Abdullah Bin Long
No Matrik : MBP 12002
Tarikh :



UMP

DEDIKASI



Dedikasi untuk bonda dan keluarga tersayang serta isteri dan anak tercinta yang sangat memahami ayahanda.

UMP

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana telah dapat menyempurnakan penulisan tesis yang bertajuk Kaedah Rawatan Kesuburan IVF (In Vitro Fertilization): Membangunkan Garis Panduan Berteraskan Syarak. Tugas ini dapat disempurnakan dengan bantuan dan dorongan serta motivasi daripada pelbagai pihak termasuklah ahli keluarga, penyelia, pihak Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan UMP, Pusat Rawatan Kesuburan IVF UIAM, rakan seperjuangan dan para sahabat yang terlibat secara langsung ataupun tidak. Hanya Allah s.w.t sahaja yang dapat membalas budi baik kalian.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Dr. Mansor bin Sulaiman dan Dr. Zailin Shah binti Yusoff kerana telah memberikan bimbingan profesional dan dorongan yang tidak putus-putus sejak dari mula saya memohon untuk meneruskan pengajian di peringkat sarjana ini. Terima kasih juga kerana telah sudi meluangkan masa yang berharga untuk membaca dan memperbetulkan kesalahan-kesalahan yang terdapat pada tesis saya ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya ucapkan kepada pihak pentadbiran Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, UMP terutama kepada Puan Norazalila binti Mat Salleh dan Encik Nor Jihan kerana bantuan dan kerjasama daripada segi dokumentasi dan surat menyurat serta kepada Dr. Ahmad Murad Zainuddin dan rakan-rakan dari Pusat Rawatan Kesuburan IVF Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Akhirnya, jutaan terima kasih saya ucapkan kepada bonda Siti Meriam binti Loman dan ahli keluarga tercinta serta isteri tersayang, Puan Nor Arma Riza binti Ishak kerana menjadi pendorong dan rakan setia menemani saya menyiapkan tesis. Kepada Muhammad Al-Amin bin Abdullah, terima kasih kerana kesabaran dan memahami tugas Abi sebagai pelajar. Kalian semua adalah inspirasiku.

ABSTRAK

Tesis ini cuba untuk mengenalpasti kedudukan rawatan IVF (In-Vitro Fertilization) berdasarkan hukum Syariah. Di Malaysia, kaedah rawatan ini telah difatwakan harus pada tahun 1982 dan disambut baik oleh masyarakat terutamanya mereka yang menghadapi masalah kesuburan. Dari itu, lebih ramai lagi umat Islam yang menjalani rawatan kesuburan. Walau bagaimanapun boleh dikatakan fatwa yang telah dikeluarkan di Malaysia ini masih bersifat umum dan tidak merangkumi semua aspek rawatan kesuburan. Selain dari itu, mungkin terdapat persoalan terhadap garis panduan syariah mengenai setiap prosedur dalam setiap proses rawatan kesuburan ini. Justeru, kajian ini akan menyiasat fatwa yang sedia ada berkaitan rawatan kesuburan di Malaysia dan di luar negara dan tahap pemahaman pesakit dan staf pusat rawatan kesuburan berkaitan fatwa yang telah dikeluarkan. Kajian juga melihat isu-isu lain yang mungkin diketengahkan oleh para Imam Mazhab. Satu soalan terbuka diberikan untuk dijawab oleh sampel kajian. Daripada data diperolehi, permasalahan hukum syariah telah dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu Munakahat (Keluarga Islam, Hukum Sosial, Fiqh Ibadah, Fiqh Qadha (Undang-undang Hukum Islam), Fiqh Umum dan Usul Fiqh. Di akhirnya, mencadangkan garis panduan hukum Syariah berkaitan proses dan prosedur rawatan kesuburan terutamanya isu-isu yang masih mendatangkan persoalan.

The logo of Universiti Malaysia Perlis (UMP) is a large, stylized 'V' shape. The left side of the 'V' is light blue, and the right side is light green. The letters 'UMP' are written in white, bold, sans-serif font across the center of the 'V'.

ABSTRACT

This research is to identify the status of IVF (In-Vitro Fertilization) treatment according to the Syariah perspective. This treatment has been permitted by *fatwa* in 1982 and accepted by the society especially to those who suffering the fertility problem. From that, there are many Muslims get this kind of fertility treatment. However, it can be said that *fatwa* being upheld in Malaysia on this matter is still general in nature and not covering all part of the said fertility treatment. In the other hand, perhaps there is issue arose on the matter of the Syariah guideline pertaining to every process from this fertility treatment. Thus, this research will investigate the *fatwa* rulings which existed according to the fertility treatment in both Malaysia and international and also the patient's level of understanding and the staffs of the treatment centre pertaining to the *fatwa* produced. This research also looks at other issues according to Syariah scholars leaders. An open-ended survey was administered to participants. Data analysis showed that most of the participants posed questions that fall into six classifications which are: Munakahat (Family Law), social Hukm, Fiqh Ibadah, Fiqh Qadha (Islamic Hukm), General Fiqh and Usul Fiqh. At the end the research will suggest the Syariah guideline pertaining to the process and procedure of the fertility treatment especially for the issues which still in questioned.

The logo of Universiti Malaysia Perlis (Ump) is a large, stylized letter 'U' composed of several overlapping triangles in shades of teal and light blue. The letters 'UMP' are printed in a bold, white, sans-serif font across the center of the 'U' shape.

UMP

ISI KANDUNGAN

PENGESAHAN PENYELIA	ii
PENGAKUAN PELAJAR	iii
DEDIKASI	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
ISI KANDUNGAN	viii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan Bab	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Soalan Kajian	7
1.5 Skop dan Batas Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Definisi Istilah	8
1.8 Ringkasan Bab	9

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan Bab	11
2.2	Kaedah Rawatan Kesuburan	11
2.2.1	Kaedah Bayi Tabung Uji (IVF)	12
2.2.2	Undang-undang berhubung Kaedah IVF di Dunia	15
2.2.3	Bayi Tabung Uji (IVF) di Malaysia	17
2.3	Zuriat di Dalam Islam	18
2.3.1	Proses Membuat Hukum Berdasarkan Prinsip Maqasid Syariah	21
2.4	Fatwa-fatwa Berkaitan Rawatan Kesuburan di Negara Islam	23
2.5	Fatwa-fatwa Berkaitan Rawatan Kesuburan di Malaysia	24
2.6	Isu dan Fatwa Berkaitan Prosedur Rawatan Kesuburan	32
2.7	Ringkasan Bab	34

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan Bab	35
3.2	Reka Bentuk Kajian	35
3.3	Prosedur Kajian	37
3.4	Sampel Kajian	37
3.5	Metod Pengumpulan Data	40
3.6	Metod Penganalisan Data	41

3.7	Ringkasan Bab	42
-----	---------------	----

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan Bab	45
4.2	Perbincangan Permasalahan Hukum Syariah Berkaitan Rawatan Kesuburan IVF Bagi Menjawab Objektif 1	45
4.3	Perbincangan Permasalahan Hukum Syariah Berkaitan Rawatan Kesuburan IVF Bagi Menjawab Objektif 2	69
4.4	Perbincangan Permasalahan Hukum Syariah Berkaitan Rawatan Kesuburan IVF Bagi Menjawab Objektif 3	77
4.5	Kesimpulan	88

BAB 5 KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan Bab	90
5.2	Kesimpulan Dapatan Kajian	90
5.2.1	Perbincangan Objektif 1	90
5.2.1	Perbincangan Objektif 2	91
5.2.3	Perbincangan Objektif 3	92
5.3	Implikasi Kajian	93
5.3.1	Implikasi kepada Pesakit dan Masyarakat	93

5.3.2	Implikasi kepada Staf Perubatan	93
5.3.3	Implikasi kepada Pusat Rawatan Kesuburan	94
5.4	Limitasi Kajian	95
5.5	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	96
5.6	Kesimpulan	96
RUJUKAN		98
LAMPIRAN		102



UMP

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN BAB

Kaedah rawatan kesuburan sangat relevan bagi pasangan suami isteri yang tidak boleh mendapatkan zuriat melalui kaedah biasa. Terdapat beberapa kaedah rawatan kesuburan atau Teknik Bantuan Pembiakan (*Assisted Reproductive Technology*) yang popular seperti kaedah rawatan kesuburan *In Vitro Fertilization (IVF)*, *Intrauterine Insemination (IUI)*, dan *Intra-Cytoplasmic Sperm Injection (ICSI)*. Serour (1998) menerangkan bahawa sebelum tahun 1980, sikap masyarakat Timur Tengah sama ada Islam, Kristian atau Yahudi tidak dapat menerima kaedah rawatan kesuburan ini kerana belum ada fatwa atau pendapat ahli agama berkaitan kaedah ini. Sebagai contoh, masyarakat Timur Tengah khususnya masyarakat Mesir merasa bersalah untuk mendapatkan kaedah rawatan kesuburan kerana belum ada fatwa dan garis panduan syariah berkaitannya. Apatah lagi, pada waktu itu, jawapan kepada masalah isteri yang mempunyai komplikasi kesuburan adalah poligami (Serour, 2008). Selepas itu, Majlis Fatwa Al Azhar pada tahun 1980, Islamic Fiqh Council di Makkah pada tahun 1984 dan Church of Alexandria pada tahun 1989 telah mula mengeluarkan fatwa berhubung rawatan kesuburan.

Sememangnya di Malaysia, kaedah rawatan ini telah difatwakan harus pada tahun 1982 dan disambut baik oleh masyarakat terutamanya mereka yang menghadapi

masalah kesuburan. Dari itu, lebih ramai lagi umat Islam yang menjalani rawatan kesuburan. Secara umumnya, fatwa yang dikeluarkan di Malaysia oleh Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJKF) adalah seperti berikut :

- a) Bayi Tabung Uji dari benih suami isteri yang dicantumkan secara terhormat adalah sah di sisi Islam. Sebaliknya bayi tabung uji di mana benihnya yang diambil dari bukan suami isteri yang tidak ada ikatan perkahwinan yang sah adalah tidak sah.
- b) Bayi yang dilahirkan melalui tabung uji itu boleh menjadi wali dan berhak menerima harta pusaka daripada keluarga yang berhak.
- c) Sekiranya benih dari suami atau isteri yang dikeluarkan dengan cara yang tidak bertentangan dengan Islam ianya dikira sebagai cara terhormat.
- d) Hukum memasukkan embrio ke dalam rahim isteri selepas berlaku kematian suami atau perceraian adalah haram.
- e) Hukum mencantumkan benih yang dikeluarkan sebelum akad nikah dan kemudiannya dibuat pencantuman dalam tempoh perkahwinan yang sah adalah haram.
- f) Hukum mencantumkan benih yang diambil dan dicantumkan dalam tempoh perkahwinan yang sah adalah harus.

(Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 1982)

Dua puluh tahun kemudian pada 8 April 2003, Muzakarah Fatwa Kebangsaan kali ke-55 dan ke-56 sekali lagi bersidang membincangkan isu pencantuman benih untuk mendapatkan zuriat melalui kaedah ART. Isu yang dibincangkan ini juga dilihat ada hubungkaitnya dengan fatwa terdahulu dengan menjelaskan bahawa benih suami dan isteri yang dicantumkan melalui kaedah rawatan kesuburan IVF adalah haram dilakukan setelah kematian suami atau berlaku perceraian. Selain itu, hukum mencantumkan benih suami isteri yang telah dikeluarkan sebelum akad nikah yang sah adalah haram dicantumkan walaupun dalam tempoh perkahwinan yang sah.

Berdasarkan fatwa yang dikeluarkan di Malaysia, dapat disimpulkan di sini secara asasnya bahawa hukum menjalani rawatan kesuburan adalah harus. Fatwa-fatwa yang dikeluarkan menggariskan hukum harus untuk kaedah rawatan bayi tabung uji apabila ia dilakukan ketika dalam ikatan perkahwinan yang sah dan benih itu diambil secara terhormat. Kaedah Fiqh menurut Wahbah Zuhaili (2005) menerangkan bahawa asal sesuatu perkara itu adalah harus sehingga ada dalil yang mengatakan haram. Hukum harus pada pandangan syarak adalah sesuatu yang diberikan pilihan oleh Allah bagi setiap manusia yang mukallaf untuk melakukannya atau meninggalkannya. Sesuatu yang harus itu akan bertukar menjadi haram apabila ada perkara yang mudharat pada pandangan syarak.

Walau bagaimanapun boleh dikatakan fatwa yang telah dikeluarkan di Malaysia ini masih bersifat umum dan tidak merangkumi semua aspek rawatan kesuburan. Selain dari itu, mungkin terdapat persoalan terhadap garis panduan syariah mengenai setiap prosedur di dalam setiap proses rawatan kesuburan ini. Justeru, kajian ini akan menyiasat fatwa yang sedia ada berkaitan rawatan kesuburan di Malaysia dan di luar negara dan tahap pemahaman pesakit dan staf pusat rawatan kesuburan berkaitan fatwa yang telah dikeluarkan. Ia juga akan melihat isu-isu lain yang mungkin diketengahkan oleh para Imam Mazhab. Diakhirnya akan dicadangkan garis panduan hukum syariah berkaitan proses dan prosedur rawatan kesuburan terutamanya isu-isu yang masih mendatangkan persoalan.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Penurunan kadar kesuburan boleh menjadi penunjuk kebangkitan kadar kemandulan di dunia. Sebagai contoh di Malaysia sahaja, kadar kesuburan telah menurun daripada 2.3 pada 2008 kepada 2.2 pada tahun 2011 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012). Terdapat alasan-alasan yang menjelaskan bahawa sebahagian daripada sebab-sebab penurunan ini adalah kerana peningkatan dalam tahap pendidikan wanita, dan agama (Murthi, 2002). Walaupun kajian empirikal belum dijalankan untuk mengaitkan kedua-dua alasan itu di Malaysia, satu rencana akhbar melaporkan bahawa kebimbangan Menteri Kesihatan ke atas peningkatan jumlah pesakit yang mendapatkan

rawatan kemandulan. Artikel itu mendakwa bahawa pada tahun 2006 sahaja, dianggarkan bahawa kira-kira 300,000 pasangan baru mendapatkan rawatan kesuburan di Malaysia (Ahmad Murad, 2013). Oleh itu, dijangkakan pesakit yang mendapatkan rawatan juga meningkat. Dalam kalangan ini tentunya ramai pesakit dari umat Islam memandangkan lebih separuh populasi penduduk di Malaysia adalah beragama Islam.

Umat Islam adalah tertakluk kepada fatwa yang dikeluarkan oleh pihak berwajib. Di Malaysia badan yang mengeluarkan fatwa adalah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Jawatankuasa yang ditubuhkan pada awal tahun 1970 sebagaimana diperuntukan bawah Perkara 11 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Jawatankuasa ini merupakan badan pengeluar fatwa di peringkat Kebangsaan atas apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Sementara MKI yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri merupakan badan penyelaras di peringkat Persekutuan yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja pada Mac 1968 (Zainoh Nasohah, 2005).

Tugas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan adalah mengikut kepada Perkara 14 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia iaitu menimbang, memutuskan dan mengeluarkan fatwa atas apa-apa perkara berkenaan dengan agama Islam yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Jawatankuasa ini akan mengemukakan pendapat-pendapatnya kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang kemudian menghantarkannya bersama dengan pengesyoran-pengesyoran kepada Majlis Raja-Raja. Dari segi keanggotaan, ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia terdiri daripada seorang pengerusi yang dilantik oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Ahli-ahlinya pula terdiri daripada Mufti tiap-tiap negeri yang mengambil bahagian atau seorang yang mewakili Negeri dalam Hal Ehwal Agama Islam. Selain itu, sembilan orang alim ulama dan kalangan profesional serta pakar-pakar muslim akan dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja. Seorang ahli yang beragama Islam dari Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang atau dari profession undang-undang juga dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja (Zainoh Nasohah, 2005).

Bagi kaedah mengeluarkan hukum atau pandangan Syarak oleh Jawatankuasa Fatwa, ia akan melalui dua cara. Pertama, ia melalui Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa MKI. Proses pengeluaran hukum/fatwa ini bermula apabila Mesyuarat Majlis Raja-Raja menitahkan supaya Jawatankuasa Fatwa MKI memberikan pandangan hukum/fatwa tentang sesuatu isu yang timbul dalam masyarakat. Isu yang dikemukakan akan dikaji, disediakan satu kertas kerja berkaitan dan kemudiannya dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa MKI. Apabila Mesyuarat telah mengeluarkan pandangan hukum/fatwa, maka pandangan hukum/fatwa berkenaan akan dirafa'kan kepada Majlis Raja-Raja melalui Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Pandangan hukum/fatwa yang telah diperkenan oleh Majlis Raja-Raja tersebut akan dibawa kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri tanpa boleh dipinda dan seterusnya diwartakan sebagai fatwa negeri berkenaan (Zainoh Nasohah, 2005).

Cara yang kedua pula, ia melalui Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI. Proses pengeluaran hukum/fatwa ini adalah melalui permohonan dari masyarakat Islam atau pihak-pihak tertentu. Isu yang dikemukakan akan dikaji, disediakan satu kertas kerja berkaitan dan kemudiannya dibentangkan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI. Pandangan hukum/fatwa yang diputuskan dalam Muzakarah ini akan dibawa ke Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri dan negeri boleh meminda keputusan tersebut atau menerimanya tanpa pindaan sebagai fatwa negeri dan seterusnya diwartakan. Pandangan hukum/fatwa yang diputuskan dalam Muzakarah ini juga akan dirafa'kan untuk perkenan Majlis Raja-Raja melalui Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Pihak-pihak tertentu yang pakar akan dipanggil untuk memberikan pandangan dan penjelasan terhadap isu-isu yang tidak jelas atau memerlukan penjelasan dan taklimat terperinci supaya semua Ahli Jawatankuasa Fatwa MKI mendapat maklumat yang tepat bagi membuat dan memutuskan keputusan.

Namun begitu, fatwa yang dikeluarkan di Malaysia masih bersifat umum berkenaan kaedah rawatan kesuburan. Tambahan lagi, masih belum disediakan garis panduan lengkap atau undang-undang negara secara rasmi berkenaan proses dan prosedur di dalam rawatan kesuburan seperti yang telah dilakukan oleh negara-negara bukan Islam yang lain. Sebagai contoh, negara German dan Itali telah mengeluarkan undang-undang ketat tidak membenarkan penggunaan ibu tumpang (World Health

Organization, 2012). Manakala di Malaysia walaupun fatwa menyatakan ia haram tetapi ia tidak diwartakan secara meluas dan undang-undang tidak menyokong pengharaman tersebut. Keadaan seperti ini boleh menyebabkan masih ada dalam kalangan masyarakat Malaysia yang ragu-ragu untuk mendapatkan perkhidmatan kaedah rawatan kesuburan terutamanya apabila ada kemusykilan berkaitan dengan perkara-perkara yang melibatkan urusan agama Islam. Sehubungan itu, mungkin juga ada pihak yang boleh mengambil kesempatan di atas ketiadaan undang-undang yang nyata.

Oleh itu, kajian kes ini akan mengenalpasti persoalan atau mungkin keraguan syariah yang dihadapi oleh staf klinikal di sebuah pusat rawatan kesuburan, seperti ahli embriologi, paramedik dan pakar perubatan serta pesakit dalam menjalani dan menjalankan proses rawatan kesuburan ke atas pesakit Muslim. Ianya juga akan mengkaji setiap prosedur dalam pelaksanaan rawatan kesuburan dan menyiasat sama ada ianya selari dengan Quran dan Sunnah serta fatwa yang dikeluarkan. Kaedah penganalisan dokumen dan perbincangan kumpulan fokus dijalankan untuk mendapatkan data yang diperlukan. Di akhirnya, kajian ini akan mencadangkan isi kandungan satu garis panduan komprehensif berteraskan syariah mengenai proses dan prosedur kaedah rawatan kesuburan.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut :

- 1.3.1 Menenalpasti persoalan (hukum) syariah berkaitan dengan prosedur yang terdapat di dalam pelaksanaan rawatan kesuburan IVF.
- 1.3.2 Mengkaji setiap kandungan fatwa berkaitan dengan prosedur yang terdapat di dalam pelaksanaan rawatan kesuburan IVF.
- 1.3.3 Mencadangkan satu garis panduan (hukum) syariah berkaitan dengan prosedur yang terdapat di dalam pelaksanaan rawatan kesuburan IVF.

1.4 SOALAN KAJIAN

- 1.4.1 Apakah permasalahan hukum syariah berkaitan prosedur rawatan kesuburan IVF yang dihadapi oleh pesakit dan para staf pusat rawatan perubatan (jururawat, ahli embriologi, doktor)?
- 1.4.2 Apakah kandungan fatwa-fatwa berkaitan rawatan kesuburan IVF yang terdapat di Malaysia dan di negara-negara lain?
- 1.4.3 Apakah penyelesaian berkaitan permasalahan hukum syariah berkaitan rawatan kesuburan IVF yang dihadapi oleh pesakit dan para staf pusat rawatan perubatan (jururawat, ahli embriologi, doktor)?

1.5 SKOP DAN BATAS KAJIAN

Kajian ini akan melihat samada setiap proses dan prosedur yang terdapat dalam kaedah rawatan kesuburan menepati syariah. Skop kajian ini telah difokuskan kepada kaedah rawatan kesuburan In Vitro Fertilization (IVF) sahaja kerana ia adalah satu kaedah rawatan kesuburan yang komprehensif dan terdapat fatwa dikeluarkan berkaitan dengannya di Malaysia. Kajian ini memilih untuk melihat secara terperinci setiap proses dan prosedur dalam rawatan IVF kerana telah bertambahnya penubuhan pusat rawatan kesuburan khasnya pusat rawatan IVF di Malaysia.

Di Malaysia terdapat lima buah hospital kerajaan yang menawarkan rawatan kesuburan IVF iaitu di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia, Hospital Kuala Lumpur, Hospital Kuala Terengganu, Pusat IVF Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Hospital Sungai Petani. Manakala terdapat lebih daripada 40 buah pusat rawatan swasta di Malaysia yang menyediakan perkhidmatan rawatan kesuburan ini. (IVF Worldwide, 2012). Walaubagaimanapun, skop kajian ini tertumpu kepada sebuah pusat rawatan kerajaan iaitu Pusat Rawatan Kesuburan IVF Universiti Islam Antarabangsa Malaysia kerana secara umumnya ratio pesakit beragama Islam adalah lebih tinggi dari yang beragama lain (Ahmad Murad, 2013).

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dapat membantu para staf pusat rawatan perubatan (jururawat, ahli embriologi, doktor) menjelaskan kepada pesakit persoalan syariah yang berkaitan kaedah rawatan kesuburan ini. Masyarakat juga dapat memanfaatkan kajian ini supaya akan lebih yakin dalam mendapatkan rawatan kesuburan. Amat diharapkan hasil kajian ini dapat menjadi sebahagian daripada sumbangan ilmiah dalam membangunkan penyelidikan R&D di Malaysia khususnya menghubungkan ilmu perubatan dan Islam.

Selain itu, semoga permasalahan hukum syariah yang berkaitan proses dan prosedur kaedah rawatan kesuburan ini dapat diselesaikan apabila disediakan garis panduan lengkap syariah. Ia juga dapat membantu staf pusat rawatan kesuburan yang bukan Islam memahami keperluan pesakit Islam. Selain itu juga, ia diharap dapat membantu tugas Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri dalam menyediakan garis panduan lengkap syariah berkaitan prosedur menjalani rawatan kesuburan dan mungkin untuk menggerakkan ke arah penggubalan undang-undang berkaitan rawatan kesuburan dan pelancongan medikal berasaskan syariah di Malaysia.

1.7 DEFINISI ISTILAH

Fatwa

Fatwa menurut asal perkataan bererti jawapan kepada isu-isu yang menjadi kemusykilan samada isu syarie atau undang-undang atau fatwa adalah memberi jawapan/ penjelasan bagi sesuatu masalah agama. Menurut Ibn Manzur, fatwa adalah perkataan yang bermaksud suatu perbuatan yang dilakukan oleh mufti mengenai sesuatu hukum atau suatu keputusan hukum yang dikeluarkan oleh faqih (Ibn Manzur, 1956). Menurut al-Qasimi, fatwa bermaksud menjawab masalah yang menjadi kemusykilan di dalam hukum. Apabila seseorang menjawab sesuatu masalah yang diajukan kepadanya, jawapan yang diberikan itu merupakan fatwa (alQasimi, 1986). Fatwa juga bererti penjelasan berhubung dengan persoalan hukum syarak yang dibuat oleh seorang yang

faqih bagi menjawab pertanyaan yang dikemukakan kepadanya (Muhammad Rawwas, 1985).

Maqasid Syariah

Maqasid Syariah didefinisikan sebagai matlamat yang ingin dicapai dalam melakukan sesuatu. Dalam konteks kajian ini, maqasid yang dimaksudkan adalah matlamat atau objektif yang diletakkan syara' dalam mensyariatkan sesuatu hukum (Ahmad al-Raisuni, 1992). Terdapat banyak definisi berkaitan Maqasid Syariah yang telah dibuat oleh para Ulama' Usul Fiqh. Secara dasarnya, maqasid syariah merangkumi tiga teras utama iaitu Masalahah *daruriyah* (Keperluan asas), Masalahah *hajiyyah* (Keperluan biasa) dan Masalahah *tahsiniyyah* (Keperluan mewah) (Ahmad al-Raisuni, 1992).


Kaedah Fiqh

Menurut Abdul Latif Muda, Rosmawati Ali (2000) kaedah Fiqh adalah prinsip-prinsip Fiqh yang bersifat umum dalam bentuk nas pendek yang mengandungi hukum umum yang sesuai dengan bahagian-bahagiannya. Antara kaedah-kaedah Fiqh yang sesuai digunakan untuk rawatan ini adalah *aldhorurah tuqaddar biqadariha* (Dhorurat itu harus dengan kadarnya yang tertentu sahaja). Sebagai contoh, jika diharuskan membuka aurat untuk menjalani proses rawatan ini, maka aurat yang perlu dibuka itu wajiblah pada tahap yang diperlukan untuk tujuan rawatan kerana Islam melarang pendedahan aurat kepada yang bukan muhrim. Keharusan mendapatkan rawatan dengan seorang lelaki yang bukan muhrim setelah dipastikan benar-benar tidak ada wanita mengetahui ilmu perubatan dan rawatan (Abdul Karim Zaidan, 2003).

1.8 RINGKASAN BAB

Bab ini telah menerangkan asas kajian yang merangkumi tentang latar belakang kajian, masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan definisi istilah. Bab seterusnya pula akan membincangkan tentang pengenalan kepada rawatan kesuburan, konsep rawatan kesuburan dan prosedur-prosedur yang berkaitan dengan kaedah rawatan kesuburan IVF. Kedua, bab

itu juga akan membincangkan tentang rawatan kesuburan daripada perspektif Islam dengan menekankan isu berkaitan kepentingan zuriat di dalam Islam dan fatwa-fatwa berkaitan rawatan kesuburan yang telah dikeluarkan di negara Islam.



BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN BAB

Bab ini akan terbahagi kepada dua aspek di dalam kajian iaitu rawatan kesuburan dari perspektif Medikal dan Islam. Perbincangan pertama akan menekankan pengenalan kepada rawatan kesuburan, konsep rawatan kesuburan dan prosedur-prosedur yang berkaitan dengan kaedah rawatan kesuburan IVF. Kedua, bab ini membincangkan tentang rawatan kesuburan daripada perspektif Islam dengan menekankan isu berkaitan kepentingan zuriat di dalam Islam dan fatwa-fatwa berkaitan rawatan kesuburan yang telah dikeluarkan di negara Islam.

2.2 KAEDAH RAWATAN KESUBURAN

Terdapat pelbagai rawatan kesuburan yang disediakan untuk membantu pasangan yang mempunyai masalah mendapatkan zuriat. Ianya bergantung kepada punca atau sebab tidak boleh hamil secara normal dan berdasarkan kepada keputusan ujian yang akan menentukan kaedah rawatan kesuburan yang terbaik atau bersesuaian untuk setiap pesakit. Inseminasi Intrauterine (IUI), In-Vitro Fertilisation (IVF) atau Suntikan Sperma Intracytoplasmic (ICSI) adalah jenis-jenis rawatan yang dikenali sebagai teknik bantuan pembiakan, Assisted Reproductive Technology (ART). IVF dan ICSI mempunyai kadar kejayaan yang tinggi iaitu di antara 20 - 40% (Gunby et al,

2009) berbanding dengan IUI yang mempunyai kira-kira 15% kadar kejayaan (Azantee et al, 2011). Di Malaysia, terdapat tujuh pusat ART yang dibiayai oleh kerajaan dan empat puluh dikendalikan oleh hospital-hospital swasta (www.ogsm.org.my). Pada dasarnya, pusat-pusat rawatan kesuburan di Malaysia hanya merawat pasangan yang berkahwin namun masih belum terdapat undang-undang untuk melarang proses rawatan ini dilakukan kepada pasangan yang belum berkahwin.

Kajian ini akan menggunakan model fatwa yang telah dikeluarkan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MJKF) yang menjelaskan bahawa harus menggunakan kaedah rawatan kesuburan ini sekiranya melibatkan pasangan suami isteri yang sah. Namun begitu, kajian ini akan memfokuskan kepada masalah-masalah berkaitan hukum syariah yang dikenalpasti berkaitan kaedah rawatan kesuburan ini melalui dapatan kajian berdasarkan penganalisaan dokumen-dokumen yang diperolehi. Kedua, kajian ini juga akan melihat persoalan-persoalan syariah yang dihadapi oleh para staf hospital atau perubatan dan para pesakit yang menggunakan kaedah ini. Peringkat terakhir dalam mengumpul data bagi kajian ini adalah dengan menemubual seramai 10 orang ahli agama dan pakar perubatan tentang setiap jenis atau prosedur kaedah rawatan kesuburan IVF ini dan kaitannya dengan persoalan isu syariah yang dibangkitkan oleh staf hospital atau perubatan dan para pesakit Muslim.

2.2.1 Kaedah Bayi Tabung Uji (IVF)

Sejarah penggunaan kaedah IVF atau Bayi Tabung Uji dalam tamadun manusia telah bermula sejak tahun 1890 lagi apabila seorang profesor dan pengamal perubatan di Universiti Cambridge, England iaitu Walter Heap telah menjalankan penyelidikan dalam reproduksi bagi beberapa spesis haiwan. Terdapat laporan menyatakan beliau telah melakukan pemindahan embrio untuk arnab, sebelum dicadangkan untuk dilakukan terhadap kesuburan manusia. Berikutan peristiwa itu, kajian ini telah menjadi eksperimen pertama ke atas mamalia melalui penggunaan kaedah IVF dan ia tidak berhenti begitu sahaja (Hasan Basri Omar, 2001).

Rentetan daripada peristiwa itu, terdapat kajian-kajian susulan untuk mendapatkan zuriat menggunakan kaedah IVF yang telah dijalankan sehinggalah pada tahun 1978. Sejarah kelahiran bayi manusia pertama melalui kaedah IVF telah berlaku di Oldham, England pada 25 Julai, 1978. Kelahiran itu menjadi kesimpulan kepada usaha kerjasama Patrick Steptoe dan Robert Edwards. Lesley Brown dan suaminya, John tidak dapat hamil selepas 9 tahun berkahwin dan Lesley telah disahkan mempunyai masalah tiub tersumbat pada kedua-dua tiub fallopian. Pada tahun 1976, masalah telah dirujuk kepada Dr. Patrick Steptoe dan beliau telah mencadangkan kepada Lesley untuk mencuba prosedur eksperimen yang mana tidak menggunakan tiub fallopian secara langsung (Steptoe & Edward, 1978). Lesley telah menjalani pembedahan laparoskopi dimana telur tunggal telah diambil dari salah satu ovari. Kemudian, sperma John diletakkan bersama-sama dengan telur di dalam makmal atas pemerhatian Edwards. Beberapa hari kemudian embrio tersebut yang telah membahagi dipindahkan ke dalam rahim Lesley. Akhirnya, Brown telah berjaya dilahirkan pada 25 Julai 1978 pada 11.47 tengah malam di Hospital Oldham, Oldham, melalui kaedah IVF. Kejayaan melahirkan Brown melalui kaedah IVF ini telah membuka lembaran sejarah baru kepada dunia perubatan. Ekoran peristiwa itu juga, semakin ramai bayi yang telah dilahirkan menggunakan kaedah IVF ini.

Menurut Metro IVF, sebuah pusat rawatan kesuburan yang terletak di Selangor, satu daripada 10 pasangan pada hari ini mengalami masalah ketidaksuburan. Ketidaksuburan berlaku apabila terdapat kelemahan pada sistem reproduktif. Satu pasangan didiagnosis mengalami masalah ketidaksuburan sekiranya mereka gagal mencapai kehamilan setelah satu tahun mengamalkan hubungan seks yang teratur sekurang-kurangnya dua kali seminggu. Menurut Pusat Rawatan Kesuburan Metro IVF juga, sebelum ini ketidaksuburan merupakan topik yang sensitif dan memalukan. Kaum wanita biasanya dipersalahkan sekiranya gagal mengandung. Statistik menunjukkan 30% kes ketidaksuburan berpunca dari wanita, 30% lagi dari lelaki, 30% berpunca dari kedua-dua pasangan dan baki 10% adalah sebab-sebab lain. Walaubagaimanapun, dengan kecanggihan teknologi, terdapat penyelesaian bagi setiap masalah ketidaksuburan.

Salah satu rawatan kesuburan yang dijalankan adalah IVF. Ia merupakan persenyawaan yang berlaku di luar rahim dan dilakukan di dalam tabung uji. Antara faktor yang menyebabkan pesakit menjalani rawatan IVF adalah kerana tiub fallopien yang tersumbat atau tiub yang tidak dapat berfungsi, endometriosis, kemandulan lelaki, kemandulan imunologi seperti antibodi antisperm, proses rawatan IUI yang tidak berjaya dan kemandulan yang tidak dapat dijelaskan (Azantee et al, 2011). Dalam proses IVF, pada awalnya pesakit wanita menjalani rangsangan ovari terkawal (Hyperstimulation - COH), sama ada dengan protokol panjang atau pendek bergantung kepada keadaan pesakit. Protokol pendek dengan atau tanpa antagonis, ialah di mana rangsangan ovulasi dilakukan bermula pada hari kedua haid dan ujian ultrasound faraj bermula pada hari 6 dan 10 sehingga folikel dominan bersaiz 17-18mm tercapai. Antagonis menurut Kamus Dewan Bahasa adalah gerakan yang saling bertentangan. Suntikan hCG boleh diberi untuk mendorong ovulasi dan ovum transvaginal ultrasound berpandu pick up (OPU) dilakukan di bawah bius tempatan (lignocaine 2%), 34 hingga 36 jam selepas suntikan hCG (Nik Hazlina, 2008). Menurut Pusat Rawatan Kesuburan Metro IVF, OPU adalah proses mengumpulkan telur. Telur akan disedut melalui vagina menggunakan peralatan khas. Prosedur ini memerlukan bius keseluruhan.

Sebelum OPU dilakukan, suami akan menghasilkan sperma segar selepas 3 hingga 7 hari berpantang melalui prosedur sangga atau kadang-kadang masturbasi. Masturbasi, onani, atau rancap adalah perangsangan seksual yang sengaja dilakukan kepada organ kelamin untuk memperoleh kenikmatan dan kepuasan seksual. Perangsangan ini dapat dilakukan tanpa menggunakan sebarang alat ataupun menggunakan sesuatu objek atau alat. Isteri digalakkan untuk membantu suami jika menggunakan kaedah masturbasi dengan tujuan untuk mendapatkan sperma segar. Selepas air mani dihasilkan, ahli embriologi akan memproses air mani dengan mengeluarkan plasma mani, sampah, sisa sel-sel, sperma mati dan lemah. Ini dilakukan melalui satu siri langkah-langkah termasuk menambah media untuk mencuci sperma dan "centrifuging". Di peringkat terakhir, sperma hidup disenyawakan dengan telur di dalam kultur media untuk membolehkan persenyawaan berlaku. Campuran ini kemudiannya diletakkan di dalam inkubator berisi karbon monoksida CO₂. Sebelum ini, bekas kultur media akan dilabelkan dengan data pesakit (Nik Hazlina, 2008).

Semasa OPU, cecair folikel dari isteri diaspirasi dan dikumpulkan di dalam tabung uji menggunakan pam sedutan dengan tekanan negatif yang terkawal. Cecair yang dikumpul kemudian diserahkan kepada ahli embriologi di makmal embriologi yang kerap kali bersebelahan dengan teater operasi. Proses OPU ini boleh mengambil masa dari 10 minit ke satu jam. Masa ini bergantung kepada bilangan folikel yang akan diaspirasi. Ahli embriologi akan meneliti cecair ini di bawah “stereomicroscope” untuk mencari telur. Telur-telur yang dikumpul diletakkan di dalam kultur media khas dan disimpan di dalam CO₂ inkubator di mana suhu dan CO₂ dikekalkan pada 37 ° C dan 5%. Ia disimpan di sana selama dua hingga empat jam supaya kebanyakan telur (oocytes) mencapai kematangan akhir (Meiosis lengkap I). Dalam langkah seterusnya, oocytes yang dieram selama 3 hingga 6 jam dan penilaian oocytes dilakukan pada masa IVF atau ICSI dilakukan dengan menggunakan micromanipulator semi-automatik. Persenyawaan boleh diperhatikan 16 hingga 18 jam selepas ICSI atau IVF (Azantee et al, 2011).

2.2.2 Undang-undang berhubung kaedah IVF di dunia

Menurut JAKIM (2014), setakat ini belum ada undang-undang khusus di Malaysia yang jelas menyekat kaedah rawatan ketidaksuburan (infertility treatment) yang menggunakan perkhidmatan ibu tumpang termasuk Rawatan Kesuburan IVF. Kaedah rawatan kesuburan ibu tumpang telah wujud lama dahulu sebelum kewujudan ART. Sebelum ini ibu tumpang dipraktikkan secara semulajadi dan ianya merupakan satu-satunya cara untuk membantu pasangan bermasalah. Namun begitu, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-80 yang bersidang pada 1 - 3 Februari 2008 telah membincangkan hukum menggunakan Kaedah Khidmat Ibu Tumpang (Surrogate Motherhood) untuk mendapatkan zuriat. Muzakarah telah memutuskan bahawa menggunakan kaedah khidmat ibu tumpang untuk mendapatkan zuriat adalah diharamkan oleh Islam walaupun sperma dan ovum adalah diambil daripada suami isteri yang sah kerana ia akan menyebabkan berlakunya kekeliruan nasab anak yang akan dilahirkan.

Menurut Harian Metro (2007), kisah undang-undang berkaitan rawatan kesuburan ibu tumpang ini berbeza-beza di seluruh dunia, terutama di Asia di mana

perkhidmatan mengandungkan anak orang ini dengan tujuan mendapatkan wang diharamkan di kebanyakan negara. Bagaimanapun India terkecuali. Ini kerana kerajaan India kini dalam proses meluluskan undang-undang yang mengawal industri kesuburan yang menawarkan perkhidmatan kepada pasangan luar negara pada harga jauh lebih murah berbanding di Amerika Syarikat dan Britain. Perkhidmatan ibu tumpang (tanpa manfaat kewangan) ini juga dihalalkan di Australia, tetapi proses saringan untuk mendapatkannya amat ketat. China mengharamkan perkhidmatan ibu tumpang manakala Jepun, Korea Selatan dan Thailand tidak mempunyai undang-undang khusus yang menetapkan hak pihak yang terbabit dalam prosedur ini. Selain itu, pihak berkuasa kesihatan Taiwan juga ada perancangan untuk menjadikan ibu tumpang sah di sisi undang-undang dan draf perundangan sudah dirangka pada 2005 tetapi ia terhenti di situ.

Selain itu, lain pula apa yang berlaku di negara India. Mereka telah memperkenalkan konsep pelancongan kesihatan dan kemandulan. Konsep asas pelancongan kesihatan adalah melancong ke luar negara untuk rawatan perubatan dan melawat tempat-tempat pelancongan yang terkenal pada masa yang sama. Di negara-negara Barat, rawatan perubatan dan prosedur telah menjadi sangat mahal. Ia meliputi perbelanjaan yang besar tanpa insurans perubatan khususnya bagi rawatan dan prosedur seperti dalam IVF dan lain-lain teknik reproduktif. Walaupun demikian, di negara India, selepas mengambil kira akaun, perjalanan dan perbelanjaan perubatan, jumlah pakej rawatan ini jauh lebih murah dibandingkan dengan negara-negara Barat. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, India telah muncul sebagai destinasi utama untuk pelancong perubatan di dunia. Ia menawarkan rawatan kelas dunia tanpa tempoh menunggu yang lama dan pada harga yang lebih murah.

Bagi masalah hukum penggunaan embrio yang disimpan setelah kematian suami, International Workshop on Ethical Implications of The Use of ART for Treatment of Infertility Update yang dianjurkan oleh International Islamic Research for Population Studies Universiti Al-Azhar pada November 2000 telah memutuskan tidak dibenarkan (Reza Omani, 2009).

Higher Council of Religious Affairs di Istanbul pula mengatakan pembekuan embrio dan sperma tidak menjadi masalah sekiranya sperma atau embrio itu

dikembalikan semula kepada pemiliknya atau digunakan oleh mereka yang ada ikatan perkahwinan yang sah (Saim Yeprem, 2007). Dalam isu pemilihan jantina anak yang ingin dilahirkan pula, Bio Ethic Commision of European Council dan International Population and Development Conference di Kaherah yang disertai oleh 238 negara telah menolak pemilihan jantina anak yang ingin dilahirkan. Ini juga selaras dengan ayat Quran Surah Shura 42: 49-50 yang melarang pemilihan jantina anak-anak yang ingin dilahirkan. Proses pemilihan jantina ini ditolak oleh Islam kecuali ada keperluan perubatan yang menyuruh (Saim Yeprem, 2007).

Bagi penganut Syiah pula, Fatwa Ayatullah Ali Hussein Khomeini (1999) telah membenarkan pendermaan sperma dan ovum melibatkan orang ke-3 termasuklah fatwa Syiah juga membenarkan pendermaan embrio, sperma dan kaedah ibu tumpang. Fatwa Syiah ini dilihat bertentangan dengan fatwa Mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah yang mengharamkan pemindahan sperma melibatkan orang ke-3 (Shenker, 2005).

2.2.3 Bayi Tabung Uji (IVF) di Malaysia

Menurut Harian Metro (2009), di Malaysia belum ada badan atau organisasi yang mengawal semua data atau rekod IVF. Kesahihan rekod kejayaan rawatan yang dipaparkan adalah dikawal pusat IVF terbabit, tanpa ada badan, peraturan atau undang-undang yang menyelia kesahihannya. Untuk perbandingan, di Jerman, terdapat satu sistem perisian kebangsaan (Rec-Date) yang mewajibkan setiap wanita yang menjalani IVF didaftarkan dan dipantau hasilnya. Di United Kingdom pula, terdapat jawatankuasa kebangsaan (HFEA) yang menyelia pusat IVF yang berdaftar dengannya. Di Amerika Syarikat pula, hanya beberapa negeri saja yang mempunyai panduan atau peraturan sendiri. Ini kerana peluang kehamilan juga bergantung kepada bilangan embrio yang dimasukkan pada sesuatu masa. Memandangkan di negara kita, kos IVF ditanggung sepenuhnya oleh pasangan, keghairahan mendapatkan kehamilan (yang bersifat kos efektif dalam masa singkat) menyebabkan doktor mahupun pasangan sendiri cenderung memasukkan embrio dalam bilangan yang lebih.

Sebagai perbandingan, di Sweden, diwujudkan undang-undang memasukkan hanya satu embrio pada IVF kali pertama dalam wanita yang berusia 35 tahun atau lebih

muda dan tidak mempunyai penyakit berkaitan. Amalan memasukkan hanya satu embrio saja semakin menjadi rutin di kebanyakan negara Eropah kini. Di Amerika Syarikat pula, tiada undang-undang menetapkan bilangan maksimum embrio dimasukkan, sesetengah negeri pula mencadangkan kemasukan maksimum lima hingga enam embrio pada satu masa.

Pengalaman lazimnya mempengaruhi kejayaan. Lebih banyak IVF dilakukan oleh sesuatu pusat atau seseorang doktor, sepatutnya kejayaan kehamilan lebih meningkat. Pusat IVF luar negara yang berprestij melakukan antara 1,500 hingga 2,500 kes IVF setahun. Sebagai contoh, di Pusat Kesuburan Hamburg (FCH), Jerman, contohnya sebanyak 2,000 kes IVF dilakukan setiap tahun oleh sekumpulan tiga doktor. Di Malaysia, bilangan ini jauh lebih rendah, hanya 100 hingga 300 kes saja setahun, bilangan ini mungkin tidak mencerminkan aliran kejayaan sebenar sesebuah pusat

2.3 ZURIAT DI DALAM ISLAM

Islam sangat menggalakkan umatnya agar melahirkan zuriat melalui perkahwinan. Allah pernah berfirman yang maksudnya :

Sesungguhnya di sisi Allah pengetahuan yang tepat tentang Hari Kiamat. Dan Dia juga yang menurunkan hujan, dan yang mengetahui dengan sebenar-benarnya tentang apa yang ada di dalam rahim (ibu yang mengandung). Dan tiada seorang pun yang dapat mengetahui apa yang akan diusahakannya esok (sama ada baik atau buruk). Dan tiada seorang pun yang dapat mengetahui di bumi mana dia akan mati.

(Al-Qur'an, Luqman 31: 34)

Daripada ayat ini, dapat difahami bahawa hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat mengetahui sama ada seseorang itu dianugerahkan zuriat ataupun tidak. Berdasarkan ayat ini, jelas menunjukkan bahawa Islam sangat menggalakkan kita melahirkan zuriat. Terdapat pelbagai kaedah rawatan kesuburan yang dibolehkan di dalam Islam bagi membantu melahirkan zuriat termasuk rawatan IVF. Sebagai hambanya kita perlu berusaha untuk melakukan apa sahaja dalam mendapatkan zuriat selagi tidak bercanggah dengan hukum syariah.

Terdapat banyak lagi nas-nas daripada Quran dan Hadis yang menggalakkan manusia untuk berkahwin dan meramaikan zuriat. Islam tidak pernah melarang umatnya untuk mendapatkan rawatan kesuburan atau *Fertility Treatment*. Kegagalan pasangan suami isteri untuk mendapatkan anak secara semula jadi haruslah diatasi dengan mendapatkan rawatan kesuburan seperti IVF (Hasan Basri Omar,2011). Al-Quran pernah memberikan contoh kepada kita semua kisah bagaimana Nabi Zakaria yang pernah berdoa kepada Allah untuk mendapatkan anak. Allah S.W.T berfirman dalam Surah Maryam yang bermaksud :

Suatu penjelasan berkenaan rahmat Tuhan kamu kepada hambanya Zakaria. Ingatlah peristiwa tatkala Zakaria berdoa kepada Tuhannya dengan suara yang lembut. Dia merayu dengan berkata, “Ya Tuhanku, sesungguhnya tulangku lemah dan kepalaku dipenuhi uban, aku belum pernah kecewa dalam berdoa kepada Engkau, ya Tuhanku. Dan sesungguhnya aku merasa bimbang akan kecuaiian kaum kerabatku dalam menyempurnakan urusan pentadbiran syariat sepeninggalanku, sedang isteriku adalah seorang yang mandul.Maka anugerahi aku di sisi engkau seorang putera yang layak mewarisi aku, juga mewarisi keluarga Yaakob dan jadikan dia wahai Tuhanku seorang yang diredhai dan disukai.Wahai Zakaria, sesungguhnya kami memberikan khabar yang mengembirakan kamu dengan mengurniakan seorang anak lelaki yang bernama Yahya, yang sebelumnya kami belum pernah menciptakan orang yang serupa dengannya.Zakaria berkata, “Wahai Tuhanku,bagaimanakah caranya aku akan mendapat seorang anak, padahal isteriku seorang yang mandul dan aku sendiri sudah mencapai umur yang sangat tua”Tuhan berkata, “Demikianlah keadaan, jangan dihairankan. Hal itu adalah mudah bagiku, dan sesungguhnya Aku ciptakan kamu dahulu, padahal kamu (pada waktu itu) belum ada sama sekali.

(Al-Quran, Al-Maryam 19 : 1-9)

Dalam ayat tersebut, Nabi Zakaria melakukan ikhtiar dengan berdoa kepada Allah agar dikurniakan zuriat. Umum mengetahui, Nabi Zakaria mandul dan tidak mempunyai anak sehinggalah pada waktu usianya telah tua, beliau berdoa bersungguh-sungguh kepada Allah dan akhirnya Allah telah mengurniakan anak lelaki kepadanya iaitu Nabi Yahya. Kisah ini menunjukkan bahawa tidak mustahil bagi Allah untuk menganugerahkan zuriat kepada hambaNya yang dikehendaki walaupun pada usia tua.

Selain itu, Nabi Muhammad sendiri memberikan galakan kepada umatnya supaya mengubati segala penyakit yang dihadapi sebagaimana hadis yang direkodkan oleh Abu Daud, Tarmizi dan Ibnu Majah. Nabi Muhammad bersabda yang maksudnya :

Daripada Usamah bin Syarik, seorang Arab bertanya kepada Rasulullah, Wahai Rasulullah, perlukah kita berubat? Baginda Nabi menjawab, Ya wahai hamba Allah. Berubatlah, sesungguhnya Allah tidak menjadikan penyakit yang tiada ubatnya kecuali satu penyakit. Sahabat bertanya, Apakah ia? Jawab Nabi, Tua.

(Abu Daud, Tirmizi, Ibnu Majah, Sahih, Kitab at-Tibb)

Secara asasnya, daripada hadis ini, Islam menggalakkan pasangan yang mempunyai masalah mendapatkan anak untuk berubat. Kata Nabi, setiap penyakit termasuk mandul ada ubatnya kecuali mati. Pelbagai cara dan usaha perlu dilakukan termasuklah mendapatkan rawatan kesuburan IVF ini selagi mana tidak menyalahi syariat. Bahkan segala usaha yang dilakukan dalam mendapatkan rawatan kesuburan ini adalah sangat terpuji apabila tidak menjejaskan nasab anak yang dilahirkan (Basri Ibrahim, 1999).

2.3.1 Proses Membuat Hukum Berdasarkan Prinsip Maqasid Syariah

Maqasid Syariah didefinisikan sebagai matlamat yang ingin dicapai dalam melakukan sesuatu. Dalam konteks kajian ini, maqasid yang dimaksudkan adalah matlamat atau objektif yang diletakkan syara' dalam mensyariatkan sesuatu hukum (Ahmad al-Raisuni, 1992). Terdapat banyak definisi berkaitan Maqasid Syariah yang telah dibuat oleh para Ulama' Usul Fiqh. Secara dasarnya, maqasid syariah merangkumi tiga teras utama iaitu (Ahmad al-Raisuni, 1992) :

- a) Masalahah *daruriyah* (Keperluan asas)
- b) Masalahah *hajiyyah* (Keperluan biasa)
- c) Masalahah *tahsiniyyah* (Keperluan mewah)

Teras-teras utama ini bukanlah pada tahap yang sama dan ianya berbeza-beza menurut keutamaan, hajat dan juga keperluan manusia. Daripada tiga teras utama ini, Imam Shatibi dan Al Ghazali pula telah bersepakat bahawa matlamat syariah berkenaan

merangkumi lima komponen maqasid iaitu *Hifz al-Din* (penjagaan agama), *Hifz al-Nafs* (penjagaan nyawa), *Hifz al-Aql* (penjagaan akal), *Hifz al-Nasb* (penjagaan keturunan), dan *Hifz al-Mal* (penjagaan harta). Ini bererti, setiap perundangan dan hukum yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa mestilah menjaga kesuciaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Wahbah Zuhaili, 2005).

Agama Islam sangat menitik beratkan penjagaan nasab dan keturunan. Ia telah digariskan dengan jelas di dalam perkara al-kuliyah al-khamsah yang menjadi tunjang kepada hukum-hakam Islam iaitu penjagaan agama, jiwa, akal, keturunan dan harta-benda (Ahmad al-Raisuni, 1992). Islam mengharuskan penggunaan kaedah rawatan IVF ini apabila ia tidak menjejaskan atau merosakkan nasab dan keturunan bayi tersebut. Secara umumnya, pakar-pakar perubatan di Malaysia hari ini menerima satu ketetapan yang telah dibuat dalam satu Seminar di Universiti Al-Azhar dan enam institusi lain yang mana mengharuskan kaedah rawatan IVF dengan syarat ia dalam lingkungan perkahwinan yang sah dan bertujuan ingin menjaga nasab dan keturunan (Nuraini Mohamed Nor, 2004) Ini bermakna, proses mendapatkan zuriat melalui kaedah IVF dengan cara mencantumkan sperma dengan ovum wanita bukan isteri adalah jelas dilarang dalam Islam.

Larangan untuk menjaga nasab ini adalah berasas kerana telah terbukti daripada satu kes yang menjadi perhatian masyarakat Amerika pada 1984 apabila berlaku perebutan bayi bernama Melissa Stern (Baby M) di antara pasangan Wilian Stern dan Elizabeth Stern dengan Mary Beth Whitehead. Whitehead telah bertindak menyewakan rahimnya kepada pasangan Stern melalui pemindahan sperma Willian Stern ke rahim Whitehead untuk mendapatkan anak. Namun begitu, setelah anak yang dikandung oleh Miss Whitehead lahir, beliau enggan menyerahkannya kepada pasangan Stern dan ia telah menjadi perdebatan sengit oleh pihak gereja serta telah dibicarakan di mahkamah tentang hak penjagaan anak tersebut. (Hasan Basri Omar, 2001)

Melihat kepada peristiwa tersebut, untuk menjaga nasab dan keturunan bayi, Islam telah dari awal melarang pencantuman sperma lelaki dengan wanita yang tidak berkahwin melalui kaedah IVF. Ini bermakna, perkhidmatan ibu tumpang juga jelas bertentangan dengan prinsip Islam dan pembentukan sebuah keluarga. Ini adalah kerana

ia boleh menimbulkan kekeliruan identiti nasab bayi yang dilahirkan. Firman Allah S.W.T maksudnya :

Dan Allah menjadikan bagi kamu daripada diri kamu sendiri, pasangan-pasangan (isteri), dan dijadikan bagi kamu daripada isteri kamu itu anak cucu cicit serta dikurniakan kepada kamu benda-benda yang baik (lagi halal).

(Al-Qur'an, Al-Nahl 16: 72)

Selain itu, ada beberapa kaedah Fiqh (Qawaid Fiqhiyah) yang dapat dirujuk dalam menentukan hukum berkaitan rawatan ini. Menurut Abdul Latif Muda, Rosmawati Ali (2000) kaedah Fiqh adalah prinsip-prinsip Fiqh yang bersifat umum dalam bentuk nas pendek yang mengandungi hukum umum yang sesuai dengan bahagian-bahagiannya. Ia juga adalah kaedah-kaedah asas yang terbina di atasnya pengetahuan terhadap hukum-hukum syariah yang praktikal dan diperolehi daripada dalil-dalil tafsiliyyah. Ia bukanlah suatu dalil syarak yang menentukan hukum secara mutlak. Sebaliknya ia hanya kesimpulan hukum yang dijelmakan dalam bentuk kaedah an prinsip, hasil daripada pengumpulan pelbagai hukum dalam kes-kes yang berkaitan dan mempunyai persamaan pada illah dan konsep hukumnya. Antara kaedah-kaedah Fiqh yang sesuai digunakan untuk rawatan ini adalah *aldhorurah tuqaddar biqadariha* (Dhorurat itu harus dengan kadarnya yang tertentu sahaja). Sebagai contoh, jika diharuskan membuka aurat untuk menjalani proses rawatan ini, maka aurat yang perlu dibuka itu wajiblah pada tahap yang diperlukan untuk tujuan rawatan kerana Islam melarang pendedahan aurat kepada yang bukan muhrim. Keharusan mendapatkan rawatan dengan seorang lelaki yang bukan muhrim setelah dipastikan benar-benar tidak ada wanita mengetahui ilmu perubatan dan rawatan (Abdul Karim Zaidan, 2003).

Selain itu, kaedah Fiqh yang digunakan juga adalah *aldhorurah tubihul mahzurah* (Mudharat mengharuskan yang dilarang) dan *al hajatu tanzilu manzilata aldhorura* (Hajat mengambil hukum dhorurat). Kaedah ke dua ini bermaksud kemudharatan mengharuskan perkara yang ditegah. Ia merupakan kaedah dan hukum pengecualian dalam keadaan terdesak dan terpaksa mengharuskan perkara yang tidak

diharuskan dalam keadaan biasa. Manakala, kaedah ke tiga *al hajatu tanzilu manzilata aldhorura* (Hajat mengambil hukum dhorurat) pula bermaksud keringinan itu tidak hanya terbatas untuk perkara yang *dharurat* sahaja namun ia juga terdapat pada perkara *hajiyyat* atau keperluan. Dalam erta kata lain, keringinan itu dibolehkan pada *hajiyyat* sebagaimana dibolehkan dalam perkara dharurat (Abd. Latif Muda, Rosmawati Ali, 2000).

2.4 FATWA-FATWA BERKAITAN RAWATAN KESUBURAN DI NEGARA ISLAM

Serour (1998) menerangkan bahawa sebelum tahun 1980, masyarakat Timur Tengah tidak dapat menerima kaedah rawatan kesuburan kerana belum ada fatwa yang dikeluarkan berkaitan kaedah rawatan kesuburan ini. Apatah lagi, kos menubuhkan sebuah pusat rawatan kesuburan pada tahun tersebut adalah sekitar 400-500 ribu US Dolar dan ini menyebabkan mereka tidak mempunyai dana yang cukup bagi menubuhkannya. Oleh kerana kos penubuhan pusat rawatan yang mahal dan bayaran kos menjalani rawatan juga mahal, pihak kerajaan dan badan-badan kesihatan di negara Islam tidak berminat mengambil tahu dan menjalankan penyelidikan terhadap kaedah rawatan kesuburan ini.

Badan agama Islam yang pertama mengeluarkan fatwa berkaitan rawatan kesuburan di negara Islam adalah Fatwa Al-Azhar (1980) dan Fatwa Darul Ifta Kaherah (1980) diikuti oleh Islamic Organization for Medical Science di Kuwait (1983) dan Islamic Fiqh Council di Mekah (1984) . Pada sekitar tahun 1980-an, masyarakat Timur Tengah atau masyarakat Islam di negara Arab malu dan rasa bersalah untuk mendapatkan rawatan kesuburan kerana bagi mereka itu adalah satu keaiban. Sehingga pada tahun 1990-an, mereka semakin terbuka untuk menerima kaedah rawatan kesuburan ini (Serour, 1998).

Melihat kepada sambutan masyarakat Muslim semakin meningkat, beberapa badan autoriti telah mengeluarkan garis panduan syariah berkaitan kaedah kesuburan ART untuk membantu para pesakit dan pengamal perubatan. Antara badan-badan Islam yang mengeluarkan garis panduan ini adalah Islamic Medicine di Kuwait dan

International Islamic Center for Population Studies and Research, Universiti Al- Azhar (Serour, 1998). Badan-badan agama Islam di negara Arab sepakat tidak membenarkan pemindahan ovum dan sperma bagi mereka yang tiada ikatan perkahwinan yang sah (Serour, 1998). Garis panduan berkaitan kaedah rawatan kesuburan ART yang dikeluarkan juga dilihat sama antara Islam dan Kristian walaupun terdapat juga perbezaan. Namun begitu, garis panduan kaedah rawatan kesuburan yang dikeluarkan oleh Yahudi sangat berbeza dengan masyarakat Islam dan Kristian. (Reza Omani, 2009)

Di Malaysia pula secara umumnya, fatwa pertama yang telah dikeluarkan oleh Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJKF) kali ke - 5 dan ke - 6 pada 16 - 17 November 1982 dan 10 Oktober 1983 adalah berkaitan kaedah rawatan kesuburan (IVF) atau bayi tabung uji. Keputusan muzakarah adalah harus melakukan proses pencantuman di makmal melalui kaedah rawatan kesuburan semasa tempoh perkahwinan yang sah. Setelah 20 tahun berlalu, pada 8 April 2003 Muzakarah Fatwa Kebangsaan kali ke-55 dan ke-56 sekali lagi bersidang membincangkan isu pencantuman benih untuk mendapatkan zuriat melalui kaedah hamilan (ART). Isu yang dibincangkan ini juga dilihat ada hubungkaitnya dengan hukum penggunaan kaedah rawatan kesuburan IVF dengan menyatakan bahawa benih suami isteri yang dicantumkan melalui kaedah rawatan kesuburan IVF adalah haram dilakukan setelah kematian suami atau berlaku penceraian. Selain itu, hukum mencantumkan benih suami isteri melalui kaedah rawatan kesuburan yang telah dikeluarkan sebelum akad nikah yang sah adalah haram dicantumkan dalam tempoh perkahwinan yang sah (Hasan Basri Omar, 2001).

2.5 FATWA-FATWA BERKAITAN RAWATAN KESUBURAN DI MALAYSIA

Fatwa adalah satu unsur penting dalam kehidupan masyarakat Islam. Kemajuan sains dan teknologi yang dinamik di Malaysia telah menimbulkan beberapa persoalan baru yang memerlukan huraian menerusi fatwa termasuk rawatan kesuburan. Proses mengeluarkan jawapan atau fatwa terhadap persoalan yang ditimbulkan akan dilakukan secara berjemaah samada di peringkat negeri ataupun kebangsaan.

Sebagai contoh bagi negeri Wilayah Persekutuan, proses dan prosedur mengeluarkan sesuatu fatwa mengikut seksyen 37 dan 39 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan 1993 adalah seperti berikut :

- I. Pembuatan sesuatu fatwa hendaklah dimulai dengan sesuatu kajian atau penyelidikan dan penyediaan kertas kerja sebelum dibawa dan dikemukakan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak bagi tujuan perbincangan.
- II. Bagi menentukan sesuatu hukum Mufti dikehendaki merujuk kepada pandangan (qawl muktamad) Mazhab Syafie. Jika Mufti berpendapat qawl muktamad daripada mazhab tersebut berlawanan dengan kepentingan awam, maka Mufti bolehlah merujuk dan mengikut qawl muktamad Mazhab Hanafi, Maliki dan Hambali.
- III. Dalam sesuatu kes, apabila semua mazhab tersebut tidak dapat diikuti, bagi maksud kepentingan awam, mufti boleh menyelesaikan isu tersebut mengikut pendapatnya sendiri (ijtihad) tanpa mengikut mana-mana mazhab.

Semasa membuat fatwa, Jawatankuasa Fatwa atau Mufti juga akan membuat rujukan bersumberkan keutamaan Al Quran, Sunnah, Ijma' dan Qiyas. Selain sumber ini, Jawatankuasa Fatwa dan Mufti juga akan merujuk pendapat-pendapat sahabat, tabiin, imam-imam Mazhab dan Fuqahaj dengan mengadakan penelitian terhadap dalil-dalil dan cara pendadilannya. Selain daripada itu, pendapat-pendapat Mazhab Syafie adalah diguna pakai untuk sesuatu fatwa kecuali jika didapati sebab tertentu untuk menggunakan mazhab-mazhab ahli Sunnah wa al Jamaah yang lain untuk menemukan pendapat yang lebih kuat dalilnya dan lebih membawa masalah bagi umat untuk difatwakan.

Pada kebiasaannya, fatwa yang diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan adalah hasil daripada :

- I. Persoalan yang dikemukakan oleh individu atau pihak tertentu.

- II. Sesuatu permasalahan atau peristiwa yang memerlukan fatwa (kedua-duanya disalurkan dan diterima oleh Bahagian Penyelidikan JAKIM untuk mengumpul, menyelidik dan mengenalpasti isu atau persoalan sebelum dikemukakan dalam Mesyuarat Panel Kajian Syariah/ Akidah dan seterusnya dibentangkan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan).
- III. Permasalahan yang ditimbulkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan sendiri (kebiasaannya ia ditimbulkan oleh ahli dalam perbincangan hal-hal lain ketika muzakarah dijalankan. Kemudian, Jawatankuasa Fatwa meminta JAKIM menyediakan kertas kerja berkaitan untuk dibentangkan dalam muzakarah akan datang).

Fatwa pertama berkaitan rawatan kesuburan di Malaysia oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJKF) kali ke-5 dan ke-6 yang bersidang pada 16-17 November 1982 dan 10 Oktober 1983 bagi membincangkan isu berkenaan penggunaan kaedah (IVF) atau Bayi Tabung Uji (Razali, R.S. 2008). Keputusan muzakarah adalah harus melakukan proses pencantuman di makmal melalui kaedah IVF semasa tempoh perkahwinan yang sah.

Keputusan tersebut adalah seperti berikut iaitu bayi Tabung Uji dari benih suami isteri yang dicantumkan secara terhormat adalah sah di sisi Islam. Sebaliknya benih yang diambil dari bukan suami isteri yang sah, bayi tabung uji itu adalah tidak sah. Selain itu, bayi yang dilahirkan melalui tabung uji itu boleh menjadi wali dan berhak menerima harta pesaka daripada keluarga yang berhak. Sekiranya benih dari suami atau isteri yang dikeluarkan dengan cara yang tidak bertentangan dengan Islam ianya dikira sebagai cara terhormat.

Berdasarkan keputusan muzakarah tersebut, dapat disimpulkan di sini bahawa adalah harus melakukan kaedah rawatan kesuburan IVF selama dalam tempoh perkahwinan yang sah. Hukum harus di dalam Islam adalah sesuatu yang diberikan pilihan oleh Allah bagi setiap manusia yang mukallaf untuk melakukannya atau meninggalkannya. Sesuatu yang harus juga tidak akan dipuji atau dikutuk oleh Allah apabila kita telah melakukannya (Wahbah Zuhaili, 2005). Dalam konteks pendermaan

sperma, selain Fatwa Kebangsaan, secara umumnya kita menerima ketetapan yang dibuat oleh satu seminar di Universiti Al Azhar yang mana prosedur rawatan kesuburan ini dibenarkan syarak dengan syarat dalam lingkungan perkahwinan yang sah (Siti Nuraini, 2004).

Setelah 20 tahun berlalu, Muzakarah Fatwa Kebangsaan kali ke-55 dan ke-56 pula sekali lagi bersidang membincangkan isu pencantuman benih untuk mendapatkan zuriat melalui kaedah rawatan kesuburan (Assisted Reproductive Technology) pada 8 April 2003. Isu yang dibincangkan ini juga dilihat ada hubungkait dengan hukum penggunaan kaedah IVF. Antara isu yang ditimbulkan adalah :

- a) Mencantumkan benih yang dikeluarkan sebelum perkahwinan.

Salah satu kaedah ART yang digunakan untuk membolehkan seseorang itu mendapatkan anak kandung sendiri ialah kaedah mengeluarkan benih sebelum perkahwinan. Kaedah ini melibatkan oocytes perempuan atau sperma lelaki yang dikeluarkan sebelum seseorang itu berkahwin, atas sebab-sebab kesihatan atau masalah ketidaksuburan yang dijangka akan berlaku. Benih ini boleh disimpanbekukan di dalam makmal sehinggalah tempoh masa antara 5-10 tahun. Benih ini hanya akan dicantumkan dengan benih suami atau isteri apabila mereka telah berkahwin. Sedangkan benih itu (sama ada oocytes isteri sahaja atau sperma suami sahaja atau kedua-duanya) dikeluarkan sebelum berlaku perkahwinan tersebut.

- b) Memasukkan embryo ke dalam rahim isteri selepas berlaku perceraian atau kematian suami.

Berdasarkan kepada peraturan umum yang digariskan dalam melaksanakan kaedah ART ini, rawatan kes-kes ketidaksuburan hanya akan diberikan kepada pasangan suami isteri yang sah sahaja. Persoalan timbul sekiranya benih suami dan isteri telah dicantumkan (menjadi embryo), kemudian berlaku perceraian atau kematian suami. Apakah hukum memasukkan benih yang telah dicantumkan (embryo) yang dihasilkan semasa tempoh perkahwinan yang sah ke dalam rahim isteri.

Muzakarah telah memutuskan seperti berikut :

- a) Hukum memasukkan embrio ke dalam rahim isteri selepas berlaku kematian suami atau penceraian adalah haram.
- b) Hukum mencantumkan benih yang dikeluarkan sebelum akad nikah dan kemudiannya dibuat pencantuman dalam tempoh perkahwinan yang sah adalah haram.
- c) Hukum mencantumkan benih yang diambil dan dicantumkan dalam tempoh perkahwinan yang sah adalah harus.
- d) Hukum mencantumkan benih yang dikeluarkan sebelum perkahwinan atas sebab-sebab kesihatan atau masalah ketidaksuburan yang dijangka akan berlaku adalah harus dengan syarat pencantuman dibuat dengan benih pasangan dalam tempoh perkahwinan yang sah.

Selain itu, terdapat fatwa-fatwa lain yang berkaitan dengan prosedur-prosedur di dalam kaedah rawatan IVF. Contohnya, mengugurkan janin atas nasihat doktor disebabkan kecacatan. Dalam kes kandungan berganda, para ibu mungkin dinasihatkan untuk mengugurkan kandungan yang dikandung melalui kaedah rawatan ini sekiranya membahayakan nyawa ibu. Apabila pasangan menjalani rawatan IVF, potensi mereka untuk mendapat bayi kembar atau kandungan berganda sangat tinggi. Namun kandungan berganda (kembar) sebenarnya tidak digalakkan dan boleh dielakkan bagi mereka yang menerima rawatan IVF. Ini disebabkan komplikasi yang tinggi semasa mengandung atau selepas kelahiran bagi ibu dan anak yang bakal dilahirkan. Menurut Perunding Ginekologi Obstetrik dan Pakar Kesuburan Hospital Columbia Asia, Dr Mohd. Suhaimi Hassan, peratusan terkini menunjukkan satu daripada empat kelahiran melalui kaedah IVF mencatatkan kelahiran berganda. Selain itu, menurut Pakar Sakit Puan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) Dr Harlina Halizah Siraj pula, pengguguran hanya dianjurkan sekiranya melibatkan keselamatan nyawa ibu yang terancam akibat kehamilan. Itupun hanya setelah mendapatkan pengesahan dua pakar yang bertaualiah, barulah prosedur pengguguran itu dijalankan ketika usia kehamilan masih awal iaitu sebelum empat bulan (Nuraini, 2004).

Berdasarkan kepada Muzakarah kali ke-26 yang bersidang pada 7-8 Mac 1990 dan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Selangor melalui keputusan ijmak Fuqaha', keputusan diambil kira dengan mengikut peringkat umur serta berdasarkan syarat-syarat berikut :-

- a) Haram menggugurkan janin yang telah berumur lebih 120 hari kerana pengguguran itu dianggap satu jenayah bunuh ke atas janin yang telah ditiupkan roh kecuali pengguguran itu untuk menyelamatkan nyawa ibu atas sebab-sebab kecacatan yang teruk.
- b) Makruh menggugurkan janin yang berumur antara 1 hari hingga 40 hari sekiranya tidak mendatangkan bahaya pada ibu dan mendapat persetujuan daripada kedua-dua suami isteri.
- c) Harus menggugurkan janin yang berumur sebelum 120 hari harus sekiranya janin itu cacat dan berpenyakit yang boleh membahayakan nyawa ibu.

(Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Selangor, 1970)

Selain itu juga, terdapat fatwa di Malaysia yang berkaitan dengan bank air mani. Ini kerana ada sebahagian para isteri yang mendapatkan khidmat bank air mani di sesetengah negara bagi menjalankan rawatan bayi tabung uji setelah mendapati air mani kepunyaan suami tidak berkualiti. Keputusan Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJKF) kali pertama pada 28-29 Januari 1981 adalah seperti berikut :

- a) Mengadakan bank air mani adalah haram dalam Islam.
- b) Sekiranya bank air mani telah sedia wujud maka kerajaan hendaklah bertindak untuk menghapuskannya.
- c) Permainan beradas yang dilakukan kepada manusia adalah haram kecuali jika air mani daripada suami didapati secara *muhtaram* (yang diluluskan oleh syarak), dibenarkan oleh Islam.

- d) Penglibatan doktor pakar atau mana-mana pihak yang berkaitan dengan bank air mani adalah haram.

(JAKIM, 1981)

Daripada keputusan fatwa ini, dapat disimpulkan bahawa hukum mendapatkan khidmat bank air mani adalah diharamkan.

Selain itu, satu lagi isu berkaitan kaedah untuk mendapatkan anak ialah dengan menggunakan ibu tumpang. Kaedah rawatan ini jelas diharamkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-80 yang bersidang pada 1 - 3 Februari 2008. Muzakarah telah memutuskan bahawa menggunakan kaedah khidmat ibu tumpang untuk mendapatkan zuriat adalah diharamkan oleh Islam walaupun sperma dan ovum adalah diambil daripada suami isteri yang sah kerana ia akan menyebabkan berlakunya kekeliruan nasab anak yang akan dilahirkan. Antara hujah dan keterangan yang menjadi kekuatan ahli Muzakarah adalah seperti berikut:

- a. Ketidaktentuan nasab merupakan aspek yang paling besar dalam kelahiran seorang bayi yang dikandung oleh ibu tumpang. Seorang ibu tumpang berbangsa Inggeris berkulit putih misalnya boleh melahirkan seorang bayi yang berbangsa negro yang berkulit hitam atau sebaliknya.
- b. Perkembangan dunia perubatan di bidang teknologi rawatan kesuburan bagi membantu reproduksi walaupun banyak memberi manfaat namun ternyata boleh menyebabkan kekeliruan sistem kekeluargaan dan keturunan. Melalui khidmat ibu tumpang, bayi yang dikandung dan dilahirkan mempunyai hubungan genetik atau tiada langsung hubungan darah dengan ibu tumpang kerana telur dan sperma adalah milik orang lain.
- c. Setakat ini tiada undang-undang yang jelas menyekat kaedah rawatan ketidaksuburan (*infertility treatment*) yang menggunakan perkhidmatan ibu tumpang.

- d. Di beberapa negara Eropah kadar permintaan menggunakan khidmat ibu tumpang semakin meningkat dan dikhuatiri fenomena ini akan menular di negara ini.
- e. Selain daripada kaedah ibu tumpang ini, terdapat juga kaedah perubatan yang menggunakan air sum-sum tulang belakang bagi membantu pasangan suami isteri yang kurang subur, mandul atau gagal memperolehi anak melalui kaedah semula jadi.
- f. Kaedah-kaedah perubatan yang diperkenalkan oleh Barat ini secara perlahan-lahan telah berjaya mempengaruhi masyarakat bahawa status ibu kepada bayi tidak semestinya disandang oleh wanita yang mengandung dan melahirkan, begitu juga status bapa tidak semestinya lelaki yang menyumbang benih atau menjadi suami kepada wanita yang mengandungkan bayi daripada darah dagingnya.

(JAKIM, 2008)

Daripada fatwa tersebut, kajian mendapati haram hukumnya mendapatkan khidmat ibu tumpang. Kaedah ibu tumpang dilihat mendapat sambutan tinggi di negara barat dan sudah mula merebak ke masuk ke negara Malaysia.

Selain fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Fatwa Kebangsaan, terdapat juga fatwa yang dikeluarkan oleh negeri berkaitan rawatan IVF seperti keputusan Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(FATWA) Negeri Selangor pada 1 Januari 1970 mengenai isu-isu perubatan dalam perspektif Islam berkaitan rawatan kesuburan. Fatwa yang dikeluarkan adalah seperti berikut :

1) Bayi Tabung Uji

Benih suami isteri yang telah ditabung ujikan haram dimasukkan ke dalam rahim isteri sekiranya suami telah meninggal dunia terlebih dahulu kerana perbuatan ini boleh membawa kepada fitnah. Harus menghapuskan telur-telur yang telah disenyawakan di dalam tabung uji dengan menyelamatkan satu telur sahaja untuk dikandung kerana telur-telur tersebut masih belum bernyawa.

2) Gugur Kandungan

Anak yang dikandung yang berkemungkinan cacat harus digugurkan atas nasihat doktor pakar. Sekiranya sudah bernyawa, hukumnya haram digugurkan.

3) Merawat Benih

Benih yang dikenal pasti oleh doktor pakar sebagai cacat/down syndrome harus dirawat oleh doktor supaya bila lahir menjadi anak yang normal.

(Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Selangor, 1970)

2.6 ISU DAN FATWA BERKAITAN PROSEDUR RAWATAN KESUBURAN

Terdapat juga isu-isu hukum syarak berkaitan prosedur dan proses di dalam rawatan kesuburan. Antara isu yang menjadi persoalan utama berhubung kaedah rawatan kesuburan adalah isu ubat-ubatan yang digunakan. Di Malaysia, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang kali ke-8 pada 24-25 September 1984 telah membincangkan berkaitan kandungan gelatin dalam ubat. Antara isu yang dibincangkan oleh muzakarah tersebut adalah penggunaan gelatin di dalam ubat.

Diputuskan di dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang kali ke-8 pada 24 -2 5 September 1984 penggunaan gelatin dalam ubatan adalah diharuskan kerana dharurat. Sekiranya telah ada bahan halal yang dapat menahan ubat dari cepat rosak, maka penggunaan gelatin dalam ubatan tidaklah lagi diharuskan.

Di dalam mesyuarat kali ke-5 Jawatankuasa Mengkaji Bahan Makanan dan Gunaan orang Islam, Pusat Penyelidikan Islam, Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Ugama) pada 11 November 1982 telah diputuskan bahawa :

“Gelatin adalah sejenis bahan yang dibuat daripada berbagai jenis haiwan seperti babi, lembu dan sebgainya. Oleh kerana bahan tersebut pada masa ini diperbuat di luar negeri iaitu yang tidak diketahui sama ada dari babi, bangkai binatang yang halal dan sebagainya, maka kedudukannya adalah diragui. Mengikut hukum syarak jika sekiranya

satu-satu perkara itu diragui sama ada halal atau haram maka ianya terjatuh dalam perkara syubhat makan hukumnya adalah haram”

Selain dari itu, menurut jumhur ulama’, penggunaan bahan-bahan yang haram atau yang bercampur dengan najis untuk tujuan perubatan adalah haram. Walaubagaimanapun menggunakan ubat dari benda yang najis selain dari benda yang memabukkan dalam keadaan dharurat adalah harus sebagaimana pendapat Ibnu Ruslan (Mazhab Syafie) dalam Kitab Sunan Abi Daud. Pendapat ini berlandaskan kepada Hadith al-Urniyyin yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim bahawa Rasulullah menyuruh Sahabat meminum air kencing unta sebagai ubat. Hadith ini merupakan kebenaran khas di mana umumnya adalah diharamkan berubat dengan benda yang haram kecuali sekiranya dharurat di mana tiada bahan lain yang boleh menggantikannya.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-3 yang bersidang pada 15-16 April 1982 telah membincangkan tentang penggunaan dadah untuk tujuan perubatan. Muzakarah tersebut memutuskan bahawa sebarang penyalahgunaan dadah hukumnya haram kecuali untuk tujuan perubatan yang sah mengikut syarak.

Selain itu, terdapat juga sesetengah pesakit yang melakukan pemilihan terhadap jantina anak yang ingin dilahirkan. Bio Ethic Commision of European Council dan International Population and Development Conference di Cairo telah menolak pemilihan jantina anak yang ingin dilahirkan. Ia juga selaras dengan ayat Quran di dalam Surah Shura 42:49-50. Prosedur-prosedur lain yang telah dibincangkan berkaitan rawatan ini adalah kaedah masturbasi atau onani bagi mengeluarkan air mani untuk tujuan rawatan. Di dalam buku Qawaid Fiqhiyah yang ditulis oleh Dr. Abd Karim Zaidan adalah diharuskan onani apabila di dalam keadaan dharurat. Kaedah Fiqh yang digunakan untuk mengharuskannya adalah “Kemudharatan itu membolehkan apa yang terlarang”. Inilah pendapat yang diriwayatkan dari Imam Ibn taimiyyah dan Ibn Qayyim serta dari Ibn Aqil dan diperkuatkan oleh Imam Ahmad di dalam kitab Al-bada’I wal fawa’id dengan riwayat bahawa para sahabat terdahulu beronani dalam perang dan ketika musafir sebagai keharusan melakukan onani apabila terdesak dan perlu.

Di dalam kaedah rawatan kesuburan juga, pakar embriologi akan membekukan sperma yang telah diambil. Ini mungkin bertujuan untuk menyimpan sperma tersebut bagi mendapatkan rawatan buat kali ke dua atau untuk tujuan penyelidikan. Higher Council of Religious Affairs di Istanbul berpendapat adalah harus dilakukan pembekuan embrio dan sperma jika ia dikembalikan kepada pemilik asal.

Secara kesimpulan, keraguan terhadap ubatan yang digunakan di dalam menjalankan proses rawatan IVF dapat dinafikan dengan adanya fatwa ini. Hukum menggunakan ubatan daripada bahan yang haram adalah diharuskan dalam keadaan dharurat namun perlulah menepati syarat-syarat yang digariskan oleh para ulama'. Badan yang bertanggungjawab di Malaysia memutuskan samada bahan ubatan yang digunakan diharuskan atau tidak adalah Majlis Fatwa Kebangsaan dan Jawatankuasa Fatwa Negeri.

2.7 RINGKASAN BAB

Bab ini secara umumnya membincangkan hukum rawatan kesuburan IVF dan undang-undang yang berkaitan dengannya. Islam secara jelas mengharuskan rawatan kesuburan IVF selagi benih yang digunakan diambil daripada pasangan yang mempunyai ikatan perkahwinan yang sah. Bagi undang-undang berkaitan rawatan kesuburan, sehingga hari ini belum ada undang-undang khusus berkaitannya di Malaysia. Selain, tiada garis panduan lengkap syariah berkaitan rawatan kesuburan IVF di Malaysia. Kajian telah mengenalpasti beberapa buah negara yang telah memiliki undang-undang berkaitan rawatan kesuburan.

BAB 3


METODOLOGI

3.1 PENGENALAN BAB

Dalam bab ini, secara umumnya akan membincangkan reka bentuk, prosedur dan sampel kajian selain daripada metod pengumpulan data dan metod penganalisan data. Perbincangan berpandukan kepada soalan kajian dan prosedur kajian bagi setiap fasa yang telah digariskan.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk kualitatif iaitu kajian kes. Ia dipilih kerana kajian ini bersifat penelitian eksploratasi satu fenomena untuk mendapatkan gambaran holistik (Frankel & Wallen, 2006). Kajian ini akan meninjau kaedah rawatan kesuburan khususnya IVF untuk mengkaji permasalahan berhubung syariah. Ia juga mengambil kira kes yang diteliti di sebuah pusat rawatan IVF di Malaysia. Rajah 3.1 menunjukkan carta alir mengenai rangka kerja penyelidikan yang akan menerangkan bagaimana proses kajian dilaksanakan selaras dengan objektif.



Rajah 3.1 : Rangka Kerja Proses Kajian

3.3 PROSEDUR KAJIAN

Untuk menjawab ketiga-tiga soalan di dalam kajian ini, soalan kajian ini akan dibahagikan kepada tiga fasa seperti berikut:

Fasa 1 :

- a) Mengumpul data dari pesakit dan staf perubatan di sebuah pusat rawatan kesuburan.
- b) Mengumpul data daripada perbincangan kumpulan fokus yang melibatkan pakar-pakar dalam bidang ilmu syariah Islam dan perubatan.

Fasa 2 :

- a) Mengumpul data berhubung rawatan kesuburan (hukum) dari dokumen fatwa dan undang-undang Malaysia dan negara-negara Islam lain.

Fasa 3:

- a) Membentuk satu garis panduan syariah rawatan kesuburan IVF.

3.4 SAMPEL KAJIAN

Sampel kajian adalah untuk Fasa 2 dan Fasa 3 kajian. Persampelan kajian yang digunakan adalah berdasarkan rekabentuk kajian dan metod kajian. Oleh kerana rekabentuk kajian kes adalah berbentuk eksploratasi, kaedah pensampelan menggunakan kebarangkalian (probability sampling) adalah tidak sesuai (Babbie, 2011). Kaedah persampelan khusus (purposive sampling) adalah lebih sesuai (Frankel & Wallen, 2006). Berikut adalah sampel kajian mengikut fasa :

Fasa 1 :

- a) Pengumpulan data daripada soalan berkenaan masalah yang dihadapi oleh pesakit wanita dan staf perubatan yang menjalani atau menjalankan rawatan.

Bil Pesakit	Umur	Usia Perkahwinan
1	29	3
2	36	4
3	34	6
4	25	3
5	28	4
6	37	11
7	26	6
8	33	6
9	27	5
10	34	1
11	41	4
12	34	8
13	31	4
14	37	9
15	34	12
16	34	8
17	26	3
18	34	8

19	33	7
20	30	4
21	36	7

Umur	Usia Perkahwinan			Jumlah
	1 – 5 tahun	6 – 10 tahun	> 10 tahun	
25 – 29	5	1	0	6
30 – 39	4	8	2	14
40 & ke atas	1	0	0	1
Jumlah	10	9	2	21

Jadual 3.1 : Demografi pesakit wanita berdasarkan umur dan usia perkahwinan

- b) Pengumpulan data melalui perbincangan forum dengan ilmuwan Islam yang terdiri daripada pakar-pakar berikut :

Jantina	Kepakaran	Jumlah
L	Ilmuan Islam	4
P	Ilmuan Islam	1
L	Pakar IVF	1

P	Embriologi	1
L/P	Staff Klinikal	5

Jadual 3.2 : Demografi Pakar dan Ilmuan Islam

3.5 METOD PENGUMPULAN DATA

Terdapat beberapa metod pengumpulan data kajian yang digunakan di dalam kajian ini.

3.5.1 Fasa 1

3.5.1.1 Soal Selidik

Metod soal selidik dengan soalan terbuka digunakan untuk mengumpul data. Metod ini dapat membantu pengkaji menyiasat fenomena dengan lebih mendalam dan di dalam keadaan yang santai (Babbie, 2011). Satu soalan terbuka diberikan untuk dijawab oleh sampel kajian. Seorang pembantu penyelidik telah ditempatkan di tempat kajian untuk menjawab pertanyaan berkaitan soal selidik. Pembantu penyelidik telah dilatih dan sedia maklum tentang objektif kajian dan soal selidik untuk memudahkan menjawab soalan yang mungkin ditanya semasa pengumpulan data.

3.5.1.2 Perbincangan dengan kumpulan fokus

Perbincangan kumpulan fokus digunakan untuk mengumpul data pada fasa ini. Subjek yang dipilih untuk metod ini adalah berdasarkan hubungkait dengan fenomena yang dikaji (Babbie, 2011). Untuk kajian ini, perbincangan berkisar kepada menjawab dan menghuraikan dari segi syariah soalan yang terkumpul dari Fasa 1. Selain itu, isu-isu lain yang berkaitan yang mungkin tidak timbul dari Fasa 2 juga dibincangkan.

3.5.2 Fasa 2

Data-data akan dikumpul daripada laman web, dokumen rasmi dan buku. Proses saringan akan dilakukan terhadap data yang dikumpul bagi mengenalpasti fatwa dan undang-undang berkaitan rawatan kesuburan IVF.

3.5.3 Fasa 3

Data yang terkumpul di Fasa 1 dan Fasa 3 akan digunakan untuk membentuk garis panduan syariah.

3.6 METOD PENGANALISAAN DATA

Metod penganalisan data yang digunakan adalah menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah ini dimana menggunakan metod induktif dan deduktif. Metod induktif adalah kaedah bagi proses menghuraikan fakta-fakta yang berlaku secara umum dan meneliti persoalan-persoalan khusus dari segi dasar-dasar pengetahuan yang umum itu. Dengan kata lain ia bermaksud melaksanakan kajian secara khusus kemudian membuat kesimpulan secara umum. Manakala metod deduktif pula adalah merupakan metod atau cara yang berlandaskan kepada pengetahuan yang khusus, fakta-fakta yang unik dan merangkaikan fakta-fakta yang khusus itu menjadi suatu penyelesaian yang bersifat umum (Frankel & Wallen, 2011). Berikut adalah metod penganalisan data dalam kajian ini :

3.6.1 Fasa 1

Kajian menganalisa data yang diperoleh melalui soal selidik dan perbincangan dengan kumpulan fokus.

3.6.1.1 Soal Selidik

Kajian menggunakan borang soal selidik untuk mendapatkan maklumat daripada ahli embriologi, doktor dan para pesakit yang terlibat menjalankan rawatan IVF. Jawapan yang diperolehi daripada soal selidik terbuka akan dianalisis.

3.6.1.2 Perbincangan dengan kumpulan fokus

Kajian menemuramah beberapa orang pakar di dalam rawatan IVF untuk mendapatkan maklumat berkaitan prosedur dan rawatan. Setelah data diperolehi, data akan dianalisis untuk mendapatkan maklumat berkaitan fatwa dan undang-undang rawatan

3.6.2 Fasa 2

Pengumpulan akan menggunakan metod analisa kandungan (content analysis) di mana dokumen-dokumen fatwa dan undang-undang berhubung kaedah rawatan kesuburan IVF akan dianalisa untuk memastikan apakah yang dirangkumi oleh fatwa dan undang-undang. Analisa kandungan adalah satu metod kualitatif yang membolehkan kajian dibuat ke atas sesuatu fenomena berdasarkan artifak bertulis seperti surat khabar, artikel, dokumen kerajaan dan pelbagai lagi (Frankel & Wallen, 2006; Merriam, 1998). Ia sangat sesuai untuk mendapatkan data permulaan pada sesuatu kajian yang bertujuan menghasilkan garis panduan

3.6.3 Fasa 3

Data daripada Fasa 1 dan Fasa 2 dibandingkan untuk mengetahui data yang tidak dirangkumi dalam fatwa Malaysia. Seterusnya, kajian akan mencari jawapan kepada persoalan yang tidak dinyatakan di dalam fatwa. Daripada maklumat tersebut, satu garis panduan akan dibentuk berasaskan “Guideline Development Process”.

3.7 RINGKASAN BAB

Bab ini telah menjelaskan tentang metodologi yang digunakan dalam kajian termasuk rangka kerja penyelidikan, reka bentuk penyelidikan, pemilihan sampel dan analisis data. Dapatan data daripada kajian ini akan diterangkan secara mendalam lagi dalam bab seterusnya iaitu Bab 4. Berikut Jadual 3.3 adalah ringkasan metodologi kajian ini.

Soalan Kajian	Prosedur Kajian Mengikut Fasa	Metod Pengumpulan Data	Metod Penganalisaan Data
1) Apakah permasalahan hukum syariah berkaitan prosedur kaedah rawatan kesuburan ini yang dihadapi oleh pesakit dan para doktor?	(Fasa 1) a) Mengumpul data dari pesakit dan staff perubatan di sebuah pusat rawatan kesuburan. b) Mengumpul data daripada temuramah kumpulan fokus yang melibatkan pakar-pakar dalam bidang ilmu syariah Islam dan perubatan.	Soal - selidik	Analisa tema mengikut jawapan soal – selidik

<p>2) Apakah fatwa-fatwa berkaitan rawatan kesuburan yang terdapat di Malaysia dan di Negara-negara Islam?</p>	<p>(Fasa 2)</p> <p>Mengumpul data berhubung rawatan kesuburan dari dokumen fatwa Malaysia dan Negara-negara Islam lain.</p>	<p>Laman Web</p> <p>Dokumen Rasmi</p> <p>Buku</p> <p>Perbincangan berkisar soalan-soalan terkumpul di Fasa 2.</p>	<p>Soalan</p> <p>Senarai Semak</p>
<p>3) Apakah garis panduan syariah lengkap yang diperlukan berkaitan kaedah rawatan kesuburan ini?</p>	<p>(Fasa 3)</p> <p>Membentuk satu garis panduan syariah</p>	<p>Data dari Fasa 1 dan Fasa 2</p>	<p>Perbandingan data Fasa 1 dan Fasa 2 serta pembentukan garis panduan menggunakan kaedah/ modal.</p>

Rajah 3.3 : Ringkasan Metodologi Kajian

BAB 4

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1 PENGENALAN BAB

Dalam bab ini, secara umumnya akan membincangkan isu-isu berkaitan rawatan kesuburan IVF, fatwa dan pendapat ulama' serta cadangan garis panduan syariah yang perlu. Perbincangan akan berpandukan kepada soalan kajian dan prosedur kajian bagi setiap fasa yang telah digariskan untuk menjawab objektif kajian dalam rangka memberi pemahaman yang jelas mengenai keputusan kajian.

4.2 PERBINCANGAN PERMASALAHAN HUKUM SYARIAH BERKAITAN RAWATAN KESUBURAN IVF BAGI MENJAWAB OBJEKTIF 1

Perbincangan permasalahan hukum syariah berkaitan rawatan IVF bagi menjawab objektif kajian 1 iaitu untuk menyasat persoalan (hukum) syariah berkaitan dengan prosedur yang terdapat di dalam pelaksanaan rawatan kesuburan IVF. Terdapat beberapa permasalahan hukum syarak berkaitan prosedur dan proses di dalam rawatan kesuburan. Permasalahan ini berdasarkan kepada soalan kajian yang diperolehi daripada Pusat Rawatan Kesuburan UIAM atau International Islamic University Malaysia Fertility Centre (IIUM FC).

Pusat ini ditubuhkan pada bulan Januari 2009 dan menyediakan khidmat rawatan assisted reproductive technique (ART) termasuk rawatan IVF. Seramai 25 orang telah

dipilih di pusat rawatan IVF ini untuk mendapatkan isu-isu syariah berkaitan rawatan IVF. Untuk fasa 1, seramai 21 orang pesakit, 2 orang ahli embriologi dan 2 orang doktor terlibat. Dua orang ahli embriologi yang terlibat adalah perempuan manakala dua orang doktor pula adalah lelaki. Pakar-pakar yang terlibat ini yang terdiri daripada ahli embriologi dan doktor sudah mempunyai pengalaman 5-10 tahun setiap orang berkaitan rawatan kesuburan IVF. Manakala pesakit yang terlibat pula terdiri daripada pelbagai latar belakang umur dan usia perkahwinan. Jadual 4.1 menunjukkan demografi pesakit wanita yang terlibat dengan kajian berdasarkan umur dan usia perkahwinan.

Bil Pesakit	Umur	Usia Perkahwinan
1	29	3
2	36	4
3	34	6
4	25	3
5	28	4
6	37	11
7	26	6
8	33	6
9	27	5
10	34	1
11	41	4
12	34	8
13	31	4

14	37	9
15	34	12
16	34	8
17	26	3
18	34	8
19	33	7
20	30	4
21	36	7

Umur	Usia Perkahwinan			Jumlah
	1 – 5 tahun	6 – 10 tahun	➤ 10 tahun	
25 – 29	5	1	0	6
30 – 39	4	8	2	14
40 & ke atas	1	0	0	1
Jumlah	10	9	2	21

Jadual 4.1 : Demografi pesakit wanita berdasarkan umur dan usia perkahwinan

Berdasarkan kepada kajian, majoriti pesakit yang terlibat dengan kajian ini didapati berumur antara 30-39 tahun dan telah berkahwin selama 6-10 tahun. Berikut merupakan dapatan kajian persoalan hukum syariah berkaitan rawatan kesuburan IVF yang diperolehi dari fasa 1 :

4.2.1 Konsultasi Bersama Doktor

Peringkat pertama di dalam mendapatkan rawatan kesuburan adalah sesi konsultasi bersama doktor pakar. Penerima rawatan kesuburan mungkin perlu melalui beberapa sesi bersama doktor untuk menentukan masalah yang dihadapi dan juga melalui ujian yang bersesuaian dengan masalah tersebut. Di dalam sesi pertama, doktor akan mengambil maklumat seperti sejarah perubatan pasangan yang datang untuk menerima rawatan (Edmonds, 2007). Susulan daripada perbincangan, dua jenis pemeriksaan akan dilakukan iaitu :

1. Pemeriksaan Wanita
2. Pemeriksaan Lelaki

Berikut merupakan soalan berkaitan hukum syariah yang diperolehi dalam prosedur ini.

BIL	SOALAN	KUMPULAN	CATATAN
1	Apakah pengertian mandul dari sudut Islam? Dari hukum syarak, Apakah syarat utama untuk membolehkan pasangan datang berjumpa doktor untuk mendapat bantuan kesuburan?	Undang-undang Keluarga (Fiqh Munakahat)	
2	Semasa doktor memeriksa pesakit, pembantu perempuan diperlukan atau tidak?	Undang-undang Keluarga (Fiqh Munakahat)	
3	Bagi pemeriksaan tubuh pesakit bolehkah/perlukah suami menjadi saksi?	Undang-undang Sosial	Hubungan Lelaki dan Perempuan
4	Jika isteri datang tanpa suami, apakah hukumnya jika isteri menceritakan masalah kesihatan suami atau kelemahan suami kepada doktor dengan niat untuk	Undang-undang Sosial	

	mendapatkan khidmat nasihat.		
5	Apakah batas-batas antara doktor lelaki dan pesakit perempuan?	Undang-undang Sosial	

4.2.2 Ultrasound scan procedure (Prosedur Imbasan Bunyi)

Berikut merupakan soalan berkaitan hukum syariah yang diperolehi dalam prosedur ini.

BIL	SOALAN	KUMPULAN	CATATAN
1	Apakah batas aurat pesakit perempuan dan doktor lelaki?	Undang-undang Sosial	
2	Selepas prosedur scan (Prosedur Imbasan Bunyi) melalui vagina, adakah pesakit perlu mandi wajib untuk menjalani ibadat?	Fiqh Ibadah	
3	Apakah hukum scan melalui vagina pada bulan puasa?	Fiqh Ibadah	
4	Apakah hukum sekiranya pesakit tidak bersedia untuk melakukan scan melalui vagina?	-	Urusan doktor

4.2.3 Seminal Fluid Analysis (SFA)

Ketidaksuburan mungkin juga berpunca daripada suami. Oleh itu, beberapa ujian boleh dilakukan iaitu ujian darah serta pemeriksaan imbasan ultrabunyi testis dan prostat. Setelah ujian-ujian tersebut dilakukan (jika perlu), pengumpulan sperma pula akan dilakukan. Umumnya, hasil sampel diperolehi secara masturbasi (onani) yang dilakukan oleh suami atau dibantu oleh isteri. Terdapat juga pusat-pusat rawatan infertiliti yang membenarkan pasangan melakukan hubungan seksual untuk memperolehi sampel ini dengan melakukan azal atau *coitus interruptus*. Terdapat juga

suami yang memilih menggunakan bahagian anggota isterinya selain bahagian dubur untuk membantu beliau mengeluarkan air maninya (Ahmad Murad, 2013).

Kesemua sampel sperma tersebut hendaklah dikumpulkan di dalam bekas bermulut besar yang bersih atau steril. Pasangan dinasihatkan untuk tidak melakukan hubungan seksual atau masturbasi dalam tempoh 2 hingga 5 hari sebelum proses pengumpulan ini dibuat. Sampel hendaklah sampai ke makmal tidak melebihi tempoh 1 jam selepas ianya dikeluarkan (Ahmad Murad, 2013).

Berikut merupakan soalan berkaitan hukum syariah yang diperoleh dalam prosedur ini.

BIL	SOALAN	KUMPULAN	CATATAN
1	Jika ramai pesakit melakukan ujian SFA, adakah kemungkinan berlaku pertukaran label.	Fiqh Qadha (Perundangan Islam)	Sebelum rawatan
2	Untuk kakitangan klinik yang menganalisis sample, perlukah seorang saksi untuk pengesahan sampel?	Fiqh Qadha (Perundangan Islam)-Saksi Muslim dan Bukan Muslim	Semasa rawatan. Untuk mengelakkan berlaku kes di mahkamah.
3	Sekiranya sampel diambil dari rumah, apa hukum sekiranya kakitangan klinik was-was sampel yang diambil bukan sample suami pesakit @ sample orang lain?	Fiqh Umum	
4	Apa hukum sampel masturbasi @ coitus interruptus?	Undang-undang Keluarga (Munakahat)	
5	Apakah hukum pesakit (lelaki) yang ingin melakukan ujian SFA pada bulan puasa?	Fiqh Ibadah	Bab Puasa
6	Apakah hukum suami	Undang-undang	

	mengeluarkan air mani dengan cara masturbasi tanpa bantuan isteri?	Keluarga (Munakahat)	
7	Apakah hukum mengeluarkan air mani di tempat kotor seperti di dalam tandas untuk tujuan IUI atau IVF/ICSI	Fiqh Ibadah, Tasawuf (Akhlak dan Adab)	Bab Taharah
8	Frozen (Pembekuan)		
8.1	Apakah hukumnya jika lebih air mani di gunakan untuk tujuan penyelidikan di dalam makmal	Undang-undang Keluarga	
8.2	Apakah hukumnya menggunakan air mani yang disejuk beku (frozen) untuk tujuan IUI atau IVF/ICSI?	Undang-undang Keluarga, Fiqh Qadha	
8.3	Apakah hukumnya sekiranya menggunakan air mani orang lain untuk tujuan IUI/IVF?	Usul Fiqh, Fiqh Umum	
8.4	<p>Apa hukumnya menyimpan embrio yang dibekukan untuk digunakan bagi sesi melahirkan anak yang berikutnya walaupun dalam tempoh bertahun-tahun?</p> <p>Biasanya suami akan mengeluarkan sperma pada hari telur isteri dikeluarkan. Ini menyebabkan kadang-kadang suami mempunyai masalah mengeluarkan sperma kerana berada di bawah tekanan. Maka, doktor akan ambil sprema yang telah disejuk beku awal.</p>	Usul Fiqh	

	Apa hukumnya ambil sperm yang disejuk beku awal kerana dijaga oleh ahlinya yang bukan Muslim?		
--	---	--	--

4.2.4 Rangsangan Ubat

Beberapa jenis ubat akan digunakan untuk merangsang penghasilan ovum pesakit wanita.

Fungsi	Jenis
Ubat ujian hormon seperti Ujian Perangsang Folikel (Follicle Stimulating Hormone – FSH)/	a. Clomiphene citrate b. Ganotrophin(Gonal ‘F’, Puregon) c. Menonys, Menopur, Foliculin, Foliova
Ubat ujian Hormon Peluteinan (Lutenising Hormone – LH)/	a. Ovidrel [®] b. Pubergen [®] c. HuCoG [®]

Berikut merupakan soalan berkaitan hukum syariah yang diperoleh dalam prosedur ini.

BIL	SOALAN	KUMPULAN	CATATAN
1	Adakah kandungan ubat halal atau tidak?	Usul Fiqh	
2	Apakah hukum penggunaan bahan ubat halal @ tidak?	Usul Fiqh	

3	Apakah hukum suntikan injection ubat subur semasa berpuasa?	Fiqh Ibadah (Bab Puasa)	
4	Adakah perlu kakitangan klinik menerangkan kandungan ubat kepada pesakit?	-	Urusan doktor
5	Apakah hukum isteri mengambil/makan ubat subur atau makan ubat perancang kehamilan lain untuk betulkan haid tanpa pengetahuan suami.	Undang-undang Keluarga (Fiqh Munakat)	Izin Suami

4.2.5 Plan Melakukan Hubungan Kelamin Yang Dicapadangkan Doktor (Sexual Intercourse-SI)

Kesemua sampel tersebut hendaklah dikumpulkan di dalam bekas bermulut besar yang bersih atau steril. Pasangan dinasihatkan untuk tidak melakukan hubungan seksual atau masturbasi dalam tempoh 2 hingga 5 hari sebelum proses pengumpulan ini dibuat. Sampel hendaklah sampai ke makmal dalam tempoh 1 jam selepas ianya dikeluarkan.

Selain dari menjalani pemeriksaan ujian air mani (Seminal Fluid Analysis), pasangan lelaki juga perlu melakukan pemeriksaan fizikal yang lengkap terutamanya pemeriksaan buah zakar dan beberapa ujian-ujian lain juga mungkin perlu dilakukan seperti imbasan ultrabunyi testis dan prostat. Berikut merupakan soalan berkaitan hukum syariaah yang diperoleh dalam prosedur ini.

BIL	SOALAN	KUMPULAN	CATATAN
1	Apakah hukum sekiranya doktor menentukan masa untuk SI	Undang-undang Keluarga (Munakahat)	
2	Wajarkan doktor member	Undang-undang	

	bimbingan nasihat kepada pasangan yang bermasalah untuk melakukan SI	Keluarga (Munakahat)	
--	--	----------------------	--

4.2.6 Peranian Berhadis - Intrauterine Insemination (IUI)

Satu lagi kaedah rawatan kesuburan yang popular dan ialah peranian berhadis atau *artificial insemination*. Ianya dilakukan apabila air mani suami yang telah diproses dan dibersihkan dimasukkan terus kedalam rahim isteri menggunakan saluran kateter tertentu pada waktu isteri sedang subur. Kaedah IUI ini memerlukan kedua-dua saluran peranakan *fallopian tubes* yang tidak tersumbat (Marcus and Brinsden 2002, Rawal, et al., 2008, Abdelrahman & John, 2009).

Prosedur ini bermula apabila isteri mengambil ubat subur secara oral atau melalui suntikan pada hari kedua haid wanita tersebut dan berlanjutan untuk beberapa hari. Pengambilan ubat subur adalah untuk merangsang pengeluaran ovum untuk proses rawatan dilakukan. Sehubungan dengan ini peluang untuk mendapat ovum yang matang menjadi lebih tinggi jika ubat subur yang digunakan adalah jenis suntikan hcG atau Gonodotrophin. Walaubagaimanapun risiko untuk mendapat kelahiran berganda seperti anak kembar juga bertambah dengan penggunaan suntikan ini (Azantee et al., 2011).

Imbasan ultrabunyi melalui vagina atau *Trans Vagina Scan* akan dilakukan pada hari ke 10 atau 12 kitaran haid wanita tersebut. Jika terdapat ovum yang berukuran melebihi 17mm, ovum tersebut telah dianggap matang dan boleh dipecahkan atau ditetas dengan memberi suntikan hcG pada wanita berkenaan. Peranian berhadis hanya akan dilakukan kira-kira 34 hingga 36 jam selepas suntikan hcG tersebut diberikan. Berikut merupakan soalan berkaitan hukum syariaah yang diperoleh dalam prosedur ini (Azantee et al., 2011).

BIL	SOALAN	KUMPULAN	CATATAN
1	Sample diambil dari rumah,apa hukum sekiranya kakitangan klinik was-was sample yang diambil bukan sample suami pesakit @ sample orang lain?	Fiqh Umum	
2	Apa hukum sample masturbasi @ coitus interruptus?	Undang-undang Keluarga (Munakahat)	
3	Jika ramai pesakit melakukan prosedur IUI,kemungkinan berlaku pertukaran label.	Fiqh Umum	
4	Apa hukum pesakit memohon untuk melakukan prosedur IUI pada bulan puasa?	Fiqh Ibadah	Bab Puasa
5	Bolehkah doktor yang melakukan IUI pada pesakit bukan muslim di bulan puasa?	Fiqh Ibadah	Bab Puasa
6	Apakah hukum memproses air mani (cuci) sebelum di masukkan ke dalam rahim isteri?	Usul Fiqh	
7	Apakah hukum, menggugurkan kehamilan berganda (multiple pregnancy) hasil daripada prosedur IUI jika didapati mungkin memudaratkan keselamatan ibu	Fiqh Muamalat (Kewangan), Usul Fiqh	

4.2.7 Pengutipan Ovum - Ovum Pick Up Procedure (OPU)

Pengutipan ovum (OPU) adalah kaedah pengambilan telur dari pesakit wanita melalui faraj dan dilakukan menggunakan kawalan imbasan ultrabunyi. Prosedur ini

menggunakan sejenis jarum halus yang tertentu dan boleh dilakukan di dalam keadaan pesakit sedar sepenuhnya dengan pemberian suntikan ubat pelali di bahagian spesifik pada faraj. Kadangkala ubat bius ringan dan ubat penahan sakit diberikan. Terdapat juga pesakit yang diberikan bius sepenuhnya semasa proses ini berjalan bergantung kepada keadaan pesakit semasa prosedur hendak dijalankan (Ahmad Murad, 2013).

Semasa prosedur dijalankan, cecair dari folikel akan disedut dan disalurkan ke dalam tabung uji dan seterusnya segera diserahkan untuk pemeriksaan oleh ahli embriologi. Ovum-ovum tersebut kemudiannya diletakkan ke dalam piring makmal yang mempunyai media kultur sebelum disimpan di dalam peti inkubator yang ditetapkan pada suhu badan. Berikut merupakan soalan berkaitan hukum syariah yang diperoleh dalam prosedur ini (Ahmad Murad, 2013).

BIL	SOALAN	KUMPULAN	CATATAN
1	Apakah batas aurat pesakit perempuan dengan doktor lelaki?	Undang-undang Sosial	
2	Selepas prosedur OPU, adakah pesakit perlu mandi wajib untuk menjalani ibadat?	Fiqh Ibadah	Bab mandi wajib
3	Jika masih ada darah keluar dari vagina selepas OPU, bolehkah isteri mengerjakan solat atau puasa?	Fiqh Ibadah	Bab Puasa
4	Jika ramai pesakit melakukan prosedur OPU, adakah kemungkinan berlaku pertukaran label.	Fiqh Umum	
5	Setelah sampel diambil dari rumah, apa hukum sekiranya kakitangan klinik was-was sampel yang diambil bukan sample suami	Fiqh Umum	

	pesakit @ sample orang lain?		
6	Apakah hukum sample masturbasi @ coitus interruptus?	Undang-undang Keluarga (Munakahat)	
7	Apakah hukum pesakit memohon untuk melakukan prosedur OPU pada bulan puasa?	Fiqh Ibadah	Bab Puasa
8	Apakah hukum doktor Muslim melakukan OPU pada pesakit bukan muslim di bulan puasa?	Fiqh Ibadah	Bab Puasa
9	Adakah bahan media yang digunakan untuk kultur embryo halal atau tidak?	Usul Fiqh	Bukan ubatan

4.2.8 Pemindahan Ovum dan Sperma - Embryo Transfer (ET)

Embrio yang telah berjaya berkembang menjadi 2 hingga 8 sel akan dipilih untuk dipindahkan ke dalam rahim wanita tersebut, biasanya pada hari kedua atau ketiga selepas pengutipan ovum (OPU) dilakukan. Proses pencantuman ovum dan sperma boleh menghasilkan lebih dari satu embrio. Selalunya hanya 2 atau 3 embrio akan dipindahkan ke dalam rahim pesakit wanita berkenaan. Embrio yang dipilih akan dipindahkan ke dalam rahim menggunakan kateter. Pakar perubatan lazimnya tidak akan memindahkan terlalu banyak embrio untuk mengelakkan risiko kehamilan berganda.

Baki embrio boleh disimpan melalui proses pembekuan embrio sebagai frozen embryo atau ianya dibuang. Embrio yang dibekukan boleh digunakan semula tanpa wanita berkenaan perlu melalui proses suntikan hormon ubat subur dan OPU semula.

BIL	SOALAN	KUMPULAN	CATATAN
-----	--------	----------	---------

1	Semasa ET adakah perlu saksi untuk pengesahan embrio sebelum inseminasi (<i>inseminate</i>) ke dalam vagina pesakit?	Fiqh Qadha (Perundangan Islam)	Bab Syahadah (Persaksian)
2	Adakah perlu mandi wajib selepas pemindahan embrio?	Fiqh Ibadah	Bab Taharah (Mandi wajib)
3	Adakah bahan media yang digunakan halal atau tidak?	Fiqh Ibadah	Bab Taharah

4.2.9 PESA/ TESA

Berikut merupakan soalan berkaitan hukum syariah yang diperolehi dalam prosedur ini.

BIL	SOALAN	KUMPULAN	CATATAN
1	Apakah batasan aurat pesakit lelaki dengan kakitangan perempuan?	Undang-undang Sosial	
2	Adakah bahan media yang digunakan halal atau tidak?	Fiqh Ibadah	Bab Taharah

4.2.10 Bayaran

Berikut merupakan soalan berkaitan hukum syariah yang diperolehi dalam prosedur ini.

BIL	SOALAN	KUMPULAN	CATATAN
1	Apakah hukum mengubahsuai harga resit untuk tujuan tuntutan bayaran balik rawatan atau ubat?	Fiqh Muamalat (Kewangan Islam)	

4.2.11 Makmal Embriologi (Embryology lab)

Berikut merupakan soalan berkaitan hukum syariah yang diperoleh dalam prosedur ini.

BIL	SOALAN	KUMPULAN	CATATAN
1	Semasa proses pencantuman samada IVF @ ICSI telur isteri dengan sperma suami, adakah perlu saksi untuk pengesahan?	Fiqh Qadha' (Perundangan Islam)	
2	Apakah hukum pembekuan embrio untuk tujuan kegunaan masa akan datang?	Usul Fiqh	
3	Untuk pembekuan embrio dan sperma, adakah perlu saksi untuk pengesahan sample?	Fiqh Qadha' (Perundangan Islam)	
4	Bolehkah lebih embrio atau janin di buang atau dijadikan bahan penyelidikan?	Usul Fiqh/ Fiqh Umum	
5	Bagaimanakah cara yang betul untuk membuang embrio yang tidak diperlukan lagi.	-	Urusan Doktor
6	Apakah hukum menggunakan sperma suami dan telur isteri untuk dimasukkan ke isteri lain (ibu tumpangan)?	Fiqh Umum, Usul Fiqh	

7	Apakah hukum menggunakan sample suami/isteri yang telah meninggal dunia untuk prosedur IUI/IVF?	Fiqh Umum, Usul Fiqh	
8	Jika ramai pesakit melakukan prosedur IVF, adakah kemungkinan berlaku pertukaran label telur atau embrio.	Fiqh Qadha (Perundangan Islam)	Bab Syahadah (persaksian)

Dalam fasa ke-2 pula, seramai 5 orang pakar agama Islam yang terlibat sebagai panel bagi membincangkan isu hukum syariah berkaitan rawatan ini. Jadual 4.2 menunjukkan latar belakang maklumat pakar agama tersebut.

Bil	Bidang Kepakaran	Usia Kepakaran	Jumlah Pakar
1	Fiqh Ibadah, Fiqh Munakahat	> 10 tahun	1
2	Fiqh Munakahat, Sosial <i>Hukm</i>	> 10 tahun	1
3	Fiqh Ibadah, Usul Fiqh	> 10 tahun	1
4	Fiqh Umum, Fiqh Qadha'	> 10 tahun	1
5	Fiqh Muamalat, Usul Fiqh	> 10 tahun	1

Jadual 4.2 : Latar belakang maklumat pakar agama

Daripada data kajian yang diperoleh, permasalahan hukum syariah berkaitan rawatan kesuburan boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian menurut disiplin ilmu agama Islam. Permasalahan ini telah dibahagikan kepada 6 bahagian disiplin ilmu agama Islam seperti berikut :

1. Munakahat (Keluarga Islam)
2. Hukum Sosial
3. Fiqh Ibadah
4. Fiqh Qadha (Undang-undang Hukum Islam)
5. Fiqh Umum
6. Usul Fiqh

Berikut merupakan data persoalan hukum syariah yang dibahagikan mengikut kepakaran dalam bahagian disiplin ilmu Islam :

1. Fiqh Ibadah

BIL	PERINGKAT	SOALAN
1	Ultrasound scan procedure	Selepas prosedur scan melalui vagina, pesakit perlu mandi wajib untuk menjalani ibadat?
2	Ultrasound scan procedure	Apakah hukum scan melalui vagina pada bulan puasa?
3	Seminal Fluid Analysis (SFA)	Hukum pesakit (lelaki) yang ingin melakukan ujian SFA pada bulan puasa?
4	Seminal Fluid Analysis (SFA)	Apakah hukum mengeluarkan air mani di tempat kotor seperti di dalam tandas untuk tujuan IUI atau IVF/ICSI
5	Start taking Clomiphene/ injection (Medication)	Apakah hukum suntikan injection ubat subur semasa berpuasa?
6	Intrauterine Insemination (IUI)	Apa hukum pesakit memohon untuk melakukan prosedur IUI pada bulan puasa?
7	Intrauterine Insemination	Bolehkah doktor yang melakukan IUI pada

	(IUI)	pesakit bukan muslim di bulan puasa?
8	Ovum Pick Up Procedure (OPU)	Selepas prosedur OPU, pesakit perlu mandi wajib untuk menjalani ibadat?
9	Ovum Pick Up Procedure (OPU)	Jika masih ada darah keluar dari vagina selepas OPU, bolehkah isteri mengerjakan solat atau puasa?
10	Ovum Pick Up Procedure (OPU)	Apa hukum pesakit memohon untuk melakukan prosedur OPU pada bulan puasa?
11	Ovum Pick Up Procedure (OPU)	Bolehkah doktor yang melakukan OPU pada pesakit bukan muslim di bulan puasa?
12	Embryo Transfer (ET)	Selepas ET pesakit adakah perlu mandi wajib @ tidak?
13	Embryo Transfer (ET)	Bahan media yang digunakan halal @ tidak?
14	PESA/ TESA	Bahan media yang digunakan halal @ tidak?
15	Umum	Adakah suntikan yang diberikan kepada pesakit ketika proses IVF ini membatalkan puasa jika suntikan itu mengandungi makanan?
16	Umum	Adakah suntikan semasa proses IVF ini sampai ke perut?

2. Usul Fiqh

BIL	PERINGKAT	SOALAN
1	Seminal Fluid Analysis (SFA)	Apakah hukumnya sekiranya menggunakan air mani orang lain untuk tujuan IUI/IVF?
2	Seminal Fluid Analysis (SFA)	Apa hukumnya menyimpan embrio yang dibekukan untuk digunakan bagi sesi melahirkan anak yang berikutnya walaupun dalam tempoh bertahun-tahun?
3	Start taking Clomiphene	Adakah kandungan ubat halal atau tidak?

	injection (Medication)	
4	Start taking Clomiphene injection (Medication)	Apa hukum penggunaan bahan ubat halal @ tidak?
5	Intrauterine Insemination (IUI)	Apakah hukum memproses air mani (cuci) sebelum di masukkan ke dalam rahim isteri?
6	Intrauterine Insemination (IUI)	Apakah hukum, menggugurkan kehamilan berganda (multiple pregnancy) hasil daripada prosedur IUI jika didapati mungkin memudaratkan keselamatan ibu?
7	Ovum Pick Up Procedure (OPU)	Adakah bahan media yang digunakan untuk kultur embrio halal atau tidak?
8	Embryology lab	Apakah hukum pembekuan embrio untuk tujuan kegunaan masa akan datang?
9	Embryology lab	Apakah hukum menggunakan sperma suami dan telur isteri dimasukan ke isteri lain (ibu tumpangan)?
10	Embryology lab	Apakah hukumnya menggunakan sampel suami/isteri yang telah meninggal dunia untuk prosedur IUI/IVF?
11	Umum	Ubat-ubat yang diambil dari dadah digunakan untuk menggalak ovulasi apa hukumnya?
12	Umum	Apa hukumnya doktor Islam yang merawat dengan kaedah IVF kepada pasangan bukan Islam yang bukan suami isteri sedangkan dia tahu haram kepada orang Islam jika bukan suami isteri?

3. Fiqh Munakahat (Family Law)

BIL	PERINGKAT	SOALAN
1	Konsultasi dengan doktor	Apakah pengertian mandul dari sudut islam. Dari hukum syarak, Apakah syarat syarat utama untuk membolehkan pasangan datang berjumpa doktor untuk mendapat bantuan kesuburan?
2	Consultation by doctor	Semasa doktor memeriksa pesakit, adakah pembantu perempuan diperlukan atau tidak?
3	Seminal Fluid Analysis (SFA)	Apa hukum sample <i>masturbasi</i> atau <i>coitus interruptus</i> ?
4	Seminal Fluid Analysis (SFA)	Apakah hukum suami mengeluarkan air mani dengan cara masturbasi tanpa bantuan isteri?
5	Seminal Fluid Analysis (SFA)-Frozen	Apakah hukumnya jika lebihan air mani di gunakan untuk tujuan penyelidikan didalam makmal?
6	Seminal Fluid Analysis (SFA)-Frozen	Apakah hukumnya menggunakan air mani yang disejuk beku (frozen) untuk tujuan IUI atau IVF/ICSI?
7	Start taking Clomiphene/injection (Medication)	Apakah hukum isteri mengambil/makan ubat subur atau makan ubat perancang kehamilan lain untuk betulkan haid tanpa pengetahuan suami?
8	Sexual Intercourse (SI)	Apakah hukum sekiranya doktor menentukan masa untuk SI?
9	Sexual Intercourse (SI)	Wajarkan doktor member bimbingan nasihat kepada pasangan yang bermasalah untuk melakukan SI?
10	Intrauterine Insemination	Apa hukum <i>sample masturbasi</i> atau <i>coitus</i>

	(IUI)	<i>interruptus?</i>
11	Ovum Pick Up Procedure (OPU)	Apakah hukum sample <i>masturbasi</i> atau <i>coitus interruptus</i> ?
12	Umum	Apakah tidak sama hukumnya mengambil embrio derma dan mengambil anak angkat dari segi Islam?

4. Undang-undang Sosial

BIL	PERINGKAT	SOALAN
1	Konsultasi Bersama Doktor	Bagi pemeriksaan tubuh pesakit bolehkah/perlukah suami menjadi saksi?
2	Konsultasi Bersama Doktor	Jika isteri datang tanpa suami, apakah hukumnya jika isteri menceritakan masalah kesihatan suami atau kelemahan suami kepada doktor dengan niat untuk mendapatkan khidmat nasihat?
3	Konsultasi Bersama Doktor	Apakah batas-batas antara doktor lelaki dan pesakit perempuan?
4	Ultrasound scan procedure	Apakah batasan aurat pesakit perempuan dan doktor lelaki?
5	Ovum Pick Up Procedure (OPU)	Apakah batasan aurat pesakit perempuan dengan doktor lelaki?
6	PESA/ TESA	Apakah atasan aurat pesakit lelaki dengan kakitangan perempuan?

5. Fiqh Umum

BIL	PERINGKAT	SOALAN
1	Seminal Fluid Analysis (SFA)	Apakah hukum sekiranya kakitangan klinik was-was sampel yang diambil di rumah samada

		sampel suami pesakit atau sampel orang lain?
2	Seminal Fluid Analysis (SFA)-Frozen	Apakah hukumnya sekiranya menggunakan air mani orang lain untuk tujuan IUI/IVF?
3	Intrauterine Insemination (IUI)	Apakah hukum sekiranya kakitangan klinik was-was sampel yang diambil di rumah samada sampel suami pesakit atau sampel orang lain?
4	Intrauterine Insemination (IUI)	Jika ramai pesakit melakukan prosedur IUI, adakah kemungkinan berlaku pertukaran label.
5	Ovum Pick Up Procedure (OPU)	Jika ramai pesakit melakukan prosedur OPU, adakah kemungkinan berlaku pertukaran label.
6	Ovum Pick Up Procedure (OPU)	Apakah hukum sekiranya kakitangan klinik was-was sampel yang diambil di rumah samada sampel suami pesakit atau sampel orang lain?
7	Embryology lab	Bolehkah lebih embrio atau janin di buang atau dijadikan bahan penyelidikan?
8	Embryology lab	Apakah hukum menggunakan sperma suami dan telur isteri dimasukkan ke dalam rahim isteri lain (ibu tumpangan)?
9	Embryology lab	Apakah hukumnya menggunakan sample suami/isteri yang telah meninggal dunia untuk prosedur IUI/IVF?

6. Fiqh Qadha'(Perundangan Islam)

BIL	PERINGKAT	SOALAN
1	Seminal Fluid Analysis (SFA)	Jika ramai pesakit melakukan ujian SFA, adakah kemungkinan berlaku pertukaran label?
2	Seminal Fluid Analysis (SFA)	Untuk kakitangan klinik yang menganalisis sample, perlukah seorang saksi untuk pengesahan sample?

3	Seminal Fluid Analysis (SFA)	Apakah hukumnya menggunakan air mani yang disejuk beku (frozen) untuk tujuan IUI atau IVF/ICSI?
4	Embryo Transfer (ET)	Semasa ET, adakah perlu saksi untuk pengesahan embrio sebelum inseminasi atau <i>inseminate</i> ke dalam pesakit?
5	Embryology lab	Semasa proses pencantuman samada IVF atau ICSI telur isteri dengan sperma suami, adakah perlu saksi untuk pengesahan?
6	Embryology lab	Jika ramai pesakit melakukan prosedur IVF, adakah kemungkinan berlaku pertukaran label telur atau embrio?
7	Umum	Apakah hukumnya menggunakan PGD ini dalam IVF kerana dilihat sedikit mahu menolak takdir jantina bayi?
8	Umum *Pengelasan antara Bunuh Sengaja/Bunuh Tanpa Sengaja/ Seakan-akan membunuh *Pengelasan antara Diyat/pampasan	Adakah doktor bertanggungjawab atas kesan kemudaratan yang berlaku atas bayi yang dilahirkan? Adakah doktor perlu membayar diyat sekiranya berlaku kematian atas bayi kesan daripada rawatan IVF yang diberikan?
		Sekiranya doktor cuai ketika proses pelabelan tabung, dan menyebabkan kesan pertukaran waris, adakah doktor perlu bayar pampasan atau diyat?
		Sekiranya berlaku kematian atas ibu yang mengandung kesan daripada rawatan IVF sedangkan ibu itu telah disahkan sihat sebelum rawatan, adakah doktor perlu bertanggungjawab dan membayar diyat?
		Sekiranya berlaku kecuaiian ketika rawatan IVF sedangkan doktor itu pakar dan mahir, adakah dia perlu membayar diyat?

		Sekiranya isteri telah memberikan izin untuk menjalankan rawatan IVF namun suami tidak izin, adakah doktor perlu bayar diyat atas suami sekiranya berlaku kemudaratan?
		Adakah jatuh hukum qisas atas doktor yang menyebabkan kematian kesan daripada rawatan IVF?
		Jika doktor tahu pesakit ada ketumbuhan dan akan mendapat kesan jika melakukan rawatan IVF, namun doktor tetap melakukan rawatan, akhirnya menyebabkan kemudaratan, adakah doktor itu perlu membayar diyat atau pampasan?
		Sekiranya telah mendapat izin dari pesakit namun tiada izin daripada kerajaan untuk melakukan rawatan IVF ke atas pesakit, adakah doktor perlu bayar diyat sekiranya berlaku kemudaratan?

7. Fiqh Muamalat (Kewangan)

BIL	PROSUDER/ PERINGKAT	SOALAN
1	Intrauterine Insemination (IUI)	Apakah hukum menggururkan kehamilan berganda (multiple pregnancy) hasil daripada prosedur IUI jika didapati mungkin memudaratkan keselamatan ibu?
2	Bayaran	Apakah hukum mengubahsuai harga resit untuk tujuan tuntutan bayaran balik rawatan atau ubat?

Berdasarkan kepada 6 bahagian disiplin ilmu agama Islam ini, antara permasalahan hukum syariah yang menjadi isu utama adalah hukum melakukan masturbasi (onani) dalam proses rawatan, keperluan mandi wajib setelah proses masturbasi, hukum solat dan puasa setelah berlaku pendarahan ketika menjalani proses rawatan, had batas aurat ketika rawatan, keperluan bilik khas rawatan, keperluan wujudnya saksi ketika proses rawatan, halal dan haram bahan ubatan yang digunakan dan sebagainya.

4.3 PERBINCANGAN KANDUNGAN FATWA BERKAITAN RAWATAN KESUBURAN IVF BAGI MENJAWAB OBJEKTIF 2

Objektif kedua pula ialah untuk mengkaji setiap kandungan fatwa berkaitan dengan prosedur yang terdapat di dalam pelaksanaan rawatan kesuburan IVF. Selepas mendapat permasalahan hukum syariah berkaitan rawatan kesuburan, kajian telah menghimpunkan fatwa-fatwa berkaitan rawatan kesuburan yang terdapat di Malaysia dan di luar negara. Fatwa-fatwa yang dikumpul telah dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti berikut :

1. Fatwa Kebangsaan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJKF)
2. Fatwa Negeri oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri
3. Fatwa badan-badan agama Islam luar negara
4. Fatwa Ilmuan Islam

4.3.1 Fatwa Kebangsaan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJKF)

Fatwa pertama berkaitan rawatan kesuburan di Malaysia oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJKF) kali ke-5 dan ke-6 yang bersidang pada 16-17 November 1982 dan 10 Oktober 1983 bagi membincangkan isu berkenaan penggunaan kaedah (IVF) atau Bayi Tabung

Uji (Razali Bin Shahabudin, R.S. 2008). Keputusan muzakarah adalah harus melakukan proses pencantuman di makmal melalui kaedah IVF semasa tempoh perkahwinan yang sah.

Keputusan tersebut adalah seperti berikut :

- a) Bayi Tabung Uji dari benih suami isteri yang dicantumkan secara terhormat adalah sah di sisi Islam. Sebaliknya benih yang diambil dari bukan suami isteri yang sah, bayi tabung uji itu adalah tidak sah.
- b) Bayi yang dilahirkan melalui tabung uji itu boleh menjadi wali dan berhak menerima harta pesaka daripada keluarga yang berhak.
- c) Sekiranya benih dari suami atau isteri yang dikeluarkan dengan cara yang tidak bertentangan dengan Islam ianya dikira sebagai cara terhormat.

Berdasarkan keputusan muzakarah tersebut, dapat disimpulkan di sini bahawa adalah harus melakukan kaedah rawatan kesuburan IVF selama dalam tempoh perkahwinan yang sah. Hukum harus di dalam Islam adalah sesuatu yang diberikan pilihan oleh Allah bagi setiap manusia yang mukallaf untuk melakukannya atau meninggalkannya. Sesuatu yang harus juga tidak akan dipuji atau dikutuk oleh Allah apabila kita telah melakukannya (Wahbah Zuhaili, 2005). Dalam konteks pendermaan sperma, selain Fatwa Kebangsaan, secara umumnya kita menerima ketetapan yang dibuat oleh satu seminar di Universiti Al Azhar yang mana prosedur rawatan kesuburan ini dibenarkan syarak dengan syarat dalam lingkungan perkahwinan yang sah (Siti Nuraini Mohamed Nor, 2004).

Setelah 20 tahun berlalu, Muzakarah Fatwa Kebangsaan kali ke-55 dan ke-56 pula sekali lagi bersidang membincangkan isu pencantuman benih untuk mendapatkan zuriat melalui kaedah hamilan (Assisted Reproductive Technology) pada 8 April 2003. Isu yang dibincangkan ini juga dilihat ada hubungkait dengan hukum penggunaan kaedah IVF. Antara isu yang ditimbulkan adalah :

- a) Mencantumkan benih yang dikeluarkan sebelum perkahwinan. Salah satu kaedah ART yang digunakan untuk membolehkan seseorang itu mendapatkan anak kandung sendiri ialah kaedah mengeluarkan benih

sebelum perkahwinan. Kaedah ini melibatkan *oocytes* perempuan atau sperma lelaki yang dikeluarkan sebelum seseorang itu berkahwin, atas sebab-sebab kesihatan atau masalah ketidaksuburan yang dijangka akan berlaku. Benih ini boleh disimpan bekukan di dalam makmal sehingga tempoh masa antara 5-10 tahun. Benih ini hanya akan dicantumkan dengan benih suami atau isteri apabila mereka telah berkahwin. Sedangkan benih itu (sama ada *oocytes* isteri sahaja atau sperma suami sahaja atau kedua-duanya) dikeluarkan sebelum berlaku perkahwinan tersebut.

- b) Memasukkan embrio ke dalam rahim isteri selepas berlaku perceraian atau kematian suami. Berdasarkan kepada peraturan umum yang digariskan dalam melaksanakan kaedah ART ini, rawatan kes-kes ketidaksuburan hanya akan diberikan kepada pasangan suami isteri yang sah sahaja. Persoalan timbul sekiranya benih suami dan isteri telah dicantumkan (menjadi embrio), kemudian berlaku perceraian atau kematian suami. Apakah hukum memasukkan benih yang telah dicantumkan (embrio) yang dihasilkan semasa tempoh perkahwinan yang sah ke dalam rahim “si isteri”.

Muzakarah telah memutuskan seperti berikut :

- a) Hukum memasukkan embrio ke dalam rahim isteri selepas berlaku kematian suami atau perceraian adalah haram.
- b) Hukum mencantumkan benih yang dikeluarkan sebelum akad nikah dan kemudiannya dibuat pencantuman dalam tempoh perkahwinan yang sah adalah haram.
- c) Hukum mencantumkan benih yang diambil dan dicantumkan dalam tempoh perkahwinan yang sah adalah harus.
- d) Hukum mencantumkan benih yang dikeluarkan sebelum perkahwinan atas sebab-sebab kesihatan atau masalah ketidaksuburan yang dijangka akan berlaku adalah harus dengan syarat pencantuman dibuat dengan benih pasangan dalam tempoh perkahwinan yang sah.

4.3.2 Fatwa Negeri oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri

Selain fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Fatwa Kebangsaan, terdapat juga fatwa yang dikeluarkan oleh negeri berkaitan rawatan IVF seperti keputusan Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(FATWA) Negeri Selangor pada 1 Januari 1970 mengenai isu-isu perubatan dalam perspektif Islam berkaitan rawatan kesuburan. Fatwa yang dikeluarkan adalah seperti berikut :

1) Bayi Tabung Uji

Benih suami isteri harus dikandungkan oleh isteri sendiri sekiranya suami masih hidup. Benih suami isteri haram dikandungkan oleh wanita lain. Benih suami isteri yang telah ditabung ujikan haram dimasukkan kedalam rahim isteri sekiranya suami telah meninggal dunia terlebih dahulu kerana perbuatan ini boleh membawa kepada fitnah. Harus menghapuskan telur-telur yang telah disenyawakan di dalam tabung uji dengan menyelamatkan satu telur sahaja, untuk dikandungkan kerana telur-telur tersebut masih belum bernyawa.

2) Gugur Kandungan

Anak yang dikandung yang berkemungkinan cacat harus digugurkan atas nasihat doktor pakar. Sekiranya sudah bernyawa, hukumnya haram digugurkan.

3) Merawat Benih

Benih yang dikenal pasti oleh doktor pakar sebagai cacat/down syndrome harus dirawat oleh doktor supaya bila lahir menjadi anak yang normal.

(Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Selangor, 1970)

4.3.3 Fatwa Badan-badan Agama Islam Luar Negara

Serour (1998) menerangkan bahawa sebelum tahun 1980, masyarakat Timur Tengah tidak dapat menerima kaedah rawatan kesuburan kerana belum ada fatwa yang dikeluarkan berkaitan kaedah rawatan kesuburan ini. Apatah lagi, kos menubuhkan sebuah pusat rawatan kesuburan pada tahun tersebut adalah sekitar 400-500 ribu Dolar

Amerika dan ini menyebabkan mereka tidak mempunyai dana yang cukup bagi menubuhkannya. Oleh kerana kos penubuhan pusat rawatan yang mahal dan bayaran kos menjalani rawatan juga mahal, pihak kerajaan dan badan-badan kesihatan di negara Islam tidak berminat mengambil tahu dan menjalankan penyelidikan terhadap kaedah rawatan kesuburan ini.

Badan agama Islam yang pertama mengeluarkan fatwa berkaitan rawatan kesuburan di negara Islam adalah Fatwa Al-Azhar (1980) dan Fatwa Darul Ifta Kaherah (1980) diikuti oleh Islamic Organization for Medical Science di Kuwait (1983) dan Islamic Fiqh Council di Mekah (1984). Pada sekitar tahun 1980-an, masyarakat Timur Tengah atau masyarakat Islam di negara Arab malu dan rasa bersalah untuk mendapatkan rawatan kesuburan kerana bagi mereka itu adalah satu keaiban. Sehingga pada tahun 1990-an, mereka semakin terbuka untuk menerima kaedah rawatan kesuburan ini (Serour, 1998).

Melihat kepada sambutan masyarakat Muslim semakin meningkat, beberapa badan autoriti telah mengeluarkan garis panduan syariah berkaitan kaedah kesuburan ART untuk membantu para pesakit dan pengamal perubatan. Antara badan-badan Islam yang mengeluarkan garis panduan ini adalah Islamic Medicine di Kuwait dan International Islamic Center for Population Studies and Research, Universiti Al-Azhar (Serour, 1998). Badan-badan agama Islam di negara Arab sepakat tidak membenarkan pemindahan ovum dan sperma bagi mereka yang tiada ikatan perkahwinan yang sah (Serour, 1998).

4.3.4 Fatwa dan pendapat Ilmuan Islam

Terdapat ramai ilmuan Islam yang diakui ilmunya telah mengeluarkan fatwa berkaitan rawatan kesuburan IVF. Para ulama' telah membahaskan hukum menjalankan rawatan IVF dengan merujuk dalil-dalil daripada Quran dan Sunnah tentang keharusan dan pengharamannya. Terdapat beberapa jenis kaedah rawatan IVF sebagaimana berikut:

a) Menggunakan air mani yang didermakan oleh orang lain

Para ulama' telah sepakat menfatwakan haram hukumnya apabila menggunakan air mani orang lain atau melibatkan air mani orang ke tiga untuk menjalankan rawatan IVF. Pada tahun 1225 Hijri, Fatwa Mesir telah dikeluarkan oleh Mufti Syeikh Jadul Haq Ali Jadul Haq yang menyatakan "Mencampurkan air mani seorang perempuan lain dengan suami, kemudian memasukkan ke dalam rahim isteri adalah haram dan ia adalah zina". Pandangan yang sama juga dikeluarkan oleh Majma' Fiqh Islami pada persidangan kali kedua dengan memutuskan haram hukumnya apabila melibatkan orang ketiga.

Selain itu, Syeikh Mahmud Syaltut dalam kitab fatwanya berkata, apabila percampuran air mani dengan lelaki asing tanpa ada ikatan perkahwinan yang sah, ia adalah seperti mengahwinkan haiwan dengan haiwan dan tumbuhan dengan tumbuhan. Konsep percampuran seperti ini lari dari konsep hidup manusiawi dan bermasyarakat, dan ia adalah satu jenayah mungkar menurut pandangan syarak. Beliau berkata lagi, proses ini juga merupakan dosa besar dan sama seperti zina.

Syeikh Mustafa Zarqa' juga ada menulis dan mengatakan apabila seorang telah mengambil air mani di bank sperma dan meletakkan ke dalam rahim isteri, hukumnya adalah haram kerana boleh mengubah nasab atau keturunan dan memberi kesan kepada hak dan tanggungjawab bayi tersebut.

b) Percampuran air mani suami isteri dan proses persenyawaan dilakukan di luar rahim

Ada dua pandangan terhadap proses ini. Pandangan pertama adalah harus menggunakan proses ini dan pandangan ke dua pula mengatakan haram dengan merujuk kepada dalil-dalil tertentu.

Pandangan pertama (Harus Bersyarat)

Para ulama yang bersetuju mengatakan harus kaedah seperti ini tapi dengan syarat-syarat bahawa ia dalam keadaan darurat dan ada keinginan yang bersungguh-sungguh untuk mendapatkan anak (Muhammad Mahmud Hamzah, 2007). Antara ulama' yang bersetuju dan meletakkan syarat ini ialah Syeikh Mustafa Zarqa', Syeikh

Dr Muhammad Said Ramadhan al Butiy, Syeikh Jadul Haq Ali Jadul Haq, dan Syeikh Abdul Rahman al Najar.

a) Hujah Syeikh Mustafa al Zarqa'

Antara 4 syarat diharuskan mendapatkan rawatan ini ialah :

- a) Apabila kurangnya mudarat melalui kaedah rawatan seperti ini
- b) Mempunyai keinginan yang bersungguh-sungguh untuk mendapatkan anak
- c) Pasangan suami isteri yang masih belum mempunyai anak
- d) Terdapatnya doktor yang *thiqah* menjalankan rawatan (Muhammad Mahmud Hamzah, 2007).

b) Hujah Syeikh Dr Said Ramadhan al Butiy

Ada penegasan iaitu ta'qid oleh ulama' Islam, para doktor dan pakar-pakar yang khusus dalam bidang ini yang menyatakan kaedah ini tidak memberi mudharat kepada diri, kesihatan dan akal anak selepas dilahirkan. Jika terdapat mudarat pada anak tersebut setelah dilahirkan, maka hukumnya adalah haram (Muhammad Mahmud Hamzah, 2007). Beliau merujuk kepada kaedah Fiqhiyyah yang berbunyi 'La dhorara wala dhiror' iaitu tidak mudarat dan memudaratkan yang lain.

c) Hujah Abdul Rahman al Najar

Beliau yang merupakan Pengerusi Umum Himpunan Masjid, Kementerian Wakaf Mesir berkata, "Sesungguhnya kelahiran anak dengan kaedah persenyawaan air mani dan sperma daripada lelaki dan perempuan dalam tabung uji adalah tidak menyalahi sunnah tabi'e." (Muhammad Mahmud Hamzah, 2007)

Pandangan kedua (Haram)

Para Ulama yang mengatakan haram hukumnya menjalankan kaedah rawatan ini kerana bercanggah dengan Quran dan Sunnah antaranya Syeikh Rajab Bayud Al Tamimi dan Syeikh Muhammad Ibrahim Syaqrh.

a) Hujah Syeikh Rajab Bayud al Tamimi

Sesungguhnya kaedah persenyawaan benih melalui bayi tabung uji dan dilakukan di luar rahim adalah bercanggah dengan al Quran Surah Al Baqarah ayat 223 yang bermaksud :

“Isteri-isteri kamu adalah sebagai kebun tanaman kamu, oleh itu datangilah kebun tanaman kamu menurut cara yang kamu sukai dan sediakanlah (amal-amal yang baik) untuk diri kamu. Dan bertakwalah kepada Allah serta ketahuilah sesungguhnya kamu akan menemuiNya (pada hari akhirat kelak) dan berilah khabar gembira wahai Muhammad kepada orang-orang yang beriman”

Di dalam ayat ini, Allah memerintahkan supaya para suami mendatangi isterinya untuk melakukan persetubuhan atau jima' dengan tujuan mendapatkan anak. Allah mengibaratkan para isteri sebagai kebun tanaman di mana hasilnya adalah anak-anak yang akan membahagiakan mereka. Ini menunjukkan bahawa segala proses mendapatkan anak selain daripada persetubuhan dengan isteri seperti proses persenyawaan melalui kaedah bayi tabung uji ini jelas bercanggah dengan maksud ayat ini.

Beliau juga berkata, sesungguhnya kaedah *Fiqh sad zarai'e* suatu perintah penting Allah untuk menjaga masyarakat. Kaedah Fiqh juga ada berbunyi 'menolak perkara buruk lebih utama dari mendapat kebaikan'. Beliau menerangkan perkara buruk yang akan berlaku adalah kecelaruan nasab.

b) Hujah Syeikh Muhammad Ibrahim Syaqrh

Beliau berkata sesungguhnya kaedah fiqh *Sad Zaraie* adalah untuk mengingatkan orang Islam supaya menitik beratkan urusan perkara halal. Proses persenyawaan bayi tabung uji dikhuatiri termasuk dalam perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah dengan akan berlakunya percampuran nasab (Muhammad Mahmud Hamzah, 2007).

Hukum Melakukan Masturbasi (Onani) di Dalam Proses Rawatan

Menurut Dr Yusuf Qardhawi, secara umumnya, orang yang sentiasa melakukan masturbasi (onani) untuk memuaskan hawa nafsunya itu adalah haram sebab orang tersebut telah merangsang dirinya untuk melakukan onani dengan melihat gambar

lucah, video lucah atau sebagainya sehingga menyebabkan pemikirannya terganggu dengan bayangan seksual yang keterlaluan. Namun untuk tujuan perubatan atau dalam keadaan darurat, ia diharuskan.

Kebanyakan para ulama mengharamkan perbuatan tersebut, di antaranya Imam Malik. Beliau memakai dalil Surah al-Mukminun ayat 5-7 yang berbunyi :

"Dan orang-orang yang memelihara kemaluannya kecuali terhadap isterinya atau hamba sahayanya, mereka yang demikian itu tidak tercela. Tetapi barangsiapa mahu selain yang demikian itu, maka mereka itu adalah orang-orang yang melewati batas." (Al-Mukminun: 5-7)

Menurut Imam Malik, orang yang melakukan masturbasi adalah mereka yang melepaskan nafsu bukan pada tempatnya dan perbuatan ini adalah haram. Menurut Imam Ahmad bin Hanbal pula, bahawa mani adalah barang lebihan. Oleh kerana itu, ia boleh dikeluarkan, seperti memotong daging lebih. Pendapat ini diperkuat oleh Ibnu Hazm. Tetapi ulama-ulama Hanafiah memberikan batas kebolehannya itu di dalam dua perkara iaitu kerana takut berbuat zina dan tidak mampu berkahwin.

Manakala menurut Imam Syafie pula, masturbasi adalah haram atas dasar perubatan kerana takut boleh menyebabkan mati pucuk. Sedangkan pendapat ini disangah oleh para doktor perubatan di mana belum ditemui terdapat kesan daripada proses masturbasi ini boleh menyebabkan mati pucuk.

4.4 PERBINCANGAN PENYELESAIAN HUKUM BERKAITAN RAWATAN KESUBURAN IVF BAGI MENJAWAB OBJEKTIF 3

Objektif ketiga pula ialah untuk mencadangkan satu garis panduan (hukum) syariah berkaitan dengan prosedur yang terdapat dalam pelaksanaan rawatan kesuburan IVF. Antara permasalahan hukum syariah yang menjadi isu utama dan memerlukan garis panduan syariah adalah :

- a) Hukum melakukan masturbasi (onani) di dalam proses rawatan.
- b) Keperluan mandi wajib setelah proses masturbasi.

- c) Hukum solat dan puasa setelah berlaku pendarahan ketika menjalani proses rawatan.
- d) Had batas aurat ketika rawatan.
- e) Keperluan bilik khas rawatan.
- f) Keperluan wujudnya saksi ketika proses rawatan.
- g) Halal dan haram bahan ubatan yang digunakan dan sebagainya.

Sebanyak enam permasalahan hukum syariah telah menjadi isu utama kerana tiada kesepakatan jawapan di kalangan pakar yang dijemput dalam forum dan ia merupakan isu utama yang sering ditanya oleh ahli perubatan dan pesakit.

4.4.1 Keperluan Mandi Wajib Setelah Proses Masturbasi

Dalam membahaskan adakah perlu mandi wajib setelah menjalani proses rawatan ini, perlu untuk kita membincangkan sebab-sebab diwajibkan mandi. Di dalam al Quran, Allah telah berfirman maksudnya :

“Dan jika sekiranya kamu berjunub maka hendaklah kamu bersuci (mandi junub)”.

(al-Maidah 5:6)

4.4.1.1 Mandi Wajib sebab persetubuhan walau tidak keluar mani.

Menurut Imam An-Nawawi bahawa: Telah disepakati atas wajibnya mandi junub (bagi suami dan isteri) apabila *hasyafah* (kepala zakar lelaki) telah masuk ke dalam faraj walaupun tidak mengeluarkan air mani. Inilah pendapat dari ijmak. Keterangan ini dapat difahami dari hadis-hadis sahih yang berikut:

“Dari Abu Hurairah, dari Nabi sallallahu ‘alaihi wa-sallam baginda bersabda: Apabila salah seorang antara kamu duduk antara empat anggota perempuan kemudian ia bersungguh-sungguh maka ia wajib mandi (junub)”. (H/R Bukhari, Muslim dan Ahmad)

“Apabila salah seorang kamu duduk antara empat anggota perempuan (bersetubuh) kemudian ia bersungguh-sungguh maka wajib baginya mandi (junub) meskipun tidak mengeluarkan air mani”. (H/R Muslim dan Ahmad)

Dari Abdullah bin Amr bin Ash: “Apabila dua kemaluan (zakar dan faraj) itu telah masuk maka telah diwajibkan mandi (mandi junub)”. (H/R Ibnu Syaibah)

Para ulama telah sepakat sebagaimana yang telah disyariatkan bahawa seandainya seorang lelaki meletakkan kemaluannya di atas kemaluan perempuan, padahal ia tidak memasukkannya maka tidak seorang pun antara keduanya diwajibkan mandi. (Nailul Autar. 1/190, Asy-Syaukani)

4.4.1.2 Mandi Wajib sebab lelaki/ perempuan keluar air mani samada bermimpi, melihat, fikir dan berseronok

Para ulama telah sepakat bahawa apabila keluar air mani dengan bersyahwat, bersetubuh atau bermimpi maka wajib baginya mandi junub. Begitu juga bagi kaum perempuan (jika keluar air mani) maka wajib baginya mandi junub sebagaimana keterangannya dari hadis-hadis berikut:

“Dari Aisyah ia berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa-sallam pernah ditanya oleh seorang lelaki yang mendapati basah (kerana keluar mani) padahal tidak ingat bahawa ia bermimpi lalu baginda menjawab: Hendaklah ia mandi. Dan baginda pernah ditanya tentang lelaki yang bermimpi dirasakan seolah-olah keluar air mani tetapi tidak ada kesan basah. Baginda menjawab: Tidak wajib mandi. Kemudian Ummu Sulaim bertanya: Kalau perempuan bermimpi demikian wajibkah wanita itu mandi? Nabi menjawab: Ya, kerana sebenarnya kaum wanita itu adalah saudara-saudara kaum lelaki!”. (H/R Imam yang lima, kecuali Nasaii.)

“Dari Ummi Salamah bahawa Ummu Sulaim berkata: Wahai Rasulullah, sesungguhnya Allah tidak malu kerana sesuatu yang haq! Apakah wanita wajib mandi junub kalau ia bermimpi? Baginda menjawab: Ya, apabila ia melihat air! Kemudian Ummu Salamah bertanya lagi: Apakah perempuan juga bermimpi? Celaka engkau, kalau tidak begitu dengan apa anaknya boleh serupa dengannya!”. (Muttafaq ‘alaihi)

Merujuk kepada rawatan IVF, prosedur memasukkan alat ke dalam faraj wanita sepertimana yang berlaku semasa prosedur imbasan ultrabunyi adalah tidak mewajibkan mandi dan wudhu'. Ini disebabkan kemasukan itu walaupun dalam sesetengah prosedur hampir menyerupai perbuatan atau keadaan yang mewajibkan mandi tetapi ia hanyalah sekadar proses perubatan. Perkara ini adalah disebabkan ia tidak menepati faktor-faktor yang mewajibkan mandi wajib menurut syarak sepertimana difahami daripada hadith berikut. Daripada Ummu Salamah (RA) berkata bahawa Ummu Sulaim berkata kepada Nabi:

Wahai Rasulullah sesungguhnya Allah tidak malu daripada menyatakan kebenaran, adakah wajib mandi (mandi junub) bagi wanita yang bermimpi?

Rasulullah menjawab, Ya, sekiranya dia nampak air (air mani)

(Kitab al-Ilmi, Bab al-Haya' Fi al-Ilmi, Hadith no: 228-229)

Hadis ini menjadi dalil bahawa wajib mandi (mandi junub) apabila mimpi yang disertai dengan keluarnya air mani beserta syahwat, dengan syarat mani itu dapat dilihat. Walaupun begitu, ovum yang dikeluarkan daripada rahim pesakit itu bukanlah merupakan mani yang disebutkan dalam hadith di atas. Ini disebabkan, bagi seorang wanita normal, ovum hanya keluar daripada rahimnya sebulan sekali berbanding air mani yang boleh keluar berkali-kali dalam sebulan untuk lelaki. Selain daripada itu, jumhur ulama telah bersepakat bahawa sebarang alat yang bertujuan untuk perubatan yang dimasukkan ke dalam faraj wanita tidak membawa kepada terbatalnya wudhu.

Walaubagaimanapun, sekiranya prosedur ini menyebabkan wanita tersebut terangsang sehingga terkeluar sesuatu yang dinamakan sebagai mani dalam istilah fuqaha', maka wanita ini perlu mandi wajib. Berkenaan keadaan ini, jumhur ulama berpegang bahawa keluar mani yang menyebabkan mandi adalah apabila ia keluar beserta dengan berlaku gejala syahwat. Jika sebaliknya, iaitu tiada gejala syahwat, maka seseorang itu hanya perlu berwudhu' sahaja. Berhubung dengan terkeluarnya air mani, ia tidak semestinya keluar sehingga melepasi bahagian luar faraj tetapi cukup dengan merasakan telah terkeluar sesuatu sehingga sampai ke bahagian yang perlu dicuci ketika beristinja' atau cucian setelah selesai buang air kecil. Perkara ini

berdasarkan hukum mandi wajib dalam Mazhab Syafie yang antara lainnya diwajibkan apabila keluarnya air mani walaupun dalam keadaan tiada rasa ghairah.

4.4.2 Hukum Solat dan Puasa Setelah Berlaku Pendarahan Ketika Menjalani Proses Rawatan

Untuk membincangkan hukum solat dan puasa ini, sebelum itu harus dibincangkan jenis-jenis pendarahan yang terdapat di dalam hukum Fiqh Islam. Pertama, darah haid hukumnya adalah wajib mandi. Tempoh singkat bagi haid adalah 1 hari 1 malam. Manakala tempoh paling lama pula 15 hari dan tempoh biasa adalah 6 atau 7 hari. Tempoh minimum suci pula antara 2 haid adalah 15 hari. Tiada had waktu untuk tempoh suci yang lama. Sekiranya darah itu kurang dari 1 hari 1 malam, atau lebih dari 15 hari, maka ia darah istihadah atau darah penyakit. Warna darah haid hitam (Riwayat Abu Daud : 286)

Kedua, ialah darah Istihadah atau darah berpenyakit. Sifatnya secara adat adalah berpeluh. Darah ini boleh dikenali dengan meleleh dan menyejat. Hukum apabila keluarnya darah ini membatalkan wudhu' tapi tidak wajib mandi. Tidak boleh juga untuk meninggalkan solat dan puasa. Apabila keluarnya darah Istihadah, pesakit perlu membasuh darah yang keluar, mengikat di tempat yang keluar, dan wajib berwudhu setiap kali hendak solat Fardhu.

Ketiga, adalah darah *wiladah* atau *nifas*. Dinamakan *wiladah* kerana darah yang keluar setelah wiladah (kelahiran). Dinamakan *nifas* pula kerana darah itu keluar setelah keluar *nafs* atau nyawa. Sebaliknya kalau darah yang keluar ketika berpisah bayi, atau bersama keluar bayi, dan sifatnya keluar mendahului bayi maka ia dinamakan darah *fasadh*. Hukumnya wajib solat kalau ia adalah darah *fasadh*. Tempoh singkat *nifas* ialah lahzah (sesaat) dan boleh sampai berhari-hari. Manakala tempoh kebiasaan ialah 40 hari dan paling lama iaitu 60 hari. Jika ia lebih daripada tempoh itu, maka ia darah istihadah. Harus diingat, darah yang dilihat oleh perempuan hamil bukanlah darah haid sebab hamil itu akan menutup pintu haid. Dari segi hukumnya, jarang benar berlaku perempuan yang hamil keluar haid. Bagi tempoh hamil pula, paling singkat adalah 6

bulan dan tempoh yang biasa 9 bulan. Tempoh yang paling lama hamil menurut riwayat adalah Imam Syafie iaitu 4 tahun.

Kesimpulan dari perbincangan ini, adalah diharuskan untuk melakukannya pada bulan Ramadhan. Ini adalah disebabkan prosedur ini tidak membawa kepada terbatalnya puasa berdasarkan fatwa-fatwa kontemporari yang dikeluarkan oleh beberapa pihak berautoriti seperti Majma' al-Fiqh al-Islami ke 10 dan Nadwah Ru'yah al-Islamiah li Ba^odi al-Mushkilat al-Tibbiah al-Mu^oasirah. Menurut fatwa-fatwa ini prosedur ini termasuk dalam perkara yang tidak membatalkan puasa. Perkara-perkara yang membatalkan puasa sepertimana disebutkan dalam Nadwah Ru'yah al-Islamiah li Ba^odi al-Mushkilat al-Tibbiah al-Mu^oasirah adalah tiga perkara iaitu makan, minum dan bersetubuh. Begitu juga setiap sesuatu yang menjangkau halqum yang menepati maksud makan dan minum dikira termasuk dalam perkara yang membatalkan puasa. Walaupun begitu, bagi mereka yang tidak terdesak seperti di atas maka disarankan menjalankan prosedur tersebut pada masa lain selain bulan Ramadhan.

Di dalam bab solat pula, sekiranya dapat dipastikan bahawa darah yang keluar tersebut bukan darah haid maka pesakit tersebut boleh menunaikan solat dan juga berpuasa kerana ia dikira sebagai darah *istihadhah*. Kedua-dua perkara ini dibenarkan untuk dilakukan disebabkan ia tidak termasuk dalam kategori *hadath* yang menghalang sahnya solat dan puasa seseorang. Walaupun begitu, bagi pelaksanaan solat, pesakit tersebut perlu memastikan darah tersebut dibersihkan terlebih dahulu dengan membasuh kemaluannya dan diikuti dengan memakai sesuatu alas atau penutup yang bersih agar ia tidak mengalir keluar ketika solat. Seterusnya beliau perlu bersegera mengambil wudhu' setelah masuk waktu solat fardhu yang berkenaan serta bersegera solat selepas sempurna wudhu'. Tindakan mengambil wudhu' sebelum waktu solat atau melambatkan solat selepas mengambil wudhu' tanpa alasan yang munasabah menurut syarak boleh memberi implikasi tidak sah solat tersebut disebabkan ia merupakan hukum khusus disebabkan *dharurat*. Perkara ini perlu dilakukan untuk setiap solat fardhu yang ingin didirikan ketika darah itu masih berterusan keluar. Manakala bagi amalan-amalan sunat yang memerlukan kepada pengambilan wudhu' seperti menyentuh al-Quran, solat sunat dan sebagainya, dibenarkan dengan wudhu' yang diambil untuk sesuatu solat fardhu selagi mana belum terbatal.

4.4.3 Had Batas Aurat Ketika Rawatan

Terdapat dua perkara yang perlu kepada batasan dalam rawatan seperti ini, iaitu yang pertama adalah khalwat dan kedua, aurat. Kedua-dua perkara ini perlu dijaga disebabkan proses rawatan ini membabitkan pendedahan aurat wanita sehingga peringkat mendedahkan alat sulit. Berkenaan perkara ini, Majlis Majma' al-Fiqh al-Islami yang bersidang pada tahun 1993 telah memutuskan bahawa hukum asal perkara ini adalah sekiranya dalam keadaan wujudnya doktor perempuan Muslimah yang pakar dalam bidang ini, maka hukumnya wajib pesakit tersebut berubat dengan beliau. Sekiranya tiada, maka doktor wanita bukan Muslimah sebagai gantinya. Seterusnya jika tiada, barulah diberikan kelonggaran untuk berubat dengan doktor lelaki Muslim dan jika tiada maka doktor lelaki bukan Muslim sebagai pilihan terakhir.

Perkara pertama, ketika rawatan pesakit perlu ditemani oleh seorang yang dapat mencegah berlakunya khalwat antara doktor dan pesakit. Teman itu sebaik-baiknya adalah suami pesakit dan sekiranya tiada maka urutan seterusnya ialah mahram dan sekiranya tiada mahram, perlu ada wanita yang boleh dipercayai yang dapat mengelak berlaku gejala khalwat tersebut. Di samping itu, sekiranya terdapat orang lain seperti jururawat bersama doktor berkenaan dalam proses rawatan tersebut maka disyaratkan beliau mestilah hadir atas keperluan proses perubatan tersebut. Dalam masa yang sama beliau wajib memelihara sebarang rahsia yang diketahui dalam proses rawatan tersebut.

Perkara kedua pula, semasa rawatan doktor hanya boleh untuk melihat dan merawat bahagian yang diperlukan dalam proses perubatan sahaja dan tidak lebih daripada itu. Perkara ini juga telah diputuskan harus dalam *Nadwah al-Injab* anjuran *al-Munazzamah al-Islamiyah li al-Ulum al-Tibbiyah* pada 11 Syaaban 1403H. Di dalam nadwah tersebut keputusan adalah diharuskan melihat aurat mereka yang berlawanan jantina atas tujuan penerokaan bidang perubatan, rawatan dan pengajaran. Walaupun begitu, ia hanya dalam lingkungan aurat yang diperlukan bagi memenuhi tujuan-tujuan tersebut sahaja.

Sehubungan dengan dua perkara ini, hukum asalnya adalah haram tetapi diharuskan ketika situasi tiada doktor perempuan yang berkelayakan melakukan

rawatan tersebut. Hukum ini merujuk kepada pandangan jumhur ulama yang mewakili keempat-empat mazhab terbesar dalam Islam yang berpegang bahawa harus membuka aurat kepada orang yang berlainan jenis untuk tujuan perubatan sekiranya menepati syarat-syarat tertentu yang diputuskan oleh syarak. Ketiadaan doktor perempuan ini termasuk dalam syarat-syarat yang disebutkan dalam pendapat jumhur ulama ini. Situasi ini dikategorikan sebagai dharurat menurut syarak manakala dalil kepada keharusannya berdasarkan kaedah fiqh:

الضرورة تبيح المحظورات

Maksudnya:

“Kemudharatan membolehkan hal-hal yang dilarang”.

Walaupun begitu, kaedah ini dibatasi pula oleh kaedah fiqh yang lain iaitu:

ما ابيح للضرورة يقدر بقدرها

Maksudnya:

“Apa yang dibolehkan kerana adanya kemudharatan diukur menurut kadar kemudharatan”.

Oleh itu, walaupun doktor lelaki itu harus melakukan rawatan tetapi beliau tidak boleh melihat, menyentuh, memegang dan sebagainya bahagian tubuh pesakit yang tidak termasuk dalam bahagian yang perlu dirawat.

4.4.4 Keperluan menyediakan bilik khas bagi menjalani rawatan di pusat rawatan IVF

Terdapat pusat rawatan IVF yang tidak menyediakan bilik khusus bagi melakukan proses rawatan ini. Contohnya, proses melakukan onani bagi mendapatkan sampel. Melakukan onani di dalam tandas bagi mendapatkan sampel yang berkenaan adalah dibenarkan dan tidak termasuk dalam perbuatan yang diharamkan syarak.

Bahkan terdapat fatwa yang dikeluarkan dalam fatwa Islam web mengharuskan perbuatan yang lebih besar daripada onani iaitu bersetubuh antara suami dan isteri di dalam tandas. Fatwa ini menegaskan ianya adalah suatu yang bercanggah dengan adab yang sepatutnya. Oleh kerana itu sekiranya bersetubuh dikira harus maka beronani untuk mendapatkan sampel ini juga tidaklah jatuh ke peringkat hukum haram. Walaupun begitu, adalah tidak digalakkan melakukannya di tandas disebabkan ia merupakan tempat yang kotor malahan disebutkan dalam hadith ia sebagai tempat yang didiami para jin. Malahan terdapat doa khusus yang diajarkan dalam Islam apabila memasuki tandas. Antaranya disunatkan (mustahab) untuk membaca (بسم الله) sebelum memasuki tandas berdasarkan Hadith Rasulullah seperti berikut:

ستر ما بين أعين الجن وعورات بني آدم إذ دخل أحدهم الخلاء أن يقول بسم الله

Maksudnya:

Penutup antara mata jin dengan aurat manusia adalah dengan membaca بسم الله apabila memasuki tandas.

(Sunan al-Tirmidzi, Bab al-Safar, Hadith ke 606)

Seterusnya terdapat dalil yang menunjukkan disunatkan membaca doa yang memberi maksud memohon perlindungan Allah daripada gangguan daripada jin di dalam tandas. Sebagaiman diriwayatkan oleh Imam Bukhari :

عن عبد العزيز بن صهيب قال سمعت أنسا يقول كان النبي صلى الله عليه وسلم إذا دخل الخلاء قال اللهم إني أعوذ بك من الخبث والخبائث

Maksudnya: Daripada Abdul Aziz Ibn Suhaib, berkata:

Aku mendengar Anas berkata bahawa adalah Nabi sekiranya ingin memasuki tandas maka baginda akan berdoa: “Ya Allah aku berlindung dengan mu daripada *khubus* (syaitan jantan) dan *khaba'is* (syaitan betina)”

(Sahih al-Bukhari, Kitab al-Wudhu', Hadith ke 142)

Sehubungan dengan perkara ini, ia adalah disarankan agar pusat rawatan kesuburan menyediakan bilik khas supaya dapat dilakukan di dalam sebuah bilik yang khusus. Di sesetengah pusat rawatan kesuburan ada disediakan bilik-bilik khas untuk tujuan ini.

4.4.5 Keperluan saksi ketika melakukan proses rawatan bagi mengawasi Ahli emriologi

Keperluan kepada saksi semasa proses-proses pengendalian sampel adalah merupakan perkara yang dituntut bagi mengelakkan sebarang kesilapan, pertukaran atau penyelewengan. Perkara ini diperkuatkan menerusi keputusan yang dikeluarkan oleh *Majma' al-Fiqhi al-Islami* pada daurah ke-7 pada tahun 1404 hijrah yang memutuskan bahawa “adalah dinasihatkan kepada mereka yang ingin memelihara agama mereka agar tidak melakukan proses ini melainkan ketika dalam keadaan keperluan yang bersangatan (dharurat) dengan memastikan ia berlaku dengan penuh teliti dan dapat dipastikan tidak berlaku percampuran sperma dan embrio”.

Walaupun begitu, ketiadaan saksi dalam proses ini tidaklah menjadikan proses ini terbatal atau menjadi haram. Ini disebabkan keputusan *Majma' al-Fiqhi al-Islami* serta perbahasan para ulama berkenaan perkara ini adalah lebih kepada menuntut agar proses ini berlaku tanpa ada sebarang keraguan dan syubhat seperti pertukaran sampel atau penipuan daripada pihak yang berkenaan. Sebagai contoh, Said al-Hajiri menyebutkan dalam analisis beliau terhadap pandangan ulama yang mengharuskan proses ini bahawa mereka telah meletakkan beberapa syarat di sebalik keharusan hukum ini. Antaranya ialah proses ini perlu dipastikan dilakukan dengan penuh teliti dan terkawal yang boleh mengelak daripada berlaku sebarang pertukaran sampel. Disebabkan itu beberapa orang ulama telah mencadangkan agar proses ini hanya boleh dilakukan oleh institusi perubatan milik kerajaan dengan diselia oleh beberapa orang doktor muslim yang adil. Sehubungan dengan perkara ini, sekiranya rawatan ini dilakukan di pusat rawatan yang kurang diyakini ketelusannya maka adalah dicadangkan agar pesakit atau waris boleh menjadi saksi kepada proses-proses yang terdedah kepada kecuaiian dan penyelewengan, seperti contohnya proses pembekuan, proses percantuman dan sebagainya.

4.4.6 Pengesahan bahan media yang digunakan untuk rawatan adakah halal atau haram

Media tersebut mestilah suatu yang halal berdasarkan hadith Rasulullah yang berbunyi:

ان الله أنزل الداء وجعل لكل داء دواء فتداؤوا , ولا تتداؤوا بالحرام

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah menurunkan penyakit, dan menjadikan bagi setiap penyakit ada ubatnya, maka berubatlah. Tetapi jangan berubat dengan benda yang haram.

(Nail al-Autar, Bab al-Tib, Hadith ke 3770)

Walaupun begitu, dalam keadaan tiada alternatif lain maka diberikan keharusan menggunakan media kultur yang bersumberkan bahan tidak halal berdasarkan kaedah-kaedah syarak yang tertentu. Keharusan ini meliputi ubat-ubatan yang berkaitan makanan dan penggunaan luaran seperti sapuan pada bahagian luka untuk tujuan kebersihan dan mengelakkan serangan kuman. Berikut merupakan kaedah-kaedah syarak yang berkenaan:

a)

رفع الحرج ودفع المشقة

Menghilangkan kesulitan dan menolak kesusahan.

b)

دفع الضرر بقدره

Menolak kemudaratan berdasarkan kadar kemudaratan tersebut.

c)

الضرورات تبيح المحظورات

Kemudharatan mengharuskan perkara yang dilarang (syarak).

d)

ارتكاب أخف الضررين لدرء أعلاهما مشروع

Melakukan suatu yang mendatangkan mudarat yang lebih kecil antara dua mudarat.

Di samping itu, fatwa-fatwa berkaitan perkara ini telah meletakkan syarat-syarat tertentu dalam menghadapi situasi ini, antaranya ialah mudarat itu adalah suatu yang pasti atau sangkaan yang kuat berdasarkan pengalaman atau pengetahuan terhadap masalah tersebut. Dalam hal ini, Majma' al-Fiqh al-Islami kali ke 16 meletakkan syarat bahawa keharusan itu adalah tertakluk kepada penggunaan ubat itu dicadangkan oleh doktor yang bersifat adil. Oleh itu, dalam situasi tiada alternatif lain, seseorang yang tiada masalah kesuburan adalah tidak harus melakukan prosedur ini disebabkan ianya tidak termasuk dalam lingkungan dharurat yang sepatutnya.

Sekiranya telah ditemui alternatif kepada media ini, maka hukum menggunakan media yang berasaskan sumber yang haram kembali tidak dibenarkan berdasarkan kaedah:

ما جاز لعذر يبطل بزواله

Maksudnya:


Suatu yang diharuskan disebabkan keuzuran (yang dibenarkan syarak), terbatal keharusan itu apabila keuzuran tersebut telah hilang.

Sebaik-baiknya, sebarang ubat-ubatan yang digunakan di Malaysia perlu mendapatkan mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

4.5 KESIMPULAN

Daripada dapatan soalan hukum syariah berkaitan rawatan kesuburan IVF, sebanyak enam permasalahan hukum syariah telah menjadi isu utama kerana tiada kesepakatan jawapan dikalangan pakar yang dijemput di dalam forum dan ia merupakan

isu utama yang sering ditanya oleh ahli perubatan dan pesakit. Kesimpulan daripada dapatan kajian ini, satu garis panduan syariah berkaitan rawatan kesuburan IVF perlu dikeluarkan.



BAB 5

KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 PENGENALAN

Tujuan keseluruhan kajian ini adalah untuk membantu para staf pusat rawatan perubatan menjelaskan kepada pesakit persoalan syariah yang berkaitan kaedah rawatan kesuburan ini. Masyarakat juga dapat memanfaatkan kajian ini supaya akan lebih yakin dalam mendapatkan rawatan kesuburan. Oleh yang demikian, bab ini akan dimulakan dengan rumusan daripada dapatan kajian, perbincangan ataupun diskusi kepada objektif kajian, dan seterusnya menfokuskan kepada manfaat kajian, limitasi kajian, dan cadangan bagi mengembangkan kajian rawatan kesuburan IVF ini dalam kajian-kajian yang akan datang.

5.2 KESIMPULAN DAPATAN KAJIAN

5.2.1 Perbincangan dan Kesimpulan Objektif 1

Objektif pertama ialah untuk menyasiat persoalan (hukum) syariah berkaitan dengan prosedur yang terdapat dalam pelaksanaan rawatan kesuburan IVF. Setelah melihat kepada data yang diperolehi dalam dasa 1 dan 2, jelas dapat dilihat terdapat perbezaan dari dokumen fatwa dan undang-undang Malaysia dan negara-negara Islam lain di dalam fasa 1. Fasa 2 juga menunjukkan ada perbezaan data dari pesakit dan staf perubatan di sebuah pusat rawatan kesuburan dengan data daripada perbincangan kumpulan fokus yang melibatkan pakar-pakar dalam bidang ilmu syariah Islam dan perubatan. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan ada persoalan hukum syariah

berkaitan rawatan kesuburan IVF telah dijawab oleh fatwa tetapi tidak disampaikan kepada umum.

Persoalan hukum syariah berkaitan rawatan kesuburan daripada pesakit dan staf perubatan dilihat lebih umum berbanding yang diperoleh daripada pakar-pakar dalam bidang ilmu syariah Islam dan perubatan. Persoalan hukum syariah berkaitan rawatan kesuburan IVF daripada pakar-pakar dalam bidang ilmu syariah Islam dan perubatan didapati tidak mempunyai fatwa yang jelas. Para pakar yang dijemput juga tidak mempunyai kesepakatan jawapan di dalam isu ini dan juga sering ditanya oleh ahli perubatan serta pesakit. Antara permasalahan hukum syariah yang menjadi isu utama daripada perbincangan kumpulan fokus yang melibatkan pakar-pakar dalam bidang ilmu syariah Islam dan perubatan adalah hukum melakukan masturbasi (onani) di dalam proses rawatan, keperluan mandi wajib setelah proses masturbasi, hukum solat dan puasa setelah berlaku pendarahan ketika menjalani proses rawatan, had batas aurat ketika rawatan, keperluan bilik khas rawatan, keperluan wujudnya saksi ketika proses rawatan, halal dan haram bahan ubatan yang digunakan dan sebagainya.

5.2.2 Perbincangan dan Kesimpulan Objektif 2

Objektif ke-2 pula untuk mengkaji setiap kandungan fatwa berkaitan dengan prosedur yang terdapat di dalam pelaksanaan rawatan kesuburan IVF. Dapatan telah menghimpunkan fatwa-fatwa berkaitan rawatan kesuburan yang terdapat di Malaysia dan di luar negara. Fatwa-fatwa yang dikumpul telah dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu Fatwa Kebangsaan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJKF), Fatwa Negeri oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri, Fatwa badan-badan agama Islam luar negara dan Fatwa Ilmuan Islam.

Umat Islam adalah tertakluk kepada fatwa yang dikeluarkan oleh pihak berwajib. Di Malaysia badan yang mengeluarkan fatwa adalah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Namun begitu, fatwa yang dikeluarkan di Malaysia masih bersifat umum berkenaan kaedah rawatan kesuburan. Selain itu, fatwa juga bukan menyeluruh dan tidak merangkumi setiap prosedur di dalam rawatan. Tambahan pula, masih belum disediakan garis panduan lengkap atau undang-undang negara secara rasmi berkenaan

prosedur di dalam rawatan kesuburan seperti yang telah dilakukan oleh negara-negara bukan Islam yang lain.

Sebagai contoh, negara German dan Itali telah mengeluarkan undang-undang ketat tidak membenarkan penggunaan ibu tumpang. (IVF-Surrogacy Worlwide, 2015). Manakala di Malaysia walaupun fatwa menyatakan ia haram tetapi ia tidak diwartakan secara meluas dan undang-undang tidak menyokong pengharaman tersebut. Keadaan seperti ini boleh menyebabkan masih ada dalam kalangan masyarakat Malaysia yang ragu-ragu untuk mendapatkan perkhidmatan kaedah rawatan kesuburan terutamanya apabila ada kemusykilan berkaitan dengan perkara-perkara yang melibatkan urusan agama Islam. Sehubungan itu, mungkin juga ada pihak yang boleh mengambil kesempatan di atas ketiadaan undang-undang yang nyata.

5.2.3 Perbincangan dan Kesimpulan Objektif 3

Objektif ke-3 ialah untuk mencadangkan satu garis panduan (hukum) syariah berkaitan dengan prosedur yang terdapat di dalam pelaksanaan rawatan kesuburan IVF. Dapatan mendapati terdapat perbezaan di dalam hukum mendapatkan rawatan kesuburan IVF. Ini kerana ada perbezaan dalam memahami prinsip maqasid syariah dan qawaid fiqhiyyah di kalangan ilmuan Islam (dalam proses mengeluarkan hukum)

Maqasid Syariah didefinisikan sebagai matlamat yang ingin dicapai dalam melakukan sesuatu. Dalam konteks perbincangan kajian ini, maqasid yang dimaksudkan adalah matlamat atau objektif yang diletakkan syara' dalam mensyariatkan sesuatu hukum (Ahmad al-Raisuni, 1992). Terdapat banyak lagi definisi-definisi berkaitan Maqasid Syariah yang telah dibuat oleh para Ulama' Usul Fiqh. Secara dasarnya, tiga maqasid syariah atau objektif syariah merangkumi tiga teras utama iaitu *masalah daruriyat* (Keperluan asas), *masalah hajiyyat* (Keperluan biasa) dan *masalah tahsiniyyat* (keperluan mewah). Menurut Maszlee Malik dan Hamidah Mat (2014), teras-teras utama ini bukanlah pada tahap yang sama dan ianya berbeza-beza menurut keutamaan, hajat dan juga keperluan manusia.

Selain itu, ada beberapa kaedah Fiqh (*Qawaid Fiqhiyah*) yang dapat dirujuk dalam menentukan hukum berkaitan rawatan ini. Menurut Abdul Latif Muda dan Rosmawati Ali (2000) kaedah Fiqh adalah prinsip-prinsip Fiqh yang bersifat umum

dalam bentuk nas pendek yang mengandungi hukum umum yang sesuai dengan bahagian-bahagiannya. Antara kaedah-kaedah Fiqh yang sesuai digunakan untuk rawatan ini adalah *aldhorurah tuqaddar biqadariha* (Dhorurat itu harus dengan kadarnya yang tertentu sahaja). Sebagai contoh, jika diharuskan membuka aurat untuk menjalani proses rawatan ini, maka aurat yang perlu dibuka itu wajiblah pada tahap yang diperlukan untuk tujuan rawatan kerana Islam melarang pendedahan aurat kepada yang bukan muhrim. Keharusan mendapatkan rawatan dengan seorang lelaki yang bukan muhrim setelah dipastikan benar-benar tidak ada wanita mengetahui ilmu perubatan dan rawatan (Abdul Karim Zaidan, 2003).

5.3 IMPLIKASI KAJIAN

Semua pihak akan mendapat manfaat daripada kajian ini. Tambahan pula, sebuah buku garis panduan syariah berkaitan prosedur rawatan IVF dalam proses penerbitan. Sehingga kini, belum ada buku garis panduan lengkap syariah berkaitan prosedur rawatan kesuburan IVF telah dikeluarkan.

5.3.1 Implikasi kepada Pesakit dan Masyarakat

Berdasarkan kajian ini, diharap dapat membantu para pesakit dan masyarakat menjawab persoalan hukum syariah berkaitan rawatan kesuburan. Umat Islam adalah tertakluk kepada fatwa yang dikeluarkan oleh pihak berwajib. Di Malaysia badan yang mengeluarkan fatwa adalah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Namun begitu, fatwa yang dikeluarkan di Malaysia masih bersifat umum berkenaan kaedah rawatan kesuburan. Tambahan lagi, masih belum disediakan garis panduan lengkap atau undang-undang negara secara rasmi berkenaan proses dan prosedur di dalam rawatan kesuburan seperti yang telah dilakukan oleh negara-negara bukan Islam yang lain.

Sebagai contoh, negara German dan Itali telah mengeluarkan undang-undang ketat tidak membenarkan penggunaan ibu tumpang. (IVF-Surrogacy Worlwide, 2015). Manakala di Malaysia walaupun fatwa menyatakan ia haram tetapi ia tidak diwartakan secara meluas dan undang-undang tidak menyokong pengharaman tersebut. Keadaan seperti ini boleh menyebabkan masih ada dalam kalangan masyarakat Malaysia yang ragu-ragu untuk mendapatkan perkhidmatan kaedah rawatan kesuburan terutamanya

apabila ada kemusykilan berkaitan dengan perkara-perkara yang melibatkan urusan agama Islam. Sehubungan itu, mungkin juga ada pihak yang boleh mengambil kesempatan di atas ketiadaan undang-undang yang nyata.

Oleh itu, dengan dapatan akhir yang diperolehi, semoga garis panduan lengkap syariah yang dikeluarkan ini dapat membantu masyarakat memahami kaedah rawatan kesuburan IVF mengikut kerangka syariah.

5.3.2 Implikasi kepada Staf Perubatan

Kajian kes ini menyiasat persoalan atau mungkin keraguan syariah yang dihadapi oleh staf klinikal di sebuah pusat rawatan kesuburan, seperti ahli embriologi, jururawat dan doktor dalam menjalankan proses rawatan kesuburan ke atas pesakit Muslim. Ianya juga akan mengkaji setiap proses dan prosedur di dalam pelaksanaan rawatan kesuburan dan menyiasat sama ada ianya selari dengan Quran dan Sunnah serta fatwa yang dikeluarkan.

Hasil kajian ini dapat membantu para staf perubatan menjawab persoalan hukum syariah berkaitan rawatan kesuburan IVF dengan adanya garis panduan lengkap syariah berkaitan syariah berkaitan rawatan kesuburan IVF. Sehingga hari ini, belum terdapat satu garis panduan lengkap syariah berkaitan rawatan kesuburan IVF yang telah dikeluarkan. Semoga dengan kajian yang dibuat ini, para staf perubatan akan menjadikan garis panduan lengkap syariah berkaitan rawatan kesuburan IVF ini sebagai sumber rujukan.

5.3.3 Implikasi kepada Pusat Rawatan Kesuburan

Kajian ini memilih untuk melihat secara terperinci setiap proses dan prosedur dalam rawatan IVF kerana telah bertambahnya penubuhan pusat rawatan kesuburan khasnya pusat rawatan IVF di Malaysia. Di Malaysia terdapat lima buah hospital kerajaan yang menawarkan rawatan kesuburan IVF iaitu di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia, Hospital Kuala Lumpur, Hospital Kuala Terengganu, Pusat IVF Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Hospital Sungai Petani.

Manakala terdapat lebih daripada 40 buah pusat rawatan swasta di Malaysia yang menyediakan perkhidmatan rawatan kesuburan ini. (IVF Worldwide, 2012).

Walaupun bagaimanapun, skop kajian ini tertumpu kepada sebuah pusat rawatan kerajaan kerana secara umumnya ratio pesakit beragama Islam adalah lebih tinggi dari yang beragama lain (Ahmad Murad, 2013).

Oleh itu, dengan adanya kajian ini, semoga garis panduan lengkap syariah berkaitan rawatan kesuburan IVF akan menjadi panduan dan rujukan kepada setiap pusat rawatan kesuburan yang terdapat di Malaysia.

5.4 LIMITASI KAJIAN

Kajian ini hanya terhad dalam beberapa perkara yang akan dibincangkan. Pertamanya, tiada fatwa menyeluruh kepada setiap prosedur yang terdapat dalam rawatan kesuburan. Fatwa yang dikeluarkan di Malaysia masih bersifat umum berkenaan kaedah rawatan kesuburan. Tambahan lagi, masih belum disediakan garis panduan lengkap atau undang-undang negara secara rasmi berkenaan prosedur di dalam rawatan kesuburan seperti yang telah dilakukan oleh negara-negara bukan Islam yang lain. Sebagai contoh, negara German dan Itali telah mengeluarkan undang-undang ketat tidak membenarkan penggunaan ibu tumpang. (IVF-Surrogacy Worldwide, 2015). Manakala di Malaysia walaupun fatwa menyatakan ia haram tetapi ia tidak diwartakan secara meluas dan undang-undang tidak menyokong pengharaman tersebut.

Selain itu, kekangan untuk menyediakan jawapan yang selari dengan pegangan aqidah ahli sunnah wal jamaah. Sebagai contoh, ada jawapan-jawapan terhadap persoalan yang syariah yang dikeluarkan oleh pakar-pakar daripada kumpulan Syiah yang telah difatwakan sesat oleh Muzakarah Fatwa Kebangsaan kerana aqidah mereka yang tidak selari dengan ahli sunnah wal jamaah. Garis panduan syariah berkaitan rawatan kesuburan ini juga merentasi semua mazhab yang terdapat di dalam mazhab aqidah ahli sunnah wal jamaah. Ini mungkin menyebabkan adanya masyarakat yang keliru dengan jawapan-jawapan terhadap persoalan yang dikeluarkan. Oleh kerana itu, kajian ini hanya terbatas dengan mengambil kira fatwa-fatwa dan pendapat yang dikeluarkan oleh ilmuan-ilmuan Islam yang diakui kepakarannya dan diiktiraf oleh dunia Islam amnya dan Malaysia khususnya.

5.5 CADANGAN UNTUK KAJIAN AKAN DATANG


Sesungguhnya kaedah persenyawaan melalui rawatan bayi tabung uji (IVF) ada beberapa cara. Cara-cara tersebut telah kita bincangkan di mana ada yang diharamkan dan juga ada yang diharuskan. Proses persenyawaan dengan cara mendapatkan benih suami isteri dan disenyawakan dalam tabung uji kemudian dimasukkan ke dalam Rahim isteri adalah diharuskan oleh sebilangan besar para ulama' dan badan-badan agama yang berauthoriti. Antara yang memutuskan harus kaedah seperti ini adalah Majma' Fiqh Islami yang bersidang buat kali ke 7 pada tahun 1404 Hijrah. Namun begitu, persoalannya bagaimanakah pula hukum bagi mereka yang ingin mendapatkan anak ke-2 melalui kaedah rawatan ini tidak dinyatakan dalam fatwa tersebut? Adakah ia masih dikira dharurat sedangkan pasangan tersebut telah mempunyai anak. Oleh itu, cadangan untuk kajian akan datang mengkaji persoalan bagaimana pula hukum bagi pasangan yang ingin mendapatkan anak ke dua dan seterusnya melalui kaedah rawatan kesuburan IVF sedangkan mereka sudah mempunyai anak.

Selain itu, perbahasan para ulama' yang mengharuskan rawatan IVF juga dengan bersyarat apabila dalam keadaan dharuriyat, ada keinginan yang bersungguh-sungguh serta mandul. Isu yang pertama, adakah seseorang yang sudah mempunyai anak dan ingin mendapatkan anak buat kali ke dua itu dikira dharuriyat? Antara lima perkara dharuriyat yang perlu dijaga, salah satunya ialah Allah menyuruh untuk menjaga keturunan namun adakah mendapatkan anak itu termasuk dalam bab menjaga keturunan? Dalam keadaan yang lain pula, apabila seseorang yang mempunyai keinginan yang bersungguh-sungguh untuk mendapatkan anak tetapi mandul, apakah Islam mengharuskan mereka mendapatkan rawatan IVF? Cadangan kajian akan datang perlu mengkaji persoalan yang dibangkitkan ini.

5.6 KESIMPULAN

Harapan semoga semua pihak mendapat manfaat daripada kajian ini. Semoga dengan adanya garis panduan lengkap syariah berkaitan rawatan kesuburan IVF, ia dapat membantu menyelesaikan keraguan syariah yang dihadapi oleh staf klinikal di

pusat rawatan kesuburan, seperti ahli embriologi, jururawat dan doktor serta pesakit dalam menjalani dan menjalankan proses rawatan kesuburan ke atas pesakit Muslim.



RUJUKAN

- Abi Shaibah, Abdullah Ibn Muhammad Ibn. 1994. *Hadith al-Ahkam*, Mesir: Dar al-Fikri.
- Abu Faris, Muhammad Abdul Qadir. 2003. *Fatawa Shariyyah*, Cet. 1, J. 2, Amman, Jordan: Dar al-Furqan.
- Ahmad al-Raisuni. 1992. *Nazariyyat al-Maqasid I'nda al-Imam al-Syatibi*, Beirut, al-Maahad al-Alami li al-Fikr al-Islami.
- Ahmad Salamah, Ziyad. 1998. *Atfal al-Anabib baina al-Ilmi wa al-Shariah*, Cet. 2, Beirut: al-Dar al-Arabiyah Li al-Ulum.
- Alias Azhar. JAKIM. 2009. *Jurnal Penyelidikan Islam*. Aplikasi Elemen Pemikiran
- Babbie, E. R. 2011. *The basics of social research* (2nd ed.). Belmont, C Wadsworth/Thomson Learning.
- Saintifik dalam Ijtihad Semasa : satu keperluan.
- Ahmad Murad Z, Roszaman R, Azantee YW, Hayati MY, Norsina MA, Siti K. First year experience in assisted reproductive technology (ART) services at IIUM Kuantan. *International Medical Journal Malaysia* 2013; 12:3-9.
- Al-Qaradhawi, Yusuf . 1987. *Hadyu al-Islam: Fatawa Mu'asarah*. Cet. 3, Kuwait: Dar al-Qalam.
- Al-Sharbaini, Shams al-Din Muhammad Ibn Muhammad al-Khatib. 1994. *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifath Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Azantee Yazmie Abdul Wahab, Ahmad Murad Zainuddin, Roszaman Ramli, Hayati Mohd Yatim, Norsina Md. Ariffin. (2011). Associated Factors Affecting The Successful Pregnancy Rate of Intrauterine Insemination at International Islamic University Malaysia (IIUM) Fertility Centre. *Med J Malaysia*, Vol 66(3):195-98.
- Basri Ibrahim. 1999. *Perubatan Moden Menurut Perspektif Islam*, Malaysia, Darul Nu'man.
- Danial Zainal Abidin. 2009. *Quran Saintifik*, Malaysia, PTS Millennia.
- Danial Zainal Abidin. 2011. *Perubatan Islam dan Bukti Sains Moden*, Malaysia, PTS Millennia.
- Daniel Zainal Abidin . 2007. *Quran Saintifik Meneroka kecemerlangan quran daripada teropong sains*. PTS Mellinia.
- Mustafa al-Khin, Musatafa alBugha & 'Ali al-Sharbaji. 2005. *Al-Fiqh al-Manhaji "ala Mazhab al-Imam Asy-Syafie* (terjemahan). Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.
- Mustofa Al-Khin, Mustofa a-Bugho, Ali Asy-Syarbaji. 1998. *Kitab Fiqah Mazhab Syafie*. Pustaka Salam.

- Mustofa Al-Kin, Mustofa Al- Bugho, Ali Asy-Syarbani. Kitab Fiqah Mazhab Syafie (terjemahan). Pustaka Salam. 2002.
- Edmonds, K.D. (2007). Dewhurst's Textbook of Obstetrics & Gynaecology. Seventh Edition. Blackwell publishing, 446-447
- Forum Penyelidik "Developing Shariah-Compliant Fertility Treatment Guideline For Muslim Patients. Universiti Malaysia Pahang: 7 November 2012
- Fraenkel, J.R., & Wallen, N.E. 2006. *How to design and evaluate research in education*. New York: McGraw-Hill.
- Haron Din. 2011. Pengantar Pengubatan Islam, Malaysia, Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia & Koperasi Darussyifa' Berhad.
- Hasan Basri Omar. 2001. Zuriat Bilologi, Malaysia, PTS Islamika.
- Ibn Manzur. 1956. Lisan al-Arab. Beirut: Dar al-Beirut. Juz. 15
- Irwan Subri, Abdul Manan Ismail, Syaryanti Hussin. USIM. 2007. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa. Kepakaran Perubatan dalam proses mengeluarkan fatwa perubatan di Malaysia : Analisa fatwa terpilih*.
- Jalaluddin as-Suyuti. 2012. *Perubatan Cara Nabi Pasti Sihat*, Muhammad Abdullah, Malaysia, Inteam publishing.
- Joseph Schenker. 2005. *Ethics. Legal. Social. counseling Assisted reproductive pracyice : religious perspectives*, Jerusalem.
- Lukmanul Hakim Hanafi, Abdul Samal Musa, Zulkifli Mohamed. Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. 2011. *Jurnal Kebajikan Masyarakat. Konflik pengguguran janin berkeluarga dan tidak berkeluarga di dalam masyarakat : Hukum, Fatwa, undang-undang dan penyelesaiannya*.
- Lutfi Ahmad, Ahmad Muhammad. 2005. *al-Talqih al-Sina'I, Cet. 1*, Iskandariyah: Dar al-Fikri al-Jami'i.
- Marcus, S.F. and Brinsden, P.R. (2002). Intrauterine Insemination. In: Brinsden PR (2nd ed), *A textbook of In Vitro Fertilization and Assisted Reproduction*. London: The Parthenon Publishing Group, 257-66.
- Marhaba, Ismail Ibn Ghazi. 2010. *al-Nawazil al-Tibbiyah*, Riyadh: Maktabah al-Macarif li al-Nash wa al-Tabc
- Mat Saad Abd. Rahman. 1993. *Undang-undang Keluarga Islam Aturan Perkahwinan*, Malaysia, Intel Multimedia and Publication.
- Mohd Mohadis Yasin. USIM. 2007. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa. Pengurusan dan penyelarasan fatwa di Malaysia*.
- Mua'mmal Hamidy, Drs. Imron A.M, Umar Fanany. 1994. *Terjemahan Nailul Authar himpunan hadis-hadis hukum*. B.A, Victory Agencie, Kuala Lumpur.

- Muhammad Rawwas Qalíaji. 1985. *Mucjam Lughat al-Fuqahaí*. Beirut: Dar al-Nafais.
- Murthi, M. 2002. Fertility Change in Asia and Africa. *World Development*. 30. 10. 1769–1778.
- Hamzah, Muhammad Mahmud, 2008, *Ijarat al-Arham Bayn al-Tibb Wal Shariah al-Islamiyah*, cet. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Musa, M.M. 2007. An Islamic Perspective Of Assisted Reproductive Technologies. Federation of Islamic Medical Associations. Retrieved from <http://fimaweb.net>
- Musthafa Al-Siba'i. 2012. Wanita Di antara Syariat dan Undang-undang, Muchtar Abbas, Malaysia, Jahabersa.
- Nik Hazlina Nik Hussain & Shaiful Bahari Ismail. 2008. Kemandulan- Halatuju, Cabaran Dan Seribu Pengharapan.
- Rahimin Affandi Abd Rahim, Paizah Ismail, Shamsiah Mohamed, Norhayati Dahlal. UUM. 2010. UUM Journal of Legal Studies. Pembangunan Sistem Fiqh di Malaysia : Satu Analisis Model Pilihan.
- Razali Shahabudin. 2008. Kertas untuk pertimbangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Kertas JKF/ Bil 4/ 80/2008. Retrieved from www.islam.gov.my
- Reza Omani. 2009. Debate in embryo donation: embryo donation or both-gamete donation?, Cambridge. Reproductive Healthcare Ltd.
- Bukhari, Abi Abdillah Muhammad Ibn Ismail, al-. t.th. Sahih Bukhari. Kaherah: Dar Nah al-Nil Toba'ah Nashr Wa Tauzi'.
- Said al-Hajiri, Sarah Shafi. 2007. al-Ahkam al-Muta'alliqah bi al-Uqmi wa al-Injab wa Man'I al-Himl, Cet. 1. Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyah.
- Saim Yeprem. 2007. Current assisted reproduction treatment practices from an Islamic Perspective. Cambridge. Reproductive Healthcare Ltd.
- Sarip Adul. 2001. Fiqh Ibadat Jururawat Islam, Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Serour, G.I. 1998. Reproductive Choice; A Muslim Perspective. In: The future of human reproduction: Ethics, choice and regulation (Eds.) Harris, J. and Holm, S. Caledonian Press.
- Serour, G.I. 2008. Symposium: Religion in assisted reproduction Islamic perspectives in human reproduction, Cambridge. Reproductive Healthcare Ltd.
- Siti Nuraini Mohamed Nor. 2004. Memetik tulisan Khan, R.L. 1989. *Proceeding of the 1988 Conference on Healthy Policy, Ethics and Human Value; Reflections on the Cairo Seminar*. Kertas kerja International Seminar on Genealogy and Preservation of The Progeny : 27-28 April.

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman. 1997. Darul Fikir. Kuala Lumpur.

Taha, Ahmad Mahmud. 1998. al-Tib al-Islami, Cet. 1, T.tp: Obekan.

Wahbah Zuhaili. 2005. *Usul Fiqh Islami*. Damsyiq. Darul Fikr.

World Health Organization 2012. Health topics. Infertility. Available at: <http://www.who.int/topics/infertility/en/>. Accessed November 30, 2012.

Yusuf al-Qardhawi. 1998, *Panduan Memahami Syariat*. Pulomurub. Malaysia. Pustaka Ilmi.

Zaidan, Abd al-Karim. 2001. *al-Wajiz Fi Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyah Fi al-Shari'ah al-Islamiyah*, Cet. 1, Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

Zaini Nasohah. 2005. Undang-undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia. *Jurnal Islamiyyat*. 27 (1) : 25-44.



UMP

LAMPIRAN A



BAB 1

FATWA & RAWATAN KESUBURAN

DEFINISI FATWA

Pada bahasa ia diambil daripada afa-ifta'an yang memberi maksud menjelas dan menghuraikan hukum permasalahan. Pada istilahnya pula, fatwa mempunyai pelbagai definisi antaranya fatwa adalah sebagai jawapan yang dibuat oleh mufti pada perkara yang berlaku apabila diajukan soalan kepadanya. Fatwa juga ialah mengkhabarkan hukum Allah SWT sama ada pada yang mesti atau harus.

BADAN MENGURUSKAN FATWA DI MALAYSIA

Badan yang bertanggungjawab menguruskan fatwa di peringkat negara adalah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Jawatankuasa ini ditubuhkan pada awal tahun 1970 sebagaimana diperuntukan pada Perkara 11 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Jawatankuasa ini merupakan badan pengeluar fatwa di peringkat Kebangsaan atas apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Sementara MKI yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri merupakan badan penyelaras di peringkat Persekutuan yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja pada Mac 1968.

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan telah bersidang buat pertama kalinya pada 23 hingga 24 Jun 1970 dan pada masa itu dipanggil dengan Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Persidangan

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan tersebut berlangsung sebanyak 18 kali dan yang terakhir diadakan pada 14 Mei 1980. Kemudiannya penggunaan perkataan Persidangan telah ditukar kepada perkataan Muzakarah. Maka pada tarikh 28 hingga 29 Jun 1981, telah diadakan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Kali Pertama.

Tugas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan adalah mengikut kepada Perkara 14 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia iaitu menimbang, memutuskan dan mengeluarkan fatwa atas apa-apa perkara berkenaan dengan agama Islam yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Jawatankuasa ini akan mengemukakan pendapat-pendapatnya kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang kemudian menghantarkannya bersama dengan pengesyoran-pengesyoran kepada Majlis Raja-Raja.

Dari segi keanggotaan, ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia terdiri daripada seorang pengerusi yang dilantik oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia (MKI). Ahli-ahlinya pula terdiri daripada Mufti tiap-tiap negeri yang mengambil bahagian atau seorang yang mewakili Negeri dalam Hal Ehwal Agama Islam. Selain itu, sembilan orang alim ulama dan kalangan profesional serta pakar-pakar muslim akan dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja. Seorang ahli yang beragama Islam dari Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang atau dari profession undang-undang juga dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja.

Bagi kaedah mengeluarkan hukum atau pandangan Syarak oleh Jawatankuasa Fatwa, ia akan melalui dua cara. Pertama, ia melalui Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa MKI. Proses

pengeluaran hukum/fatwa ini bermula apabila Mesyuarat Majlis Raja-Raja menitahkan supaya Jawatankuasa Fatwa MKI memberikan pandangan hukum/fatwa tentang sesuatu isu yang timbul dalam masyarakat. Isu yang dikemukakan akan dikaji, disediakan satu kertas kerja berkaitan dan kemudiannya dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa MKI. Apabila Mesyuarat telah mengeluarkan pandangan hukum/fatwa, maka pandangan hukum/fatwa berkenaan akan dirafa'kan kepada Majlis Raja-Raja melalui Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Pandangan hukum/fatwa yang telah diperkenan oleh Majlis Raja-Raja tersebut akan dibawa kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri tanpa boleh dipinda dan seterusnya diwartakan sebagai fatwa negeri berkenaan.

Cara yang kedua pula, ia melalui Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI. Proses pengeluaran hukum/fatwa ini adalah melalui permohonan dari masyarakat Islam atau pihak-pihak tertentu. Isu yang dikemukakan akan dikaji, disediakan satu kertas kerja berkaitan dan kemudiannya dibentangkan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI. Pandangan hukum/fatwa yang diputuskan dalam Muzakarah ini akan dibawa ke Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri dan negeri boleh meminda keputusan tersebut atau menerimanya tanpa pindaan sebagai fatwa negeri dan seterusnya diwartakan. Pandangan hukum/fatwa yang diputuskan dalam Muzakarah ini juga akan dirafa'kan untuk perkenan Majlis Raja-Raja melalui Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.

Pihak-pihak tertentu yang pakar akan dipanggil untuk memberikan pandangan dan penjelasan terhadap isu-isu yang tidak jelas atau memerlukan penjelasan dan taklimat terperinci supaya semua Ahli Jawatankuasa Fatwa MKI mendapat

maklumat yang tepat bagi membuat dan memutuskan keputusan.

FATWA MALAYSIA BERKAITAN RAWATAN KESUBURAN

Fatwa Bayi Tabung Uji

Fatwa pertama berkaitan rawatan kesuburan di Malaysia ialah Keputusan Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJKF) kali ke-5 dan ke-6 pada 16 dan 17 November 1982 dan 10 Oktober 1983. Keputusan ini telah menyebutkan bayi tabung uji dari benih suami isteri yang dicantumkan secara terhormat adalah sah di sisi Islam. Sebaliknya benih yang diambil dari bukan suami isteri yang sah, bayi tabung uji itu adalah tidak sah. Selain itu, bayi yang telah dilahirkan melalui tabung uji juga boleh menjadi wali dan berhak menerima harta pesaka daripada keluarga yang berhak. Keputusan juga menyatakan sekiranya benih dari suami atau isteri yang dikeluarkan dengan cara yang tidak bertentangan dengan Islam ianya adalah dikira sebagai cara terhormat.

Fatwa Bayi Tabung Uji selepas Penceraian atau Kematian

Fatwa yang kedua ini telah dikeluarkan oleh Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJKF) kali ke-55 dan ke-56 pada 8 April 2003. Pada kali ini, Muzakarah telah membuat keputusan bahawa hukum memasukkan embrio ke dalam rahim isteri selepas berlaku kematian suami atau penceraian adalah haram. Selain itu, fatwa memutuskan hukum mencantumkan benih yang dikeluarkan sebelum akad nikah dan kemudiannya dibuat pencantuman dalam tempoh perkahwinan yang sah juga adalah haram. Namun begitu, hukum

mencantumkan benih yang diambil dan dicantumkan dalam tempoh perkahwinan yang sah adalah harus.

Fatwa Ibu Tumpang

Selain daripada rawatan kesuburan bayi tabung uji, terdapat juga satu lagi alternatif kepada rawatan kesuburan yang sering digunakan oleh masyarakat iaitu kaedah Ibu Tumpang. Kaedah ini menggunakan khidmat pihak ketiga untuk 'menumpangkan' bayi di dalam rahimnya setelah embrio dari suami- isteri yang bermasalah kesuburan disenyawakan. Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-80 yang bersidang pada 1 ke 3 Februari 2008 telah membincangkan hukum menggunakan kaedah khidmat ibu tumpang untuk mendapatkan zuriat (Surrogate Motherhood). Muzakarah telah memutuskan bahawa menggunakan kaedah khidmat ibu tumpang untuk mendapatkan zuriat adalah diharamkan oleh Islam walaupun sperma dan ovum adalah diambil daripada suami isteri yang sah kerana ia akan menyebabkan berlakunya kekeliruan nasab anak yang akan dilahirkan.

Antara hujah yang digunakan oleh Muzakarah bagi mengharamkan khidmat rawatan ini ialah ketidaktentuan nasab. Ia merupakan aspek yang paling besar dalam kelahiran seorang bayi yang dikandung oleh ibu tumpang. Seorang ibu tumpang berbangsa Inggeris berkulit putih misalnya boleh melahirkan seorang bayi yang berkulit hitam atau sebaliknya. Perkembangan dunia perubatan di bidang teknologi rawatan kesuburan bagi membantu reproduksi walaupun banyak memberi manfaat namun ternyata boleh menyebabkan kecelaruan sistem kekeluargaan dan keturunan. Melalui khidmat ibu tumpang, bayi yang dikandung dan dilahirkan mempunyai

hubungan genetik atau tiada langsung hubungan darah dengan ibu tumpangnya kerana telur dan sperma adalah milik orang lain.

Fatwa Bank Air Mani

Di Malaysia juga, terdapat fatwa berkaitan kewujudan bank air mani. Ini kerana, terdapat sesetengah masyarakat yang menggunakan bank air mani bagi mendapatkan benih yang subur bagi tujuan menjalani rawatan kesuburan. Mereka sanggup membayar sejumlah wang bagi mendapatkan air mani yang berkualiti dengan tujuan rawatan kesuburan yang dijalankan itu akan berkesan dan berjaya. Keputusan Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJKF) kali pertama pada 28 dan 29 Januari 1981 menetapkan fatwa mengadakan bank air mani adalah haram dalam Islam. Sekiranya bank air mani telah sedia wujud maka kerajaan hendaklah bertindak untuk menghapuskannya. Selain itu, pernianian beradas yang dilakukan kepada manusia adalah haram kecuali jika air mani daripada suami didapati secara muhtaram atau yang diluluskan dan dibenarkan oleh Islam. Penglibatan doktor pakar atau mana-mana pihak yang berkaitan dengan bank air mani juga haram dari segi syarak.

Fatwa Penguguran Kandungan Berganda

Bagi kes kandungan berganda, terdapat sesetengah pesakit yang ingin menggugurkan anaknya apabila ia membahayakan nyawa ibu. Keputusan Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJKF) kali ke-26 pada 7 dan 8 Mac 1990 adalah dengan mengikut peringkat umur serta berdasarkan beberapa syarat. Pertama, menurut Ijmak Fuqaha, haram menggugurkan janin yang telah berumur lebih 120 hari kerana

pengguguran itu dianggap satu jenayah bunuh ke atas janin yang telah ditiupkan roh kecuali pengguguran itu untuk menyelamatkan nyawa ibu atas sebab-sebab kecacatan yang teruk. Kedua, makruh hukumnya menggugurkan janin yang berumur antara 1 hari hingga 40 hari sekiranya tidak mendatangkan bahaya pada ibu dan tidak mendapat persetujuan dari suami. Ketiga, Ijmak Fuqaha berpendapat bahawa pengguguran janin yang berumur sebelum 120 hari harus sekiranya janin itu cacat dan berpenyakit yang boleh membahayakan nyawa ibu.

Fatwa Embryo Lebihan

Selain daripada fatwa Kebangsaan oleh Muzakarah, terdapat juga fatwa daripada Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) seperti di negeri Selangor. Pada 1 Januari 1970 jawatankuasa tersebut telah membincangkan mengenai isu-isu berkaitan Bayi tabung uji. Fatwa negeri telah memutuskan khidmat rawatan bayi tabung uji mestilah daripada benih suami isteri yang dikandung oleh isteri sendiri sekiranya suami masih hidup. Benih suami isteri haram dikandungkan oleh wanita lain. Selain dari itu, benih suami isteri yang telah ditabung ujikan haram dimasukkan ke dalam rahim isteri sekiranya suami telah meninggal dunia terlebih dahulu kerana perbuatan ini boleh membawa kepada fitnah. Hukum harus ditetapkan untuk proses menghapuskan telur-telur yang telah disenyawakan. Satu telur sahaja perlu diselamatkan untuk dikandungkan. Fatwa ini berdasarkan fakta bahawa telur-telur tersebut masih belum bernyawa.

FATWA NEGERI

Fatwa yang telah diputuskan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia akan seterusnya digunapakai di dalam fatwa negeri. Antara Fatwa Negeri berkait dengan rawatan kesuburan telah dikeluarkan oleh Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor adalah seperti berikut :

Bayi Tabung Uji

Benih suami isteri harus dikandungkan oleh isteri sendiri sekiranya suami masih hidup dan benih tersebut haram dikandungkan oleh wanita lain. Selain dari itu, benih suami isteri yang telah ditabung ujikan haram dimasukkan kedalam rahim isteri sekiranya suami telah meninggal dunia terlebih dahulu kerana perbuatan ini boleh membawa kepada fitnah. Dan ianya adalah harus menghapuskan telur-telur yang telah disenyawakan di dalam tabung uji dengan menyelamatkan satu telur sahaja, untuk dikandungkan kerana telur-telur tersebut masih belum bernyawa.

Gugur Kandungan

Anak yang dikandung yang berkemungkinan cacat harus digugurkan atas nasihat doktor pakar. Sekiranya sudah bernyawa, hukumnya haram digugurkan.

Merawat Benih

Benih yang dikenal pasti oleh doktor pakar sebagai cacat contohnya down syndrome harus dirawat oleh doktor supaya bila lahir menjadi anak yang normal. Juga, adalah harus menghentikan kelahiran anak yang jika dilahirkan diadapati cacat dan tidak boleh berfungsi sebagai manusia biasa.

Berhubungkait dengan pengeluaran ovum atau telur untuk rawatan kesuburan, ianya adalah harus untuk pesakit memakan ubat untuk merangsang pengeluaran banyak ovum sekiranya tidak menjejaskan kesihatan ibu.

FATWA BADAN-BADAN DUNIA BERKAITAN RAWATAN KESUBURAN

Badan-badan agama Islam yang pertama mengeluarkan fatwa berkaitan rawatan kesuburan di negara-negara Islam adalah Fatwa Al-Azhar (1980), Islamic Fiqh Council di Mekah (1984), Fatwa Darul Ifta Qairo (1980) dan Islamic Organization for Medical Scinces di Kuwait (1983) (Serour, 1998). Namun begitu, pada sekitar tahun 1980-an, masyarakat Timur Tengah atau masyarakat Islam di negara Arab masih lagi merasa malu dan rasa bersalah untuk mendapatkan rawatan kesuburan kerana bagi mereka itu adalah satu keaiban. Sehingga pada tahun 1990-an, mereka semakin terbuka untuk menerima kaedah rawatan kesuburan ini (Serour, 1998).

Melihat kepada sambutan masyarakat Muslim semakin meningkat, beberapa badan autoriti telah mengeluarkan garis panduan syariah berkaitan rawatan kesuburan untuk membantu para pesakit dan pengamal perubatan. Antara badan-badan Islam yang mengeluarkan garis panduan ini adalah Islamic Medicine in Kuwait dan International Islamic Center for Population Studies and Research, Universiti Al- Azhar (Serour, 1998).

Badan-badan agama Islam di negara Arab telah sepakat untuk tidak membenarkan pemindahan ovum dan sperma bagi mereka yang tiada ikatan perkahwinan yang sah. Sekitar tahun 1980-an, garis panduan berkaitan rawatan kesuburan yang

dikeluarkan juga dilihat sama antara Islam dan Kristian walaupun terdapat juga perbezaan. Namun begitu, garis panduan kaedah rawatan kesuburan yang dikeluarkan oleh Yahudi sangat berbeza dengan masyarakat Islam dan Kristian.

Bagi masalah hukum penggunaan embrio yang disimpan setelah kematian suami, **International Workshop on Ethical Implications of The Use of ART for Treatment of Infertility Update** yang dianjurkan oleh International Islamic Research for Population Studies Universiti Al-Azhar pada November 2000 telah memutuskan ianya tidak dibenarkan.

Manakala, The Higher Council of Religious Affairs di Istanbul mengatakan pembekuan embrio dan sperma tidak menjadi masalah sekiranya sperma atau embrio itu dikembalikan semula kepada pemiliknya atau digunakan oleh mereka yang ada ikatan perkahwinan yang sah. Dalam isu pemilihan jantina anak yang ingin dilahirkan pula, Bio Ethic Commission of European Council dan International Population and Development Conference di Kaherah yang disertai oleh 238 negara telah menolak pemilihan jantina anak yang ingin dilahirkan. Ini juga selaras dengan ayat Quran Surah Shura Ayat 42: 49-50 yang melarang pemilihan jantina anak-anak yang ingin dilahirkan. Proses pemilihan jantina ini ditolak oleh Islam kecuali ada keperluan perubatan.

Bertentangan dengan fahaman Syiah pula di mana Fatwa Ayatullah Ali Hussein Khomeini telah membenarkan pendermaan sperma dan ovum melibatkan orang ketiga. Ia juga membenarkan pendermaan embrio, sperma dan penggunaan kaedah ibu tumpang. Fatwa Syiah ini dilihat bertentangan dengan fatwa Mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah.

BAB 2

PROSEDUR KAEDAH RAWATAN KESUBURAN

Setiap kaedah rawatan kesuburan mempunyai prosedur yang sama dan juga berbeza mengikut tahap masalah kesuburan yang dihadapi. Terdapat tiga kaedah rawatan yang boleh dijalani iaitu melalui rangsangan ubat, pernianian berhadad (Intra-Uterine Insemination/ IUI) dan bayi tabung uji (In-Vitro Fertilisation/ IVF) mengikut tahap seriusnya masalah yang dihadapi pesakit dan pasangan.

Prosedur Kaedah Rawatan Kesuburan/ Kesuburan			
Prosedur	Kaedah Rawatan		
	Rangsangan ubat	IUI	IVF
Konsultasi bersama doctor	x	x	x
Rangsangan ubat	x	x	x
Pengumpulan Ovum			x
Pengumpulan Sperma		x	
Pernianian berhadad		x	
Pencantuman Ovum dan Sperma			x
Pencantuman Ovum dan Sperma dengan suntikan sperma Intracitoplasmik			x
Pemindahan Embrio ke dalam Rahim			x
Pembekuan Embrio			x

Konsultasi Bersama Doktor

Peringkat pertama di dalam mendapatkan rawatan kesuburan

adalah sesi konsultasi bersama doktor pakar. Penerima rawatan kesuburan mungkin perlu melalui beberapa sesi bersama doktor untuk menentukan masalah yang dihadapi dan juga melalui ujian yang bersesuaian dengan masalah tersebut.

Di dalam sesi pertama, doktor akan mengambil maklumat seperti sejarah perubatan pasangan yang dating untuk menerima rawatan. Susulan daripada perbincangan, dua jenis pemeriksaan akan dilakukan iaitu :

1. Pemeriksaan Wanita
2. Pemeriksaan Lelaki

Pemeriksaan Wanita

Semasa pemeriksaan beberapa ujian mungkin dilakukan bergantung kepada masalah yang dihadapi oleh wanita tersebut:

Ujian ke atas wanita
Ujian hormon seperti Ujian Perangsang Folikel (Follicle Stimulating Hormone - FSH)/Hormon Peluteinan (Lutenising Hormone - LH)/Estradiol dijalankan
Ujian tambahan Hormon Prolaktin, tiroid, testosterone & androgen dijalankan utk pesakit berkitaran haid tidak menentu.
Pemeriksaan peranakan & penghasilan telur - TVS (Trasvaginal sonography)
Pap smear - 'optional'
Hysterosalpingogram (HSG)/x-ray Rahim, laporoskopi, hysteron contrast sonography (Hy Co Sy) - hanya dilakukan jika dijangka saluran fallopio tersumbat.




Mesin imbasan ultrabunyi

Ujian ultrabunyi yang lazim dilakukan adalah menerusi lapisan atas abdomen manakala penggunaan alatan *vagina probe* memberikan imbasan ultrabunyi melalui faraj (vagina) pesakit semasa ujian TVS dilakukan. Kaedah imbasan ini memberikan gamabaran yang lebih jelas dan terperinci.


UMP



Vaginal probe: alatan imbasan ultrabunyi yang digunakan melalui faraj (vagina) semasa ujian TVS dilakukan



Imej lapisan rahim yang lebih jelas dengan ujian TVS



TVS memberi maklumat yang lebih terperinci berkaitan kelenjar telur atau ovari seseorang wanita itu.

Pemeriksaan Lelaki

Untuk menerima rawatan, pasangan lelaki perlu menjalani pemeriksaan ujian air mani (Seminal Fluid Analysis). Umumnya, hasil sampel diperolehi secara masturbasi (onani) yang dilakukan oleh suami atau dibantu oleh isteri. Pasangan juga boleh melakukan hubungan seksual untuk memperolehi sampel ini dengan melakukan azal atau masturbasi. Kesemua sampel tersebut hendaklah dikumpulkan di dalam bekas bermulut besar yang bersih atau steril. Pasangan dinasihatkan untuk tidak melakukan hubungan seksual atau masturbasi dalam tempoh 2 hingga 5 hari sebelum proses pengumpulan ini dibuat. Sampel

hendaklah sampai ke makmal dalam tempoh 1 jam selepas ianya dikeluarkan.

Selain dari menjalani pemeriksaan ujian air mani (Seminal Fluid Analysis), pasangan lelaki juga perlu melakukan pemeriksaan fizikal yang lengkap terutamanya pemeriksaan buah zakar dan beberapa ujian-ujian lain juga mungkin perlu dilakukan seperti imbasan ultrabunyi testis dan prostat.

Soalan 1

Adakah perlu seorang pembantu wanita (pembantu perubatan atau jururawat) hadir semasa pemeriksaan oleh doktor yang berlainan jantina? Lazimnya di Malaysia doktor pakar dalam bidang rawatan kesuburan terdiri dari doktor lelaki. Jika doktor pakar adalah seorang wanita, adakah perlu seorang pembantu lelaki hadir semasa pemeriksaan fizikal dilakukan keatas suami wanita tersebut?

Pesakit wanita perlu ditemani oleh suami, mahram atau wanita lain ketika diperiksa oleh doktor lelaki disebabkan rawatan ini menyebabkan pembukaan aurat wanita tersebut. Di samping itu, ia juga bagi mengelak berlaku khalwat yang tidak dibenarkan oleh syarak. Namun begitu, sekiranya doktor perempuan yang melakukannya maka tidak menjadi kewajipan kehadiran mereka yang tersebut di atas kerana tidak timbul isu mahram.

Penjelasan hukum khalwat :

Rasulullah s.a.w. telah melarang lelaki dan wanita yang bukan muhram iaitu yang diharamkan nikah antara keduanya daripada berkhalwat atau berdua-duaan di tempat yang boleh dikategorikan sebagai terhindar daripada halangan untuk melakukan maksiat yang berlaku antara lelaki dan wanita.

Larangan yang dikemukakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam hadithnya ini yang menggunakan *lafaz nahi* (tegahan) dan membawa maksud pengharaman perbuatan berdua-duaan yang dinyatakan tersebut. Berikut merupakan hadith-hadith yang menggambarkan pengharaman tersebut:

لا يخلون رجل بامرأة إلا مع ذي محرم

Maksudnya:

Janganlah sesiapa di kalangan kamu (lelaki) berkhalwat dengan wanita yang bukan muhram antara keduanya melainkan sekiranya wanita tersebut ditemani oleh mahramnya.

(Sahih al-Bukhari, Kitab al-Nikah, Hadith ke 4935)

Arahan untuk tidak membenarkan lelaki dan wanita daripada berdua-duaan dalam ertikata khalwat di atas bertujuan untuk memelihara mereka daripada terjebak dengan perkara-perkara yang termasuk dalam larangan-larangan Allah yang lebih berat yang boleh membawa kepada zina. Ini adalah disebabkan ketika mereka berdua-duaan, syaitan akan menjadi orang tengah yang bertanggungjawab untuk membisikkan tindakan-tindakan maksiat seterusnya yang perlu dilakukan oleh mereka berdua sepertimana yang dijelaskan oleh

Rasulullah s.a.w. dalam hadithnya yang lain:

لا يخلون رجل بامرأة إلا كان ثالثهما الشيطان

Maksudnya:

Tidaklah seseorang lelaki berkhalwat dengan seorang wanita melainkan syaitan akan menjadi yang ketiga antara mereka berdua.

(Sunan al-Tirmidzi, Kitab al-Rhadha', Hadith ke 1171)

Soalan 2

Apakah batasan aurat antara pesakit wanita dan doktor lelaki?

Terdapat dua perkara yang perlu kepada batasan dalam rawatan seperti ini, iaitu yang pertama adalah khalwat dan kedua, aurat. Kedua-dua perkara ini perlu dijaga disebabkan proses rawatan ini membabitkan pendedahan aurat wanita sehingga peringkat mendedahkan alat sulit. Berkenaan perkara ini, Majlis Majma' al-Fiqh al-Islami yang bersidang pada tahun 1993 telah memutuskan bahawa hukum asal perkara ini adalah sekiranya dalam keadaan wujudnya doktor perempuan Muslimah yang pakar dalam bidang ini, maka hukumnya wajib pesakit tersebut berubat dengan beliau. Sekiranya tiada, maka doktor wanita bukan Muslimah sebagai gantinya. Seterusnya jika tiada, barulah diberikan kelonggaran untuk berubat dengan doktor lelaki Muslim dan jika tiada maka doktor lelaki bukan Muslim sebagai pilihan terakhir. Penjelasan lanjut adalah seperti yang berikut:

Perkara pertama, ketika rawatan pesakit perlu ditemani oleh seorang yang dapat mencegah berlakunya khalwat antara doktor dan pesakit. Teman itu sebaik-baiknya adalah suami pesakit dan sekiranya tiada maka urutan seterusnya ialah mahram dan sekiranya tiada mahram, perlu ada wanita yang boleh dipercayai yang dapat mengelak berlaku gejala khalwat tersebut. Di samping itu, sekiranya terdapat orang lain seperti jururawat bersama doktor berkenaan dalam proses rawatan tersebut maka disyaratkan beliau mestilah hadir atas keperluan proses perubatan tersebut. Dalam masa yang sama beliau wajib memelihara sebarang rahsia yang diketahui dalam proses rawatan tersebut.

Perkara kedua pula, semasa rawatan doktor hanya boleh untuk melihat dan merawat bahagian yang diperlukan dalam proses perubatan sahaja dan tidak lebih daripada itu. Perkara ini juga telah diputuskan harus dalam Nadwah al-Injab anjuran al-Munazzomah al-Islamiyah li al-Ulum al-Tibbiyah pada 11 Syaaban 1403H. Di dalam nadwah tersebut keputusan adalah diharuskan melihat aurat mereka yang berlawanan jantina atas tujuan penerokaan bidang perubatan, rawatan dan pengajaran. Walaupun begitu, ia hanya dalam lingkungan aurat yang diperlukan bagi memenuhi tujuan-tujuan tersebut sahaja.

Sehubungan dengan dua perkara ini, hukum asalnya adalah haram tetapi diharuskan ketika situasi tiada doktor perempuan yang berkelayakan melakukan rawatan tersebut. Hukum ini merujuk kepada pandangan jumhur ulama yang mewakili keempat mazhab terbesar dalam Islam yang berpegang bahawa harus membuka aurat kepada orang yang lawan jenis atas tujuan perubatan sekiranya menepati syarat-syarat tertentu yang diputuskan oleh syarak. Ketiadaan doktor perempuan ini termasuk dalam syarat-syarat yang disebutkan dalam pendapat jumhur ulama ini. Situasi ini dikategorikan sebagai dharurat menurut syarak manakala dalil kepada keharusannya berdasarkan kaedah fiqh:

الضرورة تبيح المحظورات

Maksudnya:

Kemudharatan membolehkan hal-hal yang dilarang.

Walaupun begitu, kaedah ini dibatasi pula oleh kaedah fiqh yang lain iaitu:

ما ابيح للضرورة يقدر بقدرها

Maksudnya:

Apa yang dibolehkan kerana adanya kemudahan diukur menurut kadar kemudahan.

Oleh itu, walaupun doktor lelaki itu harus melakukan rawatan tetapi beliau tidak boleh melihat, menyentuh, memegang dan sebagainya bahagian tubuh pesakit yang tidak termasuk dalam bahagian yang perlu dirawat.

Soalan 3

Adakah suami pesakit perlu hadir semasa pemeriksaan awal bersama doktor?

Seperti yang telah diterangkan untuk Soalan 1 sebelum ini, sekiranya doktor yang merawat itu adalah doktor perempuan maka tidak diwajibkan kehadiran suami untuk menemani isteri. Tetapi jika doktor itu adalah lelaki maka suami perlu menemani isteri. Walaupun begitu, dalam keadaan ketiadaan suami adalah dibolehkan peneman yang lain di kalangan mahram wanita tersebut ataupun wanita lain yang boleh dipercayai. Sekiranya tiada peneman maka hukumnya adalah termasuk dalam hukum khalwat yang diharamkan.

Soalan 4

Apabila seorang isteri datang berjumpa doktor tanpa ditemani suami, apakah hukum jika dia memberitahu doktor kelemahan suaminya atau masalah kesihatan dengan niat untuk mendapatkan pandangan pakar berkaitan?

Hukum asal adalah haram untuk menceritakan kelemahan suami kepada orang lain. Walaupun begitu, terdapat keadaan-keadaan tertentu yang dikecualikan daripada hukum wajib menjaga kerahsiaan. Berhubung perkara ini, Majlis Majma' al-Fiqh al-Islami kali ke 8 telah mengemukakan panduan berkenaan pengecualian hukum menutup rahsia. Walaupun ketetapan di dalam Majma' tersebut adalah berhubung dengan kes tanggungjawab kerahsiaan yang dipikul oleh seorang doktor dalam merawat pesakit, tetapi panduan itu boleh digunakan di dalam kes yang membabitkan isteri memberitahu masalah kesihatan atau rahsia suami kepada doktor. Oleh itu, dibenarkan untuk menceritakan perkara tersebut atas dasar untuk mengetahui kaedah rawatan yang sesuai untuk masalah yang berkenaan. Perkara yang dijelaskan perlulah dalam lingkungan persoalan yang perlu diketahui untuk proses perubatan.

Antara lain, pengecualian ini diberikan sekiranya tindakan tidak membuka rahsia akan mendatangkan mudarat yang lebih besar kepada penyimpan rahsia itu, atau tindakan membuka rahsia itu dapat mendatangkan masalah berbanding mudarat sekiranya merahsiakannya. Untuk itu, keadaan ini boleh dibahagikan kepada 2 keadaan:

Pertama, wajib untuk membuka rahsia dalam dua situasi iaitu pertama situasi di mana tindakan itu boleh mengelakkan mafsadah atau kerosakan daripada masyarakat. Kedua, situasi di

mana tindakan itu boleh mengelakkan mafsadah daripada individu. Kedua-dua situasi yang membawa kepada wajib membuka rahsia ini adalah berdasarkan 2 kaedah berikut :

Kaedah pertama:

تحقيق المصلحة العامة التي تقضى بتحمل الضرر الخاص لدرء الضرر العام

Maksudnya:

Memastikan masalah umum (berlaku) dengan menanggung mudarat yang khusus, bagi mengelak mudarat umum

Kaedah ini memberi maksud bahawa dalam keadaan memastikan masalah umum terpelihara maka dibenarkan untuk melakukan sesuatu yang hanya memberikan mudarat kepada pihak atau perkara tertentu sahaja.

Kaedah kedua:

ارتكاب اھون الضررين لتفويت أشدهما لدرء الضرر العام

Maksudnya:

Melakukan perkara yang mendatangkan mudarat yang lebih kecil berbanding mudarat yang lebih besar, bagi mengelakkan mudarat yang lebih besar.

Kaedah ini memberi maksud bahawa dalam keadaan berhadapan dengan dua perkara yang boleh mendatangkan mudarat maka dibenarkan untuk melakukan salah satu daripadanya yang hanya mendatangkan mudarat kecil berbanding satu lagi yang membawa kepada mudarat besar. Tindakan ini dibenarkan bagi

memastikan masalah yang lebih besar dapat dipelihara walaupun terpaksa mengundang sedikit mudarat.

Kedua, harus membuka rahsia dalam dua situasi iaitu pertama dalam situasi tindakan membuka rahsia itu boleh menjamin masalah atau kebaikan kepada masyarakat atau tindakan itu boleh mengelakkan kerosakan yang bersifat umum (mafsadah ammah).

Dalam hal ini, menceritakan perkara-perkara yang merupakan rahsia kepada doktor mendatangkan mudarat yang lebih rendah berbanding tidak menceritakannya. Ini adalah disebabkan tindakan tidak menceritakan itu akan memberi implikasi kegagalan mengenalpasti penyakit atau punca masalah sehingga membawa kepada permasalahan yang berterusan. Oleh kerana itu, menceritakan rahsia tersebut adalah dibenarkan dalam situasi ini.


Rangsangan ubat

Beberapa jenis ubat akan digunakan untuk merangsang penghasilan ovum pesakit wanita.

Fungsi	Jenis
Ubat ujian hormon seperti Ujian Perangsang Folikel (Follicle Stimulating Hormone - FSH)/	<ul style="list-style-type: none"> a. Clomiphene citrate b. Ganotrophin (Gonal 'F', Puregon) c. Menonys, Menopur, Foliculin, Foliova
Ubat ujian Hormon Peluteinan (Lutenising Hormone - LH)/	<ul style="list-style-type: none"> a. Ovidrel[®] b. Pubergen[®] c. HuCoG[®]



Clomiphene citrate



Puregon dan Gonal F



Ubat-ubat subur Gonadotropin



Jenis-jenis suntikan yang digunakan untuk mematangkan telur

Soalan 1

Adakah ubat yang digunakan di dalam rawatan kesuburan halal?

Sekiranya ubat tidak halal yang digunakan maka ia hanya boleh digunakan dengan merujuk kepada syarat dharurat sepertimana yang akan dijelaskan di dalam soalan yang berikutnya.

Soalan 2

Apakah hukum jika menggunakan ubat rawatan kesuburan yang tidak halal?

Adalah dibolehkan untuk menggunakan ubat rawatan kesuburan yang tidak halal dalam keadaan yang dikategorikan dharurat berdasarkan firman Allah:

فمن اضطر غير باغ ولا عاد فلا اثم عليه

Maksudnya:

Tetapi barangsiapa dalam keadaan terpaksa (memakannya) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka tidak ada dosa baginya.

(al-Quran; al-Baqarah: 173)

Secara umumnya, nas di atas mengharuskan pengambilan benda haram sebagai makanan dan sebagainya ketika dharurat dalam kadar menghilangkan mudarat sahaja. Berdasarkan nas ini, para ulama telah mensyaratkan bahawa ubat yang tidak halal hanya boleh digunakan dalam keadaan dharurat dengan beberapa syarat iaitu:

- i. Doktor yang mencadangkan ubat itu adalah doktor yang bersifat dengan sifat benar, amanah dan beragama
- ii. Tidak terdapat ubat lain selain daripada ubat yang haram ini.

Syarat-syarat ini dikemukakan supaya hanya ubat yang sepatutnya sahaja yang diambil oleh pesakit serta tidak menggunakannya lebih daripada kadar yang dibenarkan disebabkan dharurat. Ia juga bagi mengelakkan pesakit mengambilnya dengan tujuan untuk melakukan perkara yang diharamkan Allah. Keharusan tersebut juga berdasarkan kaedah yang diistinbat dari nas di atas yang berbunyi:

ضرورات تبيح المحظورات

Maksudnya:

Keadaan dharurat mengharuskan perkara yang dilarang.

Tetapi sekiranya didapati terdapat ubat lain dengan kandungan halal yang lebih atau sama baik dengan ubat ini maka pada ketika itu wajib menggunakan ubat yang lain tersebut.

Soalan 3

Adakah boleh pesakit wanita menerima suntikan rawatan kesuburan semasa berpuasa?

Pesakit wanita boleh menerima suntikan rawatan kesuburan semasa berpuasa dan ia tidak membatalkan puasa tersebut disebabkan ia tidak termasuk dalam kategori makan dan minum dari sudut bahasa dan juga uruf (kebiasaan). Ia juga tidak bercanggah dengan maksud pensyariatian puasa itu sendiri yang

antara lainnya menuntut kepada berlajar dan dahaga menerusi ibadah ini.

Selain itu, al-Quran menjelaskan bahawa puasa bukanlah suatu ibadah yang bersifat menyusah dan menyulitkan manusia berdasarkan firman Allah:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَىٰ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَىٰ

Maksudnya:

Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu.

(al-Quran; al-Baqarah: 185)

Dalam hal ini, keharusan menerima suntikan ini merupakan sebahagian daripada kemudahan yang diberikan Allah kepada mereka yang berpuasa.

Soalan 4

Adakah perlu pesakit wanita meminta izin suami untuk mengambil suntikan atau ubatan rawatan kesuburan?

Hukum meminta izin ini secara asasnya adalah wajib tetapi boleh menjadi harus bergantung kepada hukum mengubati masalah kesuburan itu sendiri. Secara umumnya hukum mengubati masalah ini adalah harus berdasarkan dalil yang banyak. Antaranya hadith Rasulullah:

لكل داء دواء فإذا أصاب دواء الداء برأ بإذن الله

Maksudnya:

Bagi setiap penyakit itu ada ubatnya, oleh itu sekiranya ubat itu kena kepada penyakit yang berkenaan maka ia akan sembuh dengan izin Allah.

(Muslim: Kitab al-Salam: bab li kulli da'in dawa'un wa istihbab al-tadawi, (4/1729))

Dalam konteks hari ini, ketidaksuburan telah dikira sebagai salah satu penyakit. Malahan terdapat tulisan yang menyebutkan bahawa para ahli perubatan telah bersepakat bahawa ia dikira sebagai masalah kesihatan. Selain itu ia juga dikira sebagai masalah dalam dunia perubatan yang semakin meruncing dari semasa ke semasa disebabkan peningkatan masalah ketidaksuburan dan kemandulan di kalangan pasangan suami isteri di seluruh dunia. Oleh kerana itu, hukum harus mengubati masalah kesuburan ini boleh berubah kepada wajib sekiranya diyakini boleh berlaku kerosakan yang besar kepada isteri atau hubungan suami isteri sekiranya masalah ini tidak diubati.

Sehubungan itu, dalam keadaan yang asal iaitu dalam konteks harus mengubatinya maka pengambilan suntikan dan ubatan berkenaan wajib mendapatkan keizinan suami. Ini disebabkan meminta izin suami adalah suatu kewajipan manakala berubat adalah harus. Dalam kes ini, kaedah yang digunakan adalah apabila bertembung hukum harus dengan yang wajib maka perlu dilakukan yang wajib walaupun terpaksa meninggalkan yang harus. Tetapi dalam keadaan yang kedua iaitu apabila hukum berubat menjadi wajib maka pada ketika itu tidak lagi diwajibkan untuk mendapatkan keizinan daripada suami. Hukum ini adalah berdasarkan kaedah mengelak mudarat

yang lebih besar dengan melakukan mudarat yang lebih kecil kesannya. Walaupun begitu, dalam persoalan perubatan menggunakan kaedah IVF dan IUI yang membabitkan pengambilan air mani suami maka diperlukan izin kedua-dua suami isteri.

Pengutipan ovum (ovum pick-up)

Pengutipan ovum (OPU) adalah kaedah pengambilan telur dari pesakit wanita melalui faraj dan dilakukan menggunakan kawalan imbasan ultrabunyi, Prosedur ini menggunakan sejenis jarum halus yang tertentu dan boleh dilakukan di dalam keadaan pesakit sedar sepenuhnya dengan pemberian suntikan ubat pelali di bahagian spesifik pada faraj. Kadangkala ubat bius ringan dan ubat penahan sakit diberikan. Terdapat juga pesakit yang diberikan bius sepenuhnya semasa proses ini berjalan bergantung kepada keadaan pesakit semasa prosedur hendak dijalankan.

Semasa prosedur dijalankan, cecair dari folikel akan disedut dan disalurkan ke dalam tabung uji dan seterusnya segera diserahkan untuk pemeriksaan oleh ahli embriologi. Ovum-ovum tersebut kemudiannya diletakkan ke dalam piring makmal yang mempunyai media kultur sebelum disimpan di dalam peti inkubator yang ditetapkan pada suhu badan.



Prosedur pengumpulan ovum (OPU)



Prosedur pengutipan ovum (OPU)

Soalan 1

Selepas melalui prosedur imbasan ultrabunyi semasa prosedur pengumpulan ovum, adakah pesakit perlu mandi wajib?

Prosedur memasukkan alat ke dalam faraj wanita sepertimana yang berlaku semasa prosedur imbasan ultrabunyi adalah tidak mewajibkan mandi dan wudhu'. Ini disebabkan kemasukan itu walaupun dalam sesetengah prosedur hampir menyerupai perbuatan atau keadaan yang mewajibkan mandi tetapi ia hanyalah sekadar proses perubatan. Perkara ini adalah disebabkan ia tidak menepati faktor-faktor yang mewajibkan mandi wajib menurut syarak sepertimana difahami daripada hadith berikut. Daripada Ummu Salamah (RA) berkata bahawa Ummu Sulaim berkata kepada Nabi:

Wahai Rasulullah sesungguhnya Allah tidak malu daripada menyatakan kebenaran, adakah wajib mandi (mandi junub) bagi wanita yang bermimpi?

Rasulullah menjawab:

نعم, إذا رأت الماء

Maksudnya:

Ya, sekiranya dia nampak air (air mani)
(al-Bukhari, Kitab al-Ilmi, Bab al-Haya' Fi al-Ilmi, Hadith no: 228-229)

Hadis ini menjadi dalil bahawa wajib mandi (mandi junub) apabila mimpi yang disertai dengan keluarnya air mani beserta syahwat, dengan syarat mani itu dapat dilihat. Walaupun begitu, ovum yang dikeluarkan daripada rahim pesakit itu bukanlah merupakan mani yang disebutkan dalam hadith di atas. Ini disebabkan, bagi seorang wanita normal, ovum hanya keluar daripada rahimnya sebulan sekali berbanding air mani yang boleh keluar berkali-kali dalam sebulan untuk lelaki. Selain daripada itu, jumhur ulama telah bersepakat bahawa sebarang alat yang bertujuan untuk perubatan yang dimasukkan ke dalam faraj wanita tidak membawa kepada terbatalnya wudhu.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya prosedur ini menyebabkan wanita tersebut terangsang sehingga terkeluar sesuatu yang dinamakan sebagai mani dalam istilah fuqaha', maka wanita ini perlu mandi wajib. Berkenaan keadaan ini, jumhur ulama berpegang bahawa keluar mani yang menyebabkan mandi adalah apabila ia keluar beserta dengan berlaku gelojak syahwat. Jika sebaliknya, iaitu tiada gelojak syahwat, maka seseorang itu hanya perlu berwudhu' sahaja.

Berhubung dengan terkeluarnya air mani, ia tidak semestinya keluar sehingga melepasi bahagian luar faraj tetapi cukup dengan merasakan telah terkeluar sesuatu sehingga sampai ke bahagian yang perlu dicuci ketika ber*istinja'* atau cucian setelah selesai buang air kecil. Perkara ini berdasarkan hukum mandi wajib dalam Mazhab Shafii yang antara lainnya diwajibkan apabila keluarnya air mani walaupun dalam keadaan tiada rasa ghairah.

Soalan 2

Adakah pesakit boleh menjalankan ibadah sembahyang dan berpuasa seperti biasa jika terdapat pendarahan selepas melalui prosedur rawatan ini?

Sekiranya dapat dipastikan bahawa darah yang keluar tersebut bukan darah haid maka pesakit tersebut boleh menunaikan solat dan juga berpuasa kerana ia dikira sebagai darah *istihadhah*. Kedua-dua perkara ini dibenarkan untuk dilakukan disebabkan ia tidak termasuk dalam kategori *hadath* yang menghalang sahnya solat dan puasa seseorang. Walaupun begitu, bagi pelaksanaan solat, pesakit tersebut perlu memastikan darah tersebut dibersihkan terlebih dahulu dengan membasuh kemaluannya dan diikuti dengan memakai sesuatu alas atau penutup yang bersih agar ia tidak mengalir keluar ketika solat. Seterusnya beliau perlu bersegera mengambil wudhu' setelah masuk waktu solat fardhu yang berkenaan serta bersegera solat selepas sempurna wudhu'. Tindakan mengambil wudhu' sebelum waktu solat atau melambatkan solat selepas mengambil wudhu' tanpa alasan yang munasabah menurut syarak boleh memberi implikasi tidak sah solat tersebut disebabkan ia merupakan hukum khusus disebabkan *dharurat*. Perkara ini perlu dilakukan untuk setiap solat fardhu yang ingin didirikan ketika darah itu masih berterusan keluar. Manakala bagi amalan-amalan sunat

yang memerlukan kepada pengambilan wudhu' seperti menyentuh al-Quran, solat sunat dan sebagainya, dibenarkan dengan wudhu' yang diambil untuk sesuatu solat fardhu selagi mana belum terbatal.

Soalan 3

Adakah OPU boleh dilakukan ketika pesakit berpuasa atau di dalam bulan Ramadhan?

Adalah diharuskan untuk melakukannya pada bulan Ramadhan. Ini adalah disebabkan prosedur ini tidak membawa kepada terbatalnya puasa berdasarkan fatwa-fatwa kontemporari yang dikeluarkan oleh beberapa pihak berautoriti seperti Majma' al-Fiqh al-Islami ke 10 dan Nadwah Ru'yah al-Islamiah li Ba'di al-Mushkilat al-Tibbiyah al-Mu'asirah. Menurut fatwa-fatwa ini prosedur ini termasuk dalam perkara yang tidak membatalkan puasa. Perkara-perkara yang membatalkan puasa sepertimana disebutkan dalam Nadwah Ru'yah al-Islamiah li Ba'di al-Mushkilat al-Tibbiyah al-Mu'asirah adalah tiga perkara iaitu makan, minum dan bersetubuh. Begitu juga setiap sesuatu yang menjangkau halqum yang menepati maksud makan dan minum dikira termasuk dalam perkara yang membatalkan puasa. Walaupun begitu, bagi mereka yang tidak terdesak seperti di atas maka disarankan menjalankan prosedur tersebut pada masa lain selain bulan Ramadhan.

Soalan 4

Adakah boleh seorang doktor yang Islam menjalankan prosedur ini ke atas pesakit bukan Islam di dalam bulan Ramadhan?


Tidak menjadi satu kesalahan bagi seorang doktor muslim untuk melakukan rawatan kepada pesakit bukan muslim pada bulan

puasa disebabkan mereka tidak mukallaf atau tidak tertakluk kepada hukum-hakam yang berkaitan dengan seorang muslim secara khusus. Malahan ia juga harus dilakukan kepada pesakit Islam sepertimana dijelaskan pada Soalan 3. Oleh itu kepada pesakit bukan Islam juga bukanlah suatu kesalahan bagi seorang doktor Islam untuk melakukannya pada bulan Ramadhan.


Pengumpulan Sperma (Seminal Fluid Analysis)

Ketidaksuburan mungkin juga berpunca daripada suami. Oleh itu, beberapa ujian boleh dilakukan iaitu ujian darah serta pemeriksaan imbasan ultrabunyi testis dan prostat. Setelah ujian-ujian tersebut dilakukan (jika perlu), pengumpulan sperma pula akan dilakukan. Umumnya, hasil sampel diperolehi secara masturbasi (onani) yang dilakukan oleh suami atau dibantu oleh isteri. Terdapat juga pusat-pusat rawatan infertiliti yang membenarkan pasangan melakukan hubungan seksual untuk memperolehi sampel ini dengan melakukan azal atau *coitus interruptus*. Terdapat juga suami yang memilih menggunakan bahagian anggota isterinya selain bahagian dubur untuk membantu beliau mengeluarkan air maninya.

Kesemua sampel sperma tersebut hendaklah dikumpulkan di dalam bekas bermulut besar yang bersih atau steril. Pasangan dinasihatkan untuk tidak melakukan hubungan seksual atau masturbasi dalam tempoh 2 hingga 5 hari sebelum proses pengumpulan ini dibuat. Sampel hendaklah sampai ke makmal tidak melebihi tempoh 1 jam selepas ianya dikeluarkan.



Bekas bermulut besar untuk pengumpulan sampel sperma



Rupabentuk sperma yang hanya dapat dilihat dibawah alat mikroskop

Soalan 1

Apakah hukum melakukan onani untuk mendapatkan air mani bagi tujuan menjalani rawatan kesuburan?

Hukum onani atau mengeluarkan air mani dengan tangan sendiri merupakan perkara yang diperselisihkan oleh para ulama. Secara umumnya terdapat tiga pandangan berkenaannya iaitu; pertama ianya haram. Ini merupakan pendapat kebanyakan ulama, antaranya di kalangan ulama seperti Ibnu Abbas, Ibnu Umar, Anas, Ali Ibn Abi Talib, di kalangan tabiin seperti Said Ibn Jubair, dan Ata', di kalangan ulama pula ialah ulama-ulama dalam mazhab Maliki, Shafii, pendapat terkuat dalam mazhab Hanbali dan juga Ibn Taimiyah. Pendapat kedua menyatakan bahawa ianya makruh mengikut pendapat mazhab Zohiriyah. Seterusnya, pendapat ketiga mengikut pendapat sebilangan ulama seperti

Qatadah, al-Hasan, Amru Ibn Dinar, Ziyad Abu al-Ala' dan Mujahid ianya adalah harus. Akhir sekali, onani yang dilakukan menggunakan tangan isteri pula adalah harus berdasarkan ijma' ulama.

Berhubung perkara di atas, bagi mereka yang berpegang dengan pendapat yang menyatakan bahawa melakukan dengan tangan sendiri adalah haram, ia hanya boleh dilakukan dalam situasi dharurat. Dalam kes ini, seorang lelaki itu hanya diharuskan melakukannya apabila mendapat nasihat doktor untuk melakukannya. Pandangan ini, yang mengharuskan onani apabila dalam keadaan dharurat adalah berdasarkan kaedah fiqh bahawa kemudharatan itu membolehkan apa yang terlarang. Walaupun begitu, sekiranya beliau tidak bersedia melakukannya dengan tangan sendiri maka boleh menggunakan khidmat isteri untuk melakukannya.

Soalan 2

Adakah perlu seorang saksi hadir semasa prosedur ujian air mani dilakukan?

Kehadiran seorang saksi semasa prosedur ujian air mani bukanlah suatu kewajiban tetapi ia suatu yang perlu bagi mengelakkan kesilapan atau penyelewengan. Oleh itu, dalam keadaan ketiadaan saksi, doktor perlu memastikan air mani itu merupakan milik suami yang sebenar. Ia selari dengan keputusan Majma' al-Fiqhi al-Islami pada 1986 yang menuntut agar proses dilakukan dengan cermat bagi mengelakkan pertukaran sampel atau penipuan daripada pihak yang berkenaan. ~~Akan tetapi ada pakar agama yang mencadangkan agar disediakan bersama saksi ketika proses ini dilakukan agar menghindar keraguan.~~

Soalan 3

Apakah hukum menggunakan bahan pornografi untuk merangsang pengeluaran sampel air mani?

Melihat sesuatu yang berunsur pornografi bagi merangsang pengeluaran air mani adalah dilarang berdasarkan pelbagai nas. Antaranya firman Allah:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَعْضُوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَزْكَى لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ

Maksudnya:

Katakanlah kepada lelaki-lelaki yang beriman: Hendaklah mereka menahan pandangannya dan memelihara kemaluannya; yang demikian itu adalah lebih suci bagi mereka, sesungguhnya Allah maha mengetahui apa yang mereka perbuat.

(al-Quran; Surah al-Nur: 30)

Antara hadith berkaitan jawapan Rasulullah terhadap persoalan seorang sahabat yang bertanya kepada nabi berkenaan hukum beliau terpendang wanita yang berjalan di hadapannya. Hadith berkenaan adalah:

عن جرير بن عبد الله قال سألت رسول الله صلى الله عليه وسلم عن نظر الفجاءة فأمرني أن أصرف بصر

Maksudnya: Daripada Jarir Bin Abdullah berkata:

Aku telah bertanya Rasulullah saw berkenaan pandangan (terhadap wanita) secara tidak sengaja”. Lalu Nabi menjawab: “Sila alihkan pandangan kamu!

(Sahih Bukhari, Kitab al-Adab, Hadith No 2159)

Nas-nas di atas menjelaskan hukum larangan pandang-memandang antara lelaki dan perempuan *ajnabi* iaitu bukan muhram. Oleh itu hukum melihat gambar atau filem porno yang mempersembahkan keadaan lelaki dan perempuan yang tidak berpakaian adalah haram secara *qat'ie* atau tidak boleh disangkal. Ini adalah disebabkan ia boleh membawa kepada keburukan yang lebih besar seperti *fahsyah* iaitu jenayah seksual dan sebagainya. Majlis al-Islami li al-Ifta' Bait al-Maqdis pula menjelaskan bahawa terdedahnya seseorang lelaki terhadap perkara-perkara porno ini boleh merosakkan akalnya sehingga sentiasa mengkhayalkan wanita lain selain isterinya sehingga membawa kepada banyak kerosakan lain.

Soalan 4

Apakah hukum jika pengeluaran sampel air mani secara onani dilakukan pada bulan puasa?

Hukumnya adalah harus dilakukan pada siang hari bulan Ramadhan sekiranya ia dilakukan atas nasihat doktor. Walaupun begitu, perbuatan ini akan menyebabkan terbatalnya puasa seseorang sekiranya dilakukan pada siang hari di bulan Ramadhan mengikut pendapat jumah atau majoriti ulama. Manakala sebagai gantinya seseorang itu hanya perlu qadha sahaja tanpa dikenakan kaffarah (puasa dua bulan berturut-turut) menurut mazhab Shafii, Hanafi dan sebahagian daripada mazhab Hanbali.

Soalan 5

Adakah pendermaan sperma dibenarkan di dalam Islam?

Muzakarah Fatwa kebangsaan yang bersidang pada tahun 1982 telah mengeluarkan fatwa haram pemindahan sperma daripada mereka yang tiada ikatan perkahwinan yang sah termasuk

pendermaan sperma sepertimana telah dijelaskan di dalam Bab 1. Ia diharamkan dalam Islam kerana ia boleh menyebabkan kerosakan kepada nasab dan keturunan manusia. Pemeliharaan nasab dan keturunan manusia ini merupakan salah satu daripada lima perkara asas atau dharuriyat yang dituntut dipelihara oleh Islam.

Soalan 6

Apakah hukum sekiranya pengeluaran sampel dilakukan di dalam tandas?

Melakukan onani di dalam tandas bagi mendapatkan sampel yang berkenaan adalah dibenarkan dan tidak termasuk dalam perbuatan yang diharamkan syarak. Bahkan terdapat fatwa yang dikeluarkan dalam fatwa Islam web mengharuskan perbuatan yang lebih besar daripada onani iaitu bersetubuh antara suami dan isteri di dalam tandas. Fatwa ini menegaskan ianya adalah suatu yang bercanggah dengan adab yang sepatutnya. Oleh kerana itu sekiranya bersetubuh dikira harus maka beronani untuk mendapatkan sampel ini juga tidaklah jatuh ke peringkat hukum haram. Walaupun begitu, adalah tidak digalakkan melakukannya di tandas disebabkan ia merupakan tempat yang kotor malahan disebutkan dalam hadith ia sebagai tempat yang didiami para jin. Malahan terdapat doa khusus yang diajarkan dalam Islam apabila memasuki tandas.

Antaranya disunatkan (mustahab) untuk membaca **بِسْمِ اللَّهِ** (sebelum memasuki tandas berdasarkan Hadith Rasulullah seperti berikut:

ستر ما بين أعين الجن وعورات بني آدم إذ دخل أحدهم الخلاء أن يقول بسم الله

Maksudnya:

Penutup antara mata jin dengan aurat manusia adalah dengan membaca ^{الله} ^{بسم} apabila memasuki tandas.

(Sunan al-Tirmidzi, Bab al-Safar, Hadith ke 606)

Seterusnya terdapat dalil yang menunjukkan disunatkan membaca doa yang memberi maksud memohon perlindungan Allah daripada gangguan daripada jin di dalam tandas. Dalil tersebut adalah


عن عبد العزيز بن صهيب قال سمعت أنسا يقول كان النبي صلى الله عليه وسلم إذا دخل الخلاء قال اللهم إني أعوذ بك من الخبث والخبائث

Maksudnya: Daripada Abdul Aziz Ibn Suhaib, berkata:

Aku mendengar Anas berkata bahawa adalah Nabi sekiranya ingin memasuki tandas maka baginda akan berdoa: “Ya Allah aku berlindung denganmu daripada khubus (syaitan jantan) dan khaba’is (syaitan betina)”

(Sahih al-Bukhari, Kitab al-Wudhu’, Hadith ke 142)

Sehubungan dengan perkara ini, ia adalah disarankan agar pusat rawatan kesuburan menyediakan bilik khas supaya proses ini dapat dilakukan di dalam sebuah bilik yang khusus. Di sesetengah pusat rawatan kesuburan ada disediakan bilik-bilik khas untuk tujuan ini.



Contoh bilik yang disediakan oleh pusat kesuburan UIAM Kuantan untuk proses pengambilan sampel air mani

Soalan 7

Apakah hukum jika pesakit menggunakan sampel air mani orang lain selain dari suami?

Muzakarah Fatwa kebangsaan yang bersidang pada tahun 1982 telah mengeluarkan fatwa haram pemindahan sperma atau sebarang proses rawatan IVF daripada mereka yang tiada ikatan perkahwinan yang sah sepertimana telah dijelaskan dalam Bab 1.

Soalan 8

Apakah hukum sekiranya ahli embriologi dengan tidak sengaja tertukar label pada bekas air mani yang dikumpul.

Sekiranya ia bukan kesilapan yang disengajakan maka ahli embriologi tersebut adalah tidak berdosa tetapi perlu dikenakan ganti rugi sebagai denda di atas kesilapan ini. Walaupun begitu, jika kesilapan itu adalah disengajakan maka ahli embriologi itu adalah berdosa dan dikenakan hukuman dalam bentuk pembayaran gantirugi (*dhaman*) kepada mangsa. Hukum ini adalah merujuk kepada fatwa berkenaan kesilapan doktor dalam rawatan sepertimana dijelaskan dalam fatwa bilangan 5852 dalam fatwa.islamweb.net. Selain itu, jika kesilapan yang tidak disengajakan itu dilakukan oleh bukan ahli embriologi, atau dalam erti kata lain bukan pakar yang berkenaan maka hukumnya adalah berdosa walaupun tidak sengaja dan turut dikenakan ganti rugi¹. Perkara ini berdasarkan hadith Rasulullah seperti berikut:

من تطبب ولم يعلم منه طب قبل ذلك فهو ضامن

Maksudnya:

Barangsiapa yang mengubat dalam keadaan dia tidak pernah mempelajari ilmu perubatan berkenaan sakit tersebut sebelum itu maka dia dikenakan denda.

(Sunan Ibnu Majah, Kitab al-Tibb, Hadith No 3466)

Oleh kerana itu, adalah dicadangkan agar proses ini dilakukan dan diawasi oleh mereka yang benar-benar pakar dalam bidang ini bagi mengelakkan sebarang kesilapan.

Soalan 9

Apakah hukum jika sampel diambil di rumah dan doktor atau ahli embriologi was-was sampel sperma adalah milik suami pesakit?

Dari segi prosedur rawatan kesuburan, sampel air mani boleh dikumpul di rumah jika ianya berdekatan pusat rawatan. Ini adalah kerana sampel perlu diproses selewat-lewatnya sejam selepas dikumpulkan. Mengikut syarak pula, pengambilan sampel di rumah adalah diharuskan. Walaupun begitu doktor perlu memastikan ia merupakan milik suami yang sebenar. Ia selari dengan keputusan Majma' al-Fiqhi al-Islami pada 1986 yang menuntut agar proses dilakukan dengan cermat bagi mengelakkan pertukaran sampel atau penipuan daripada pihak yang berkenaan. Sekiranya didapati bahawa terdapat petunjuk yang menunjukkan berlaku pertukaran sample ketika di awal proses maka doktor atau individu yang terlibat dalam proses itu boleh dikenakan denda sekiranya terbukti ia dilakukan dengan sengaja. Perkara ini telah diputuskan dalam Majlis Majma' al-Fiqh al-Islami al-Dauli iaitu Majlis Himpunan Fiqh al-Islami Sedunia pada tahun 2004 bahawa terdapat peruntukan untuk dikenakan denda kepada para doktor yang melakukan kesalahan dalam proses perubatan dengan syarat-syarat yang berkenaan. Antaranya disebabkan sengaja melakukan kesalahan yang

membawa kepada kemudaratan atau sekiranya melakukan kesilapan atau kecuaiian yang tidak sepatutnya dilakukan dalam bidang kepakaran beliau. (al-Salus, 2010) Berhubung perkara ini, ada juga pakar agama yang mencadangkan agar proses ini dilakukan di hospital atau di pusat rawatan itu sahaja untuk mengelakkan syak.

Pencantuman ovum dan sperma dalam rawatan Bayi Tabung Uji (IVF)

Secara ringkasnya rawatan bayi tabung uji melibatkan proses rangsangan ovum menggunakan ubat-ubat subur yang tertentu bergantung kepada jenis rawatan atau protokol yang dipilih oleh doktor yang merawat. Ubat-ubatan ini ada yang diambil secara oral tetapi lazimnya menerusi suntikan di bahagian perut untuk suatu tempoh yang tertentu iaitu sekitar 7 hingga 10 hari berturut-turut. Adakalanya masa pengambilan suntikan ini menjadi lebih panjang jika rangsangan yang diberikan tidak memberikan hasil yang sepatutnya.

Proses rangsangan ovum ini memerlukan pemerhatian dan pemeriksaan ujian imbasan ultrabunyi menerusi vagina atau TVS. Proses ini lebih dikenali sebagai *follicular tracking*. Saiz dan bilangan ovum yang membesar akan diukur dari masa ke semasa sehingga ia mencapai saiz sekitar 17 hingga 18mm. Lazimnya pesakit akan menjalani ujian TVS ini 2 hingga 3 kali sebelum ovum menjadi matang. Hasil dari pemerhatian ini, pakar perubatan dapat menganggarkan masa yang terbaik untuk menjalankan pengutipan ovum untuk proses yang seterusnya iaitu pencantuman ovum dan sperma. Proses pengutipan ovum ini telah diterangkan di mukasurat 39.

Semasa proses pencantuman ovum dan sperma untuk proses bayi tabung uji (IVF), sperma yang telah dikumpul dari

pesakit lelaki akan dimasukkan ke dalam piring makmal di mana ovum-ovum yang telah dikutip disimpan. Proses ini dilakukan di dalam makmal oleh ahli embriologi.

Soalan 1

Adakah perlu media yang digunakan semasa proses persenyawaan embrio adalah dari bahan halal?

Media tersebut mestilah suatu yang halal berdasarkan hadith Rasulullah yang berbunyi:

ان الله أنزل الداء وجعل لكل داء دواء فتداؤوا , ولا تتداؤوا بالحرام

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah menurunkan penyakit, dan menjadikan bagi setiap penyakit ada ubatnya, maka berubatlah. Tetapi jangan berubat dengan benda yang haram.

(Nail al-Autar, Bab al-Tib, Hadith ke 3770)

Walaupun begitu, dalam keadaan tiada alternatif lain maka diberikan keharusan menggunakan media kultur yang bersumberkan bahan tidak halal berdasarkan kaedah-kaedah syarak yang tertentu. Keharusan ini meliputi ubat-ubatan yang berkaitan makanan dan penggunaan luaran seperti sapuan pada bahagian luka untuk tujuan kebersihan dan mengelakkan serangan kuman. Berikut merupakan kaedah-kaedah syarak yang berkenaan:

رفع الحرج ودفع المشقة

Menghilangkan kesulitan dan menolak kesusahan.

دفع الضرر بقدره

Menolak kemudharatan berdasarkan kadar kemudharatan tersebut.

الضرورات تبيح المحظورات

Kemudharatan mengharuskan perkara yang dilarang (syarak).

ارتكاب أخف الضررين لدرء أعلاهما مشروعا

Melakukan suatu yang mendatangkan mudarat yang lebih kecil antara dua mudarat.

Di samping itu, fatwa-fatwa berkaitan perkara ini telah meletakkan syarat-syarat tertentu dalam menghadapi situasi ini, antaranya ialah mudarat itu adalah suatu yang pasti atau sangkaan yang kuat berdasarkan pengalaman atau pengetahuan terhadap masalah tersebut. Dalam hal ini, Majma' al-Fiqh al-Islami kali ke 16 meletakkan syarat bahawa keharusan itu adalah tertakluk kepada penggunaan ubat itu dicadangkan oleh doktor yang bersifat adil. Oleh itu, dalam situasi tiada alternatif lain, seseorang yang tiada masalah kesuburan adalah tidak harus melakukan prosedur ini disebabkan ianya tidak termasuk dalam lingkungan dharurat yang sepatutnya.

Sekiranya telah ditemui alternatif kepada media ini, maka hukum menggunakan media yang berasaskan sumber yang haram kembali tidak dibenarkan berdasarkan kaedah:

ما جاز لعذر يبطل بزواله

Maksudnya:

Suatu yang diharuskan disebabkan keuzuran (yang dibenarkan syarak), terbatal keharusan itu apabila keuzuran tersebut telah hilang.

Sebaik-baiknya, sebarang ubat-ubatan yang digunakan di Malaysia perlu mendapatkan mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Soalan 2

Bolehkah saya membuat pinjaman peribadi untuk menjalani rawatan bayi tabung uji yang memerlukan belanja yang besar. Layak kah saya memohon bantuan Baitulmal?

Pesakit boleh membuat pinjaman peribadi untuk menjalankan rawatan bayi tabung uji disebabkan pinjaman ini adalah bertujuan memenuhi keperluan pesakit itu sendiri. Ia adalah berdasarkan kepada hukum membuat pinjaman peribadi itu sendiri adalah harus bagi sesiapa yang memerlukan pinjaman.

Hukum ini boleh berubah kepada beberapa hukum mengikut tujuan pinjaman itu dilakukan. Antaranya, ia menjadi sunat sekiranya pinjaman itu boleh meringankan bebanan yang ditanggung dan dalam masa yang sama boleh membantunya untuk menjadi lebih baik dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Ia juga boleh menjadi wajib sekiranya pinjaman itu dapat membantu menyelamatkan diri dan keluarganya. Begitu juga ia boleh menjadi makruh sekiranya pinjaman itu bertujuan untuk melakukan perkara yang makruh dan boleh jadi haram sekiranya ia bertujuan untuk melakukan perkara haram. Walaupun begitu, pesakit perlulah memastikan bahawa pinjaman itu dilakukan menerusi institusi yang menepati syariah sepertimana banyak terdapat dalam negara kita hari ini.

Manakala kelayakan untuk mendapatkan bantuan Baitulmal pula perlu diusahakan oleh pihak pesakit sendiri disebabkan terdapat kriteria tertentu yang telah ditentukan oleh

pihak Baitulmal dalam penentuan kelayakan penerima bantuan. Kriteria ini pula berbeza mengikut setiap negeri di Malaysia disebabkan pentadbiran Baitulmal adalah di bawah kuasa negeri.

Soalan 3

Adakah pemilihan jantina ke atas bayi yang hendak dilahirkan dibenarkan oleh Islam?

Bio Ethic Commision of European Council dan International Population and Development Conference di Cairo telah menolak pemilihan jantina anak yang ingin dilahirkan. Ia juga selaras dengan firman Allah:

الله ملك السموات والأرض يخلق ما يشاء يهب لمن يشاء إناثا ويهب لمن يشاء الذكور أو يزوجهم ذكرانا وإناثا ويجعل من يشاء عقيما

Maksudnya:

Kepunyaan Allahlah kerajaan langit dan bumi, Dia menciptakan apa yang Dia kehendaki. Dia memberikan anak-anak perempuan kepada sesiapa yang Dia kehendaki dan memberikan anak-anak lelaki kepada sesiapa yang Dia kehendaki, Atau Dia menganugerahkan kedua jenis lelaki dan perempuan (kepada sesiapa yang Dia kehendakinya), dan Dia menjadikan mandul kepada sesiapa yang dikehendaki. Sesungguhnya Dia maha mengetahui lagi maha kuasa.

(al-Quran; al-Shuura: 49-50)


Walaupun begitu, terdapat kelonggaran atau pengecualian terhadap kes yang bertujuan mengelak daripada penyakit genetic berdasarkan fatwa yang dikeluarkan oleh negeri Selangor pada tahun 2006. Ianya mengariskan bahawa rawatan

kejuruteraan genetik ke atas pra-embrio yang melibatkan pengubahsuaian sifat semulajadi seperti rambut, warna rambut, kebijaksanaan, ketinggian dan sebagainya termasuk memilih jantina adalah haram. Bagaimanapun, pemilihan jantina diharuskan sekiranya faktor jantina menatijahkan suatu penyakit genetik yang serius yang boleh membawa kematian.

Pemindahan embrio ke dalam rahim

Embrio yang telah berjaya berkembang menjadi 2 hingga 8 sel akan dipilih untuk dipindahkan kedalam rahim wanita tersebut, biasanya pada hari kedua atau ketiga selepas pengutipan ovum (OPU) dilakukan. Proses pencantuman ovum dan sperma boleh menghasilkan lebih dari satu embrio. Selalunya hanya 2 atau 3 embrio akan dipindahkan ke dalam rahim pesakit wanita berkenaan. Embrio yang dipilih akan dipindahkan ke dalam rahim menggunakan kateter. Pakar perubatan lazimnya tidak akan memindahkan terlalu banyak embrio untuk mengelakkan risiko kehamilan berganda.

Baki embrio boleh disimpan melalui proses pembekuan embrio sebagai *frozen embryo* atau ianya dibuang. Embrio yang dibekukan boleh digunakan semula tanpa wanita berkenaan perlu melalui proses suntikan hormon ubat subur dan OPU semula.



Embrio yang telah berjaya berkembang

Pembekuan Embrio

Ovum wanita dan sperma yang telah disenyawakan di dalam makmal mungkin akan menghasilkan lebih dari satu embrio. Embrio ini yang akan diletakkan kembali ke dalam rahim pesakit wanita dan jika semuanya berada dalam keadaan yang baik akan menghasilkan bayi yang sihat. Akan tetapi, semasa proses persenyawaan embrio mungkin terdapat lebih dari satu embrio terhasil. Untuk menghindar dari berlakunya kehamilan berganda, pakar perubatan lazimnya menyarankan agar hanya satu atau dua embrio dipindahkan ke dalam rahim untuk mengelakkan risiko dari kehamilan berganda (multiple pregnancies).

Lebih embrio boleh digunakan seterusnya di masa-masa akan datang jika kehamilan tidak berlaku pada percubaan pertama atau untuk digunakan semasa kehamilan seterusnya.

Embrio ini boleh disimpan untuk tempoh beberapa tahun akan datang melalui proses pembekuan embrio. Kebaikan proses pembekuan embrio ini ialah ia dapat mengurangkan kesan, risiko dan kos rawatan semula bayi tabung uji.





Tempat simpanan embrio

Soalan 1

Apakah hukum membekukan lebih embrio?

Higher Council of Religious Affairs di Istanbul menyatakan bahawa pembekuan embrio dan sperma tidak menimbulkan masalah dari sudut syariah sekiranya embrio atau sperma yang dibekukan dikembalikan semula kepada pemiliknya dan digunakan oleh mereka yang ada ikatan perkahwinan yang sah. Walaupun begitu, sekiranya ia dibekukan untuk tujuan kegunaan selain daripada mereka yang di atas hukumnya adalah haram. Sebagai contohnya adalah haram dibekukan untuk diderma atau dijual kepada orang ketiga.

Soalan 2

Adakah perlu ada saksi semasa proses pembekuan dijalankan?

Keperluan kepada saksi semasa proses-proses yang boleh melibatkan pertukaran adalah merupakan perkara yang dituntut bagi mengelakkan sebarang kesilapan, pertukaran atau penyelewengan. Perkara ini diperkuatkan menerusi keputusan yang dikeluarkan oleh Majma' al-Fiqhi al-Islami pada daurah ke7 pada tahun 1404 hijrah yang memutuskan bahawa adalah dinasihatkan kepada mereka yang ingin memelihara agama mereka agar tidak melakukan proses ini melainkan ketika dalam keadaan keperluan yang bersangatan (dharurat) dengan memastikan ia berlaku dengan penuh teliti dan dapat dipastikan tidak berlaku percampuran sperma dan embrio.

Walaupun begitu, ketiadaan saksi dalam proses ini tidaklah menjadikan proses ini terbatal atau menjadi haram. Ini disebabkan keputusan Majma' al-Fiqhi al-Islami serta perbahasan para ulama berkenaan perkara ini adalah lebih kepada menuntut agar proses ini berlaku tanpa ada sebarang pertukaran sampel atau penipuan daripada pihak yang berkenaan. Sebagai contohnya Said al-Hajiri menyebutkan dalam analisis beliau terhadap pandangan ulama yang mengharuskan proses ini bahawa mereka telah meletakkan beberapa syarat di sebalik keharusan hukum ini. Antaranya ialah proses ini perlu dipastikan dilakukan dengan penuh teliti dan terkawal yang boleh mengelak daripada berlaku sebarang pertukaran sampel. Disebabkan itu beberapa ulama telah mencadangkan agar proses ini hanya boleh dilakukan oleh institusi perubatan milik kerajaan dengan diselia oleh beberapa orang doktor muslim yang adil. Sehubungan dengan perkara ini, sekiranya rawatan ini dilakukan di pusat rawatan yang kurang diyakini ketelusannya maka adalah dicadangkan agar pesakit atau waris boleh menjadi saksi kepada proses-proses yang terdedah kepada kecuai dan

penyelewengan, sebagai contohnya proses pembekuan, proses percantuman dan sebagainya.

Soalan 3

Apakah hukumnya sekiranya menggunakan embrio yang dibekukan untuk melahirkan anak pada masa akan datang?

Berdasarkan jawapan untuk soalan 1 di atas, hukumnya adalah dibenarkan. Perkara ini diperkuatkan dengan fatwa di Malaysia menegaskan bahawa sebarang proses rawatan IVF ini perlu dilakukan dalam ikatan perkahwinan yang sah dan adalah haram proses ini dilakukan sebelum ada ikatan perkahwinan dan juga selepas penceraian atau kematian suami.

Soalan 4

Apakah hukum menggunakan embrio dibekukan dan disimpan di dalam makmal yang dimiliki oleh orang bukan Islam?

Tidak menjadi masalah sekiranya pusat rawatan tersebut diyakini adil. Islam mengharuskan tindakan mendapatkan rawatan daripada pihak bukan Islam. Perkara ini boleh dilihat menerusi tindakan Rasulullah sendiri yang pernah menyuruh sahabat berubat dengan doktor bukan Islam yang bernama al-Harith Bin Kaldah pada zaman baginda. Menurut kisah tersebut adalah diharuskan untuk berubat dengan doktor bukan Muslim sekiranya doktor itu adalah pakar dalam bidangnya serta dipercayai oleh orang ramai. Walaupun begitu keharusan ini adalah ketika keadaan dharurat yang ditentukan berdasarkan kadar dharurat itu sendiri sepertimana

kaedah yang berbunyi:

الضرورة تقدر بقدرها

Maksudnya:

Dharurat itu dikira berdasarkan kadarnya yang sebenar.

Oleh itu, pada ketika umat Islam berupaya untuk menyediakan doktor yang mempunyai keupayaan sama seperti doktor tersebut atau lebih daripada itu maka hukum ini boleh berubah kepada tidak harus.

Soalan 5

Adakah boleh menggunakan embrio yang dibekukan setelah kematian salah seorang daripada pasangan suami isteri?

Hukumnya adalah haram menggunakan embrio yang dibekukan setelah kematian salah seorang daripada pasangan suami isteri untuk tujuan dikandung oleh orang ketiga atau oleh isteri yang telah kematian suami tersebut. Perkara ini selari dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Fatwa Kebangsaan 1982 yang menegaskan bahawa adalah haram proses ini dilakukan sebelum ada ikatan perkahwinan dan juga selepas penceraian atau berlaku kematian.

Berhubung perkara ini, dari sudut fiqh, pengharaman ini adalah kerana kematian itu menyebabkan ikatan perkahwinan tersebut terputus. Sebagai contohnya seorang perempuan yang kematian suami dan dalam masa yang sama beliau pernah menjalani proses awal IVF sebelum kematian suami sehingga peringkat menghasilkan embrio. Berhubung perkara ini, walaupun proses menghasilkan embrio tersebut dilakukan sebelum kematian suami dan pada ketika ini wanita itu masih dalam iddah,

penggunaan embrio tersebut untuk peringkat seterusnya dalam proses IVF sudah tidak boleh dijalankan. Ini adalah disebabkan, dalam konteks sebelum habis iddah, ia adalah seumpama wanita itu berada dalam iddah talak *ba'in* yang mana suami tidak boleh merujuk kembali. Manakala selepas iddah pula, ia mengambil hukum bahawa hubungan perkahwinan itu telah terputus dan harus bagi wanita itu berkahwin dengan orang lain.


Permanian beradas (Intra-Uterine Insemination/ IUI)

Satu lagi kaedah rawatan kesuburan yang popular dan ialah permanian berhadad atau *artificial insemination*. Ianya dilakukan apabila air mani suami yang telah diproses dan dibersihkan dimasukkan terus kedalam rahim isteri menggunakan saluran kateter tertentu pada waktu isteri sedang subur. Kaedah IUI ini memerlukan kedua-dua saluran peranakan *fallopian tubes* yang tidak tersumbat.

Prosedur ini bermula apabila isteri mengambil ubat subur secara oral atau melalui suntikan pada hari kedua haid wanita tersebut dan berlanjutan untuk beberapa hari. Pengambilan ubat subur adalah untuk merangsang pengeluaran ovum untuk proses rawatan dilakukan. Sehubungan dengan ini peluang untuk mendapat ovum yang matang menjadi lebih tinggi jika ubat subur yang digunakan adalah jenis suntikan hcG atau Gonodotrophin. Walaubagaimanapun risiko untuk mendapat kelahiran berganda seperti anak kembar juga bertambah dengan penggunaan suntikan ini.

Imbasan ultrabunyi melalui vagina atau *Trans Vagina Scan* akan dilakukan pada hari ke 10 atau 12 kitaran haid wanita tersebut. Jika terdapat ovum yang berukuran melebihi 17mm,


ovum tersebut telah dianggap matang dan boleh dipecahkan atau ditetas dengan memberi suntikan hcG pada wanita berkenaan. Permainian beradas hanya akan dilakukan kira-kira 34 hingga 36 jam selepas suntikan hcG tersebut diberikan.




Imej TVS menunjukkan terdapat ovum yang telah matang berukuran 20mm x 17 mm.

Selepas 34 hingga 36 jam ovum matang dipecahkan dengan suntikan hcG, pasangan akan diminta untuk datang semula ke klinik. Suami akan diminta mengeluarkan air mani yang kemudiannya diproses di makmal kesuburan atau andrologi menerusi beberapa keadah yang tertentu bergantung kepada pemerhatian ahli embriologi. Kebiasaannya proses penyediaan sperma ini mengambil masa kira-kira satu jam.

Sperma yang telah diproses akan dimasukkan terus ke dalam rahim wanita tersebut menggunakan sejenis kateter khas. Prosedur ini biasanya tidak menyakitkan dan selesai dalam tempoh 5 hingga 10 minit. Adakalanya ia memerlukan bantuan imbasan ultrabunyi untuk kes-kes yang sukar dan ini mungkin mengambil masa yang lebih lama.



Sperma yang telah diproses untuk dimasukkan kedalam rahim isteri.



Sperma yang siap diproses disedut kedalam kateter khas untuk proses pemindahan ke dalam rahim wanita yang akan menjalani pernian beradas



Contoh-contoh kateter yang digunakan semasa proses IUI dijalankan.

Setelah selesai, wanita tersebut dikehendaki berbaring untuk tempoh 10 hingga 20 minit sebelum dibenarkan pulang. Doktor akan menasihatkan pesakit untuk tidak melakukan hubungan kelamin selama 2 atau 3 hari selepas proses pemindahan sperma ke dalam rahim wanita . Ini akan meningkatkan lagi peluang untuk hamil. Namun begitu, wanita berkenaan masih boleh melakukan aktiviti-aktiviti hariannya yang biasa.

Kos rawatan IUI ini adalah jauh lebih murah berbanding rawatan kesuburan bayi tabung uji (IVF) namun peratus kejayaan kaedah rawatan ini adalah sekitar 10 hingga 15% sahaja. Kebanyakan hospital kerajaan di Malaysia ada menyediakan kemudahan ini.

Soalan 1

Adakah perlu mandi wajib selepas pernian beradas?

Prosedur pernian beradas ini yang memerlukan sperma dimasukkan ke dalam rahim isteri menggunakan alat tertentu tidak mewajibkan mandi. Ini disebabkan kemasukan itu walaupun menyerupai perbuatan atau keadaan yang mewajibkan mandi tetapi ia hanyalah sekadar proses perubatan dan tidak termasuk dalam perkara-perkara yang mewajibkan mandi sepertimana dibahaskan para fuqaha'. Berhubung perkara ini, terdapat perbahasan tentang hukum ini antara para fuqaha' yang berbeza pendapat berkenaan persoalan batal atau tidak wudhu' apabila keluarnya sesuatu daripada faraj wanita sahaja. Manakala dalam persoalan memasukkan sesuatu ke dalam faraj wanita untuk tujuan perubatan majoriti fuqaha bersetuju ia tidak membatalkan wudhu'. Kesimpulannya, pesakit tidak wajib mandi selepas melalui proses ini tetapi ia hanya memberi implikasi terbatalnya wudhu' sahaja.


Bagi suami sekiranya air mani itu dikeluarkan beserta dengan syahwat maka beliau perlu mandi wajib. Sebagai contohnya mengeluarkan air mani menerusi onani atau penggunaan alat yang merangsang syahwat beliau sehingga membawa kepada keluarnya air mani. Tetapi sekiranya air mani itu dikeluarkan dengan kaedah penggunaan teknologi atau peralatan yang tidak membabitkan rangsangan syahwat maka tidak perlu mandi wajib. Dalil kepada hukum ini adalah dalil yang sama dalam persoalan berkenaan prosedur ultrabunyi terhadap pesakit wanita sepertimana telah dikupas sebelum ini.

RUJUKAN

- Abdul Mudjib, H., (2004), *Kaidah-Kaidah Ilmu Fiqh, Cet. 5*, Jakarta: Penerbit Kalam Mulia.
- Abi Shaibah, Abdullah Ibn Muhammad Ibn, (1994), *Hadith al-Ahkam*, Mesir: Dar al-Fikri.
- Abu Faris, Muhammad Abdul Qadir, (2003), *Fatawa Shariyyah, Cet. 1, J. 2*, Amman, Jordan: Dar al-Furqan.
- Ahmad Salamah, Ziyad, (1998), *Atfal al-Anabib baina al-Ilmi wa al-Shariah, Cet. 2*, Beirut: al-Dar al-Arabiyah Li al-Ulum.
- Al-Qaradhawi, Yusuf (1987). *Hadyu al-Islam: Fatawa Mu'asarah. Cet. 3*, Kuwait: Dar al-Qalam.
- Al-Sharbaini, Shams al-Din Muhammad Ibn Muhammad al-Khatib, (1994), *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifath Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Hamzah, Muhammad Mahmud, (2008), *Ijarat al-Arham Bayn al-Tibb Wa al-Shari'ah al-Islamiyah, Cet. 1*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Kamarul Bahyah Mustafa, Ahmad Murad Zainuddin, Ghazali Ismail, Roszaman Ramli, Noraziana Abd. Wahab, Mokhtar Awang, Mohd Hashim Omar. The outcome of the seminal fluid parameter collected via coitus interruptus versus masturbation. *Med J Malaysia* 2010: Vol 65 (1), 23-26.
- Lutfi Ahmad, Ahmad Muhammad (2005), *al-Talqih al-Sina'I, Cet. 1*, Iskandariyah: Dar al-Fikri al-Jami'i.
- Marhaba, Ismail Ibn Ghazi, (2010), *al-Nawazil al-Tibbiyah*, Riyadh: Maktabah al-Macarif li al-Nash wa al-Tab'.
- Musa, M.M. (2007). An Islamic Perspective Of Assisted Reproductive Technologies. *Federation of Islamic Medical Associations*. Retrieved from <http://fimaweb.net>
- Said al-hajiri, Sarah Shafi, (2007), *al-Ahkam al-Muta'alliqah bi al-Uqmi wa al-Injab wa Man'I al-Himl, Cet. 1*, Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyah

Taha, Ahmad Mahmud, (1998), *al-Tib al-Islami*, Cet. 1, T.tp: Obekan.

Zaidan, Abd al-Karim, (2001), *al-Wajiz Fi Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyah Fi al-Shari'ah al-Islamiyah*, Cet. 1, Beirut: Mu'assasah al-Risalah.



Glosari

Rawatan Kesuburan:

Ovum: Ovum adalah telur yang dihasilkan oleh ovari wanita

Sperma: Benih lelaki yang dihasilkan oleh testis yang terdapat didalam kerandut zakar.

Vagina: Bahagian dalam kemaluan wanita

Fatwa:



LAMPIRAN B

TRANSKRIP FORUM PENYELIDIK

“DEVELOPING SHARIAH-COMPLIANT FERTILITY TREATMENT GUIDELINE FOR MUSLIM PATIENTS”

TARIKH : 7 NOVEMBER 2012

TEMPAT : BILIK SEMINAR PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANGSIDANG PERTAMA

(JAM 11.15 PAGI-1.00 PETANG)

NAMA	SOALAN DAN JAWAPAN	CATATAN
SOALAN FIQH IBADAH		
Moderator Soalan 1	Selepas prosedur scan melalui vagina, pesakit perlu mandi wajib untuk menjalani ibadah?	Analisa Data
Panel A	Secara, kita pergi secara ringkas je.	1. Jawapan:
Penyelidik 2	Scan tu kita nak tengok saiz <i>qualical</i> tu.Ok.Aaa...Kita akan baringkan dia atas katil.Lepas tu kita akan letak satu kain selimut la atas dia punya paha tu.Untuk lindungi dia dan aaa....Aaa...Apa ni. <i>Nurse</i> akan pakai <i>glove</i> dan masukkan aaa....masukkan tadi lah.Pakaicover.Lepas tu aaa..., <i>nurse</i> akan masukkan prop ni ke dalam vagina dia.	<ul style="list-style-type: none">- tidak mewajibkan mandi wajib kecuali berlaku rangsangan yang mengeluarkan mani dari prosedur scan melalui vagina.- Boleh dilakukan sewaktu haid jika perlu. 2. Hukum: Mengikut hukum Fekah mandi wajib tu diwajibkan:

Penyelidik 1	Dia lebih kurang macam ni.	<ul style="list-style-type: none"> - ke atas suami dan isteri apabila bertembungnya alat kelamin. Nabi sebut sebagai <i>iza iltaqa</i> dua benda itu. - andainya dia terangsang dan terkeluar air mani disebabkan prosedur scan melalui vagina. <p>3. Mesti dengan cara yang ditentukan oleh hukum syarak la. Jadi benda-benda macam apa yang kita bincang ni <i>ultrasound</i>. Ini semua dah termasuk dalam bab... Dah termasuk dalam bab <i>medication</i>, termasuk dalam bab rawatan yang... yang sebab benda ini memang hukum nak buat benda tu pun sebenarnya tak boleh tengok aurat. Semua tu memang tak boleh tapi sebab adanya keperluan di sana jadi para ulama' ada satu kaedah yang penting la. Yang dikata <i>al hajatu tanzilu manzilata aldhorurah</i> sebab kerana adanya keperluan untuk.. Jadi <i>al hajah tanzil manzilah aldhorurah</i> ni termasuk dalam rawatan la. Jadi sebab kerana adanya keperluan untuk rawatan, jadi benda tu bersifat hajat sebab dia tak bawa kepada kematian sebab kalau tak dapat anak, kita tak mati. Jadi, dia tak sampai ke tahap <i>dhorurat</i>. Kalau kita tak dapat anak.... Apa ada orang yang</p>
Panel A	Kita lebih nak tengok.	
Penyelidik 1	Sebab dia, organ dia di dalam.	
Panel A	Dia lihat kan?	
Penyelidik 1	Sebab telor dia kecil. Kalau kita buat kat atas, tak nampak. Jadi nak nampak. Sukat saiz dia yang besar. Jadi kena buat cara macam ni paling.....	
Panel B	Kita masuk scan begini cukup la.	
Penyelidik 1	Kadang-kadang dua tiga kali.	
Panel A	Jadi la?	
Penyelidik 1	Aaa...Kadang-kadang tak nampak.	
Panel A	Sakit ke? Saje saya nak tanya tu.	
Penyelidik 1	Aaa...Untuk yang yang....	
Panel A	Sakit ke?	
Penyelidik	Dia rasa tak selesa.	


1		<p>tak dapat anak, dia ambil anak angkat. Jadi kita kena faham dia tidak sama perkara <i>dhorurat</i>. Tapi sebab aaa... sebab ianya termasuk dalam kategori rawatan jadi dalam kategori rawatan ulama' mengambil kaedah saya cakap tadi la. Hajat itu mengambil hukum <i>dhorurat</i> maksudnya dia boleh buat benda yang hukum asal. Ni tak boleh la sebab tu Doktor dia boleh tengok aurat aaa.. Tengok aurat.... tengok aurat tapi dia tengok aurat itu semua pun dalam... dalam... dalam ruang yang berkaitan dengan dia sakit sahaja. Jadi dalam ruan yang berkaitan yang dia sakit sahaja. Maknanya kalau dia buat lebih daripada itu, aaa.. dalam Islam pun aaa... benda yang <i>dhorurat</i> itu mestilah ditentu... dilakukan berdasarkan kadarnya sahaja. Tak boleh lebih. Ok itu pun kita kena faham. Itu satu... Satu lagi <i>point</i> penting juga bila kita cerita bab rawatan ni juga ialah sebenarnya asalnya sebaik-baiknya la macam kalau boleh biarlah yang bukan berlainan jantina. Itu pun sesuatu yang dijelaskan dalam perbahasan ulama' la kalau boleh benda-benda yang macam isteri nak... nak bersalin paling baik tentulah yang nak sambut baby itu seorang wabita lah tapi mungkin keadaan-keadaan</p>
Panel A	Rasa tak selesa la.	
Penyelidik 1	Ada juga yang tak cukup. Langsung tak boleh buat. Tak boleh nak masuk pun ada. Terlalu takut sangat.	
Panel B	Dia telah bius maknanya tu. Dia tak sedar..	
Penyelidik 1	Sebab ini bukan, ini bukan pendarahan.	
Panel A	Jadi soalan dia. Pesakit perlu mandi wajib untuk beribadah atau tidak la kan?	
Moderator	Aaaa...	
Panel A	Makna kita bincang la kan. Saya bagi ikut observasi yang saya lihat la. Sebab kalau kita tengok aaa... apa yang saya faham dari segi Fekah, aaa... mandi wajib tu diwajibkan ke atas suami dan isteri apabila, apabila bertembungnya aaa... alat kelamin dan faraj lah. Bila bertembung alat kelamin dan faraj tu, baru mandi wajib. Jadi dalam konteks yang kita bincang ni, dia masukkan satu alat yang boleh aa..., bukannya alat rrr..... bukan alat kelamin la. Satu alat perubatan kan? Jadi, jadi pada yang saya lihat dia bukan masuk <i>hasyafah</i> dalam Bahasa Arab. Jadi dia, bagi saya dia	

	tidak perlu aaa... mandi.Tidak perlu mandi wajib la.Yang saya faham la.Kkk..Tak perlu mandi wajib.Jadi, yang saya tanya apa dia rasa tu macam mana tu sebabnya kenapa saya tanya sebab kalau misalnya dia masuk macam tu, mungkin dia andaian, dia naik syok sampai dia rasa terkeluar air mani dia.Yang tu kena la mandi wajib.Tu dah mesti kena mandi wajib.	<p>mungkin tak mengizinkan, kan...Jadi itu... itu asal ini lah kalau nak balik kepada hukum asal ianya macam tu.Jadi dia....dia, Islam ni memang dia bawa, dia cuba minimumkan lah, dia cuba mengurangkan lah benda-benda yang....yang bercanggah secara zahir dengan hukum lah kan.Haa....Dari segi tu lah.Tapi mungkin kaedah antara yang...yang terlibat ini yang tu lah.Asal ini adalah satu proses rawatan.Jadi itu yang saya rasa mungkin ustaz setuju lah makna benda ni wajar bila kita telah usaha dengan segala-gala yang...yang kalau macam tiba-tiba je nak terus ambil ni macam ni la kan, jadi saya memang terang-terang la saya cakap memang saya tak setuju la makna kena ikut kaedah yang diajar oleh Allah <i>Fa'tu hartsakum anna syi'tum</i>, Wahai suami hendaklah kamu mendatangi isteri kamu.Jadi zahir ayat ni yang kita faham ialah nak dapat anak itu mesti melalui proses aaa.... hubungan kelamin.Aaa... sebab Islam tengok hubungan kelamin tu bukan sahaja nak dapat anak tapi ada juga aspek-aspek penyatuan suami isteri.Hahaha (Ketawa) Jadi bukan...bukan setakat ni je nak tengok.Ok tu...</p>
Penyelidik 1	Saya tengok ada juga yang kadang-kadang, yang dia.Reaksi dia kita tahu.	
Panel A	Dia macam....	
Penyelidik 1	Dia macam suka.	
Panel B	Suka.Aaa..	
Penyelidik 1	Ada juga yang	
Panel A	Dia masukkan la.	
Penyelidik 1	Tak banyak.	
Panel A	Tapi kalau kita balik kepada hukum yang terang dalam Fiqh, kita memang nak jawab benda ni kita tengok kepada sebab-	

	<p>sebab kenapa mandi wajib la kan. Sebab mandi wajib itu adalah kerana aaa....Serupa la juga bagi saya...Serupa lah juga kalau macam wanita tu ada sebab-sebab tertentu dia masukkan jari contoh la. Tapi tak. Mandi wajib tu kerana bertembungnya dua alat lelaki dan wanita tu kan. Nabi sebut <i>iza iltaqa</i> dua benda tu, wajiblah mandi walaupun tak sampai kepada kemuncak lah dalam</p>
Penyelidik 1	<p>Tapi kadang-kadang ujian <i>ultrasound</i> ni dilakukan dalam keadaan haid.</p>
Panel A	<p>Tak da masalah lah kalau maksudnya dalam... dalam keadaan haid.</p>
Penyelidik 1	<p>Dari segi...Sebab dia kata dalam keadaan haid, tak boleh bersetubuh. Ini <i>you</i> masuk sesuatu pula dalam tu. Kadang-kadang dipersoal juga ada yang tanya kann...Jadi kalau masih ada haid, kena mandi sebab haid. Bukan sebab masukkan apa... <i>ultra sound</i>. Jadi sebab dia kena haid sebelum kita buat <i>check</i> ni, biasa hari ke-2, hari ke-6....</p>
Panel A	<p>Tapi sebagai <i>muqaddimah</i> saya perlu jelaskan juga tapi benda-benda yang kita duk cerita pada hari ni itu mestilah selepas aaa.. bagi saya lah, selepas segala usaha yang yang</p>

tidak ada pertikaian dikalangan para ulama'.Maksudnya kita mesti ikut hukum tuhan dulu lah.Nak dapat anak mestilah dengan cara aaa... persetubuhan.Mesti dengan cara yang ditentukan oleh hukum syarak la.Jadi benda-benda macam apa yang kita bincang ni *ultrasound*.Ini semua dah termasuk dalam bab...Dah termasuk dalam bab *medication*, termasuk dalam bab rawatan yang...yang sebab benda ini memang hukum nak buat benda tu pun sebenarnya tak boleh tengok aurat.Semua tu memang tak boleh tapi sebab adanya keperluan di sana jadi para ulama' ada satu kaedah yang penting la.Yang dikata *al hajatu tanzilu manzilata aldhorurah* sebab kerana adanya keperluan untuk.. Jadi *al hajah tanzil manzilah aldhorurah* ni termasuk dalam rawatan la.Jadi sebab kerana adanya keperluan untuk rawatan, jadi benda tu bersifat hajat sebab dia tak bawa kepada kematian sebab kalau tak dapat anak, kita tak mati.Jadi, dia tak sampai ke tahap *dhorurat*.Kalau kita tak dapat anak....Apa ada orang yang tak dapat anak, dia ambil anak angkat.Jadi kita kena faham dia tidak sama perkara *dhorurat*.Tapi sebab aaa... sebab ianya termasuk dalam

kategori rawatan jadi dalam kategori rawatan ulama' mengambil kaedah saya cakap tadi la.Hajat itu mengambil hukum *dhorurat* maksudnya dia boleh buat benda yang hukum asal.Ni tak boleh la sebab tu Doktor dia boleh tengok aurat aaa..Tengok aurat.... tengok aurat tapi dia tengok aurat itu semua pun dalam...dalam...dalam ruang yang berkaitan dengan dia sakit sahaja.Jadi dalam ruan yang berkaitan yang dia sakit sahaja.Maknanya kalau dia buat lebih daripada itu, aaa.. dalam Islam pun aaa... benda yang *dhorurat* itu mestilah ditentu...dilakukan berdasarkan kadarnya sahaja.Tak boleh lebih.Ok itu pun kita kena faham.Itu satu... Satu lagi *point* penting juga bila kita cerita bab rawatan ni juga ialah sebenarnya asalnya sebaik-baiknya la macam kalau boleh biarlah yang bukan berlainan jantina.Itu pun sesuatu yang dijelaskan dalam perbincangan ulama' la kalau boleh benda-benda yang macam isteri nak...nak bersalin paling baik tentulah yang nak sambut baby itu seorang wabita lah tapi mungkin keadaan-keadaan mungkin tak mengizinkan, kan...Jadi itu... itu asal ini lah kalau nak balik kepada hukum asal ianya macam tu.Jadi


	<p>dia....dia, Islam ni memang dia bawa, dia cuba minimumkan lah, dia cuba mengurangkan lah benda-benda yang....yang bercanggah secara zahir dengan hukum lah kan.Haa....Dari segi tu lah.Tapi mungkin kaedah antara yang...yang terlibat ini yang tu lah.Asal ini adalah satu proses rawatan.Jadi itu yang saya rasa mungkin ustaz setuju lah makna benda ni wajar bila kita telah usaha dengan segala-gala yang...yang kalau macam tiba-tiba je nak terus ambil ni macam ni la kan, jadi saya memang terang-terang la saya cakap memang saya tak setuju la makna kena ikut kaedah yang diajar oleh Allah <i>Fa'tu hartsakum anna syi'tum</i>, Wahai suami hendaklah kamu mendatangi isteri kamu.Jadi zahir ayat ni yang kita faham ialah nak dapat anak itu mesti melalui proses aaa.... hubungan kelamin.Aaa... sebab Islam tengok hubungan kelamin tu bukan sahaja nak dapat anak tapi ada juga aspek-aspek penyatuan suami isteri.Hahaha (Ketawa) Jadi bukan...bukan setakat ni je nak tengok.Ok tu...</p>	
Moderator	<p>Ustaz, maksud jawapan kat sini untuk jawapan nombor satu ni, tidak mewajibkan mandi wajib kecuali berlaku ransangan yang mengeluarkan mani.</p>	

Panel 1	Yang membawa kepada kemuncak keluar air mani dia lah.
Panel 2	Perempuan tu dia ada air mani juga?Yang doktor cakap tadi kan...Takut...takut kita teruskan kata benda tu harus sahaja, asalnya haram sebab...
Panel 1	Yang tu yang saya bawa kan....
Panel 2	Sebab ada keperluan rawatan tu, buat rawatan tapi kena berpada-pada.Macam soal-jawab dulu,
Panel 1	Ini la sangat teliti....
Panel 2	Makna kata.
Moderator	Asalnya haram.
Panel 1	Jadi kalau tanya saya patutnya ambil aaa...mknanya selain daripada ambil.Bagi saya la selain dah pergi doktor <i>check</i> kesuburan kalau boleh dalam...sebab sekarang ni Kementerian Kesihatan Malaysia pun dah iktiraf dah apa...Hahaha(Ketawa)Kan kita ada bahagian perubatan tradisional <i>and complimentary</i> .Jadi dalam <i>complimentary</i> pun ada petua-petu..petua perubatan Melayu yang berkait nak dapat anak ni jadi saya pikir la kalau orang jumpa saya.Cubalah dulu dengan cara-cara yang macam tu lah.Hahaha(Ketawa)Ni kira yang dah <i>last.Final result</i>

	<p>la.Kalau bagi pendirian saya memang mesti yang paling <i>final</i> sekali la.Kalau benda-benda yang berkait dengan nak keluar air mana apa tuh, benda-benda yang sangat boleh menimbulkan banyak pertanyaan kan.Penyataan, kesilapan manusia ni semua benda yang sangat...sangat bahaya sebenarnya dalam Islam.Dalam Islam menitik-beratkan apa lima objektif utama ni salah satu <i>hifz nasli</i> itu lah.Nak jaga dia punya keturunan lah kan.Jadi pendek kata, kata lah kalau seolah bagi saya tak pe lah tak dapat anak pun lah kan.Redha, kita cari jalan.Ya lah kan.Tak semua orang boleh nak... nak.Sebab dah dianggap sebagai satu penyakit la kan.Makna benda ni untuk dapatkan rawatan lah kan.</p>
Moderator	Ustaz nak tambah?
Panel 2	Aaaa...Ok.
Panel 1	<p>Tapi saya ingat kaedah tu mungkin kita boleh dokong lah kan.Yang tadi la <i>alhajah tanzilu manzilata aldhorurah</i>.Lepas tu apa, apa <i>aldhorurah tuqaddar biqadariha</i> lah kan.Maknanya dalam proses ni kalau boleh untuk yang aurat dan itu semua, memang benda-benda yang sangat pokok dalam dalam Islam.Tak boleh buka.Dan baju</p>

	dan sebagainya berkaitan kena ambil kira sebenarnya. Itu saya nampak la. Wallahu a'lam.	
Moderator Soalan 2	Apakah hukum <i>scan</i> melalui vagina? Proses yang sama tadi pada bulan puasa. Bagi seorang wanita yang wajib puasa. Yang tidak haid contohnya.	
Panel 1	Yang tadi dia buat masa haid. Ada.	<p>1. Lagi satu ustaz, yang tadinya pun kena kena pegang juga dengan kaedah <i>aldhoror yuzalu</i>. Yang mana dalam Islam ni benda yang kita buat tu tak boleh la mendatangkan <i>mudhorat</i> kepada ni lah, kepada wanita melalui proses tu lah kan. Ia lah. Itu mungkin secara umum lah kan. Apa sahaja rawatan tak boleh la bawa <i>mudhorat</i> kepada diri pesakit. Oooh. Dia makna buat masa datang lebih baik la. Masa datang</p>
Pakar	Yang masa haid tu kita nak tengok hari ke dua.	
Panel 1	Dok, maksudnya ada keperluan perubatan?	
Pakar	Ada	
Panel 1	Diutamakan buat macam tu ke?	
Pakar	Kita nak tengok perkembangan <i>qualical</i> dia tu.	
Panel 1	Jadi terpaksa buat ketika...	
Pakar	Ia samada kita nak tambah druh sehingga	
Moderator	Hari ke dua hari....	
Panel 1	Lagi satu ustaz, yang tadinya pun kena kena pegang juga dengan kaedah <i>aldhoror yuzalu</i> . Yang mana dalam Islam ni benda yang kita buat tu tak boleh la mendatangkan <i>mudhorat</i> kepada ni lah, kepada wanita melalui proses tu lah kan. Ia lah. Itu mungkin secara umum lah kan. Apa sahaja rawatan tak boleh la bawa <i>mudhorat</i> kepada diri pesakit. Oooh. Dia	

	makna buat masa datang lebih baik la.Masa datang
Pakar	Masa kita period tu, hari yang ke dua <i>patient</i> datang untuk <i>scan</i> , sebab nak tengok kita panggil <i>entro follical</i> .Berapa banyak bilang follical yang <i>possible</i> boleh dapat?Kalau dia ada satu, dua, so bilangan follical tu kita boleh agak.Boleh berjaya tak dalam proses tu.Jadi, penting benda-benda tu.
Moderator	Lepas tu, masa yang tak haid pun ada tengok?Ada masuk juga?
Pakar	Masa tak haid la.Ia selepas hari ke dua tu, dia <i>period</i> .Jadi dia akan <i>start scanning then</i> dia mungkin habis <i>period</i> awal.Mesti kena <i>going on</i> sekali.Dalam bulan puasa, masa dia ambil, dia nak <i>start</i> , dia mesti kena datang untuk <i>scan</i> .
Moderator	Macam mana?Kalau saya ingat soalan ni mungkin aaa...Adakah benda membatalkan puasa?Mungkin macam tu soalan.
Pakar	Dengan memasukkan...
Moderator	Dengan memasukkan <i>frobe</i> tu.
Panel 1	Tak pe.Satu tak tahu komen Ustaz Tirmizi punya tapi bagi saya, bagi saya aaa..Ya,kalau kita tengok benda-benda yang boleh membatalkan puasa ni bukan sahaja kalau dalam

	<p>Mazhab Syafie bukan sahaja makan, bukan sahaja minum tetapi memasukkan juga aaa... sesuatu objek ke dalam sesuatu yang bersifat rongga. Jadi bila kita rongga ni kalau dalam Fiqh, rongga ni termasuklah kalau ikut dalam bahasa Fiqah dia kata dubur dan qubul. Maksudnya termasuk yang belakang dan depan tu dianggap sebagai pintu terbuka dalam diri kita. Dianggap sebagai pintu terbuka jadi memang kalau dari segi, kalau dalam Mazhab Syafie memang dia tak boleh. Contohnya bila kita sengaja masukkan air dalam telinga boleh batal puasa lah. Kita sengaja menghirup air melalui hidung sampai masuk ke dalam perut, itu batal puasa. Aaa.. Ok, jadi saya fikir pada pandangan saya aaa.. Kalau dalam bulan puasa, kita buat benda lepas kita dah. Kita buat, jangan bulan dalam bulan.</p>	
Pakar	<p>Kalau boleh jangan bulan puasa la..</p>	
Panel 1	<p>Kita jangan buat dalam masa puasa lah sebab kita nak elakkan <i>ikhtilaf ulama'</i>. Sebab contohnya kalau macam setengah para ulama', macam Ibnu Taimiyah la contoh. Saya bawa contoh macam Ibnu Taimiyah bagi dia yang membatalkan puasa tu adalah benda-benda yang bersifat</p>	

	<p>nafsu dan syahwat. Sebab tujuan puasa tu untuk mengekang nafsu dan syahwat. Jadi bagi tokoh macam Ibnu Taimiyah. Jadi bagi dia yang batal puasa tu yang makan dan minum tu lah. Yang ada rasa nikmat tu, yang nabi sebut kan. Jadi, benda-benda yang.. yang.. Ibnu Taimiyah dia berpandu macam tu lah kan. Jadi bagi ana dalam benda-benda macam ni, jadi... jadi kalau kita fikir, kalau dari segi tu mungkin itu satu proses perubahan. Kenapa pula nak kena... Tapi saya nak bagitahu kalau <i>injection</i> tak lah membatalkan puasa. <i>Injection</i> tak lah membatalkan puasa kan. Tapi, sebab tu lah bagi jalan selamat, dalam pandangan saya elok kita jangan buat ketika berpuasa sebab kita nak meraikan aaa... pendapat-pendapat para ulama' tentang bab boleh batal puasa lah kan.</p>
Penyelidik 1	Sebab dia jadi lebih susah bulan puasa buat sebab dia cucuk banyak hari. Ganggu dia, konsentrasi diri, ibadat dia dah lari.
Pakar	Boleh tak kalau kita apply konsep ini pada ibu yang <i>pregnant</i> . Lepas tu, dia datang kepada doktor dan cakap perlu buat vagina scan?
Penyelidik	Itu dah lain tu. Kita pun biasanya mengandung tak buat

1	vagina scan.
Pakar	Kalau macam certain-certain tempat doktor kata kena buat vagina scan sebab tak nampak ke
Penyelidik 1	Kalau saya, saya pun kata boleh tunggu?Tak lama sebulan.Kalau saya kata, kalau dia orang ni datang nak buat bulan puasa, saya kata awak dah 10 tahun tak mengandung.Tak kan lah tak boleh tunggu sebulan untuk kita selesaikan masalah ini.
Panel 1	Maksud sebulan tu lepas bulan puasa la.
Penyelidik 1	Aaa.10 tahun boleh tunggu,sebulan tak boleh tunggu?Jadi, kalau kita awal-awal tak digalakkan atau apa-apa, maka <i>clear</i> la benda macam tu.
Panel 1	Sebab bagi saya lihat ni kadang-kadang dalam bab hukum Fiqh ni, kalau bagi diri saya lah bila bagitahu pada masyarakat saya lebih suka bersifat teliti dan lebih metiquest.Jangan tersilap la kan.Jadi sebab ada jalan keluar.Kalau puasa, kenapa tak bolehkah kita buat lepas buka puasa kan?Sebab ada pilihan.Lain la kalau dhorurat.Dhorurat ni semua boleh la kan.Tapi kalau puasa tu kena setahun, ok la.Jadi benda ni, kita ambil teliti sikit bab

	hukum Allah ni kan.Kita pun nak dapat anak, nak daripada Allah S.W.T.Jadi elok juga la tu.	
Penyelidik 1	Tapi ustadz, sebab ada yang datang ni kita bulan puasa ni bulan ramadhan berkat.Dia nak buat malam ke.Saya pun nak terawih juga.	
Moderator	Ustaz, ada pandangan lain?	
Panel 2	Itu la. <i>Alhajjah tuqoddar biqadariha</i> .Keperluan tu kita ukur keperluan lah.Masa tu bagi saya bukan satu masalah la.	
Moderator	Kalau dia buat juga.Contoh dia buat kat centre lain.Kat UIA mungkin tak buat.Hukumnya berdosa atau apa ustaz?Dia tak pergi UIA.UIA tak terima.Dia pergi tempat lain.Dia pergi Kuala Terengganu.	
Penyelidik 1	Tempat yang Non Muslim katakan.	
Panel 1	Kalau ikut yang saya faham dalam Mazhab Syafie, boleh membawa kepada batal puasa.Maksud saya kerana dengan sengaja memasukkan sesuatu alat perubatan dalam ruang rongga yang terbuka.Ruang rongga yang terbuka tu dalam Fiqh termasuklah dubur dan qubul kita.	
Moderator	Satu, persoalan batal ustaz.Berdosa ada ke?	

Panel 1	Ok, dari segi dosa.Dosa, barangsiapa yang membuka puasa di bulan Ramadhan dengan sengaja, dia telah mencemarkan kemuliaan bulan Ramadhan.Itu dah dosa besar la tuh.Ada kafarah tu.Kalau batal.Itu cerita hukum la kan.Jadi, maknanya macam mana kita nak kata.
Panel 2	Maknanya dia sengaja la.Sengaja membatalkan tanpa keperluan.Memang dosa la.
Penyelidik 1	Lagi satu, saya rasa yang ni dia nak buat.Secara tak langsung, suami kena keluarkan air mani.
Panel 2	Dia dua.
Panel 1	Kenapa pula suami kena keluar air mani?
Penyelidik 1	Masa nak buat tu, nanti hujung bulan tu.Cara nak dapat air mani, macam saya cakap tadi la.Mseti samada masturbasi ke, apa ke.
Pakar	Prof, kalau kat tempat saya, saya ada patient tu sebab saya ada pengalaman patient Melayu datang buat bulan puasa juga.Saya minta husband dia produce sebelum habis sahur.
Penyelidik 1	Sebelum habis sahur.
Pakar	Sebelum habis sahur.

Penyelidik 1	Malam la.	
Pakar	Jadi dia boleh mandi wajib.	
Penyelidik 1	Itu alternatif dia.	
Pakar	Jadi dia nak buat juga time tu.	
Panel 2	Tapi kalau waktu tu, suami akan keluar air mani di rumah la kan?Bukan di..	
Pakar	Dia keluarkan di rumah.Bawa dari rumah.	
Penyelidik 1	Bukan waktu puasa boleh la dari segi tu.K, dari segi yang kita cakap tadi kalau bulan puasa ni...	
Moderator Soalan 3	Hukum pesakit lelaki yang ingin melakukan ujian SFA pada bulan puasa?	
Penyelidik 1	Check air mani la.Ujian air mani.Pasal ini ujian air mani.	<p>1.Jawapan : Batal puasa kalau terang-terangan mengeluarkan air mani dengan sengaja di siang hari pada bulan puasa.</p> <p>2.Hukum : Haram dan berdosa kerana melakukan proses masturbasi di siang hari pada bulan puasa.Namun begitu, tidak berdosa hukumnya jika proses masturbasi ini dilakukan pada</p>
Moderator	Dia maksud mengeluarkan.	
Penyelidik 1	Ya, mengeluarkan air mani.	
Panel 1	Maksudnya dia nak melakukan ujian untuk mengeluarkan air mani kalau dia itu memang terang-terang la.Dia keluarkan	

	air mani dengan diri dia sendiri memang batal lah puasa.Istimna' tu maksud masturbasi memang batal puasa.Itu memang jelas lah.Bagi saya batal lah puasa dari segi tu kan. Yang tu memang batal.	malam hari.
Penyelidik 1	Batal dan berdosa lah.	3.Ulasan : Maksudnya dia nak melakukan ujian untuk mengeluarkan air mani kalau dia itu memang terang-terang la.Dia keluarkan air mani dengan diri dia sendiri memang batal lah puasa.Istimna' tu maksud masturbasi memang batal puasa.Itu memang jelas lah.Bagi saya batal lah puasa dari segi tu kan. Yang tu memang batal.
Panel 1	Ha..Dengan sengaja memang berdosa lah.	
Penyelidik 1	Sebab dia kata macam tadi saya tak sedar.Tiba-tiba air mani saya keluar.Dia boleh buat tu ustaz.	
Panel 1	Saya tak sedar air mani saya keluar.	
Penyelidik 1	Dia tak sedar.Dia tidur.Kalau dia benda internet ni.	
Pakar	Itu memang tujuan untuk keluar air mani.	
Penyelidik 1	Tapi, dia tak sedar dia kata.	
Moderator	Oo...Benda tu dia tidurkan.	
Pakar	Tapi dengan niat.Dia dah dengan niat nak keluarkan air mani.	
Panel 1	Oo..Maksudnya benda air mani tu terkeluar dalam keadaan dia tidur...	

Penyelidik 1	Tidur.Macam you mimpi la.Macam kita mimpi.Tiba-tiba keluar air mani.Tapi tak batal.Macam tadi kalau dia niat untuk keluar dengan cara orang bagi ubat tidur.Itu dengan sengaja sebab dia tidur kan.
Moderator	Macam mana ustaz?Dia keluarkan.
Panel 1	Tapi kalau balik pada saya.Saya betul-betul balik kepada nas-nas kitab memang tak boleh.Istimna' tu keluar.Tak boleh.Tak boleh.
Moderator	Dia ada istimna' juga.Ada istimta juga?
Panel 1	Istimna' la juga.Bukan kita yang buat kan.Orang tolong buat kan.Jadi memang tak.
Penyelidik 1	Cuma memang dia kata bulan puasa.Tapi, kalau saya buat malam?
Panel 1	Kalau malam, boleh la.
Penyelidik 1	Ini bulan puasa.Bulan Ramadhan.Mungkin malam.
Panel 1	Kalau malam boleh la.Aaaa...Ya, sungguh-sungguh.Terperinci.Kalau bukan, lepas antara Maghrib dan sebelum masuk waktu Subuh tu, boleh la.Ya itu boleh la.Kalau antara tu boleh.

Moderator Soalan 4	Apakah hukum mengeluarkan air mani di tempat kotor seperti dalam tandas untuk tujuan IUI atau IVF atau ICSI?	
Panel 1	Maksud dia, tandas ni memang tandas tempat orang buang air kecil, air besar la. Memang tandas yang memang....	<p>1. Jawapan : Harus tetapi tidak digalakkan. Kita mencadangkan agar pihak hospital menyediakan bilik yang khusus untuk tujuan pemindahan air mani ini. Amat tidak digalakkan menggunakan bilik air yang umum bagi mengeluarkan air mani namun hukumnya tidak berdosa.</p> <p>2. Hukum : Harus tetapi tidak digalakkan.</p> <p>3. Ulasan :</p> <p>- Dari segi ethics, dalam Islam ia sudah dikira termasuk dalam kategori masalah. Ada tiga peringkat Masalah. Masalah dhoruriyat, masalah hajat. Masalah hajat ni untuk inderhardship dalam hidup kita. Dan yang ketiga masalah tahsiniyat ini adalah untuk menjaga etika ethics yang paling murni dalam hidup kita. Jadi kira cadangan nak sediakan tempat untuk tujuan ni sudah termasuk kategori yang ke-3. Ia masalah tapi masalah tahsiniyat tu la. Masalah untuk nak meraikan ethics dalam kehidupan seorang</p>
Pakar	Satu lagi di tempat saya bukan tandas yang public guna untuk buang air.	
Panel 1	Memang bukan tempat public. Tapi kalau pesakit nak buang air semua. Di situ juga? Di situ juga la kan.	
Panel 2	Kalau di Terengganu, bilik khas dia.	
Panel 1	Bukan dalam tandas?	
Panel 2	Bukan. Bilik air yang amat bersih. Di Terengganu la.	
Penyelidik 1	Bilik air tu kalau yang ada shower sahaja. Kalau yang ada tandas? Dia ada yang bilik air shower sahaja. Kan untuk dia mandi. Jadi tandas tu la mungkin kalau dalam ada tutup, mungkin bersih. Tapi kalau tandas tu yang kencing dekat situ, berak dekat situ?	
Panel 1	Ya la. Saya faham benda-benda macam ni.	
Penyelidik 1	Sebab kalau kita pergi hospital awam. Cuba masuk tengok macam mana? Suasana tandas dalam. H Kuala Lumpur cukup la. Boleh kencing ke? Tak boleh kencing?	

Panel 1	Tapi kalau yang specialist centre, rasa bersih kot.Yang macam Selangor Medical, saya ingat.....	Muslim.
Penyelidik 1	Sebab saya punya ni.You nak buat anak.Tempat selesa, bersih sebaik yang mungkin.Kat hotel pun boleh argue.Hotel pun lagi teruk dia kata.Susah la tu....Sebab yang ini pentingnya.Nanti kita boleh issue kan dekat Kementerian Kesihatan.Kita ni nak buat kemudahan ni mesti ada satu bilik.	- Tandas bukanlah satu tempat yang perlu kita duduk lama-lama la dari segi hukum syarak sebab tempat bilik air tu memang tempat syaitan duduk.Jadi dalam Islam bila kita duduk dalam bilik air, kalau kita nak baca surat khabar panjang-panjang pun, cepat-cepat la kan kita keluar.Tidak boleh berlama dalam bilik air.Itu dah jadi benda lain.
Panel 1	Jadi maksud Prof kena ada satu bilik yang sesuai yang bilik tu tidak ada la macam sink untuk buang air tak da.Memang bilik khas la.	
Penyelidik 1	Mungkin ada shower la kan.Nak ambil air solat.Jadi bila ada cadangan ni.Baru dia orang nampak daripada tandas yang ada najis je.	
Panel 1	Saya tanya itu dari segi pandangan perubatan la kan.Jadi, itu dari ethics yang baik.Tak pe la kita ikut la.	
Penyelidik 1	Tapi dari segi Islam nya?	
Panel 1	Tapi bila kita ikut ethics macam tu, itu dalam Islam dia dah kira kalau dalam kategori masalahah la kan.Dalam Islam ni	

	<p>dia ada tiga peringkat.Maslahah dhoruriyat, maslahat hajat.Maslahah hajat ni untuk <i>inderhardship</i> dalam hidup kita.Dan yang ketiga masalahah tahsiniyat ini adalah untuk menjaga etika ethics yang paling murni dalam hidup kita.Jadi kira cadangan nak sediakan tempat untuk tujuan ni bagi saya dah masuk kategori yang kita tu lah.Dia masalahah tapi masalahah tahsiniyat tu la.Maslahah untuk nak meraikan ethics dalam kehidupan seorang Muslim.Itu kita boleh ambil dalam aspek...Tapi dari segi hukum bagi saya kita masuk bilik air kita...Ya la kalau atas keperluan perubatan bagi saya asal usulnya hukumnya harus juga kan.</p>
Penyelidik 1	Kalau nak keluarkan air mani dalam bilik air?
Panel 1	Kalau nak keluarkan
Penyelidik 1	Nak bersama dengan isteri dalam bilik air?
Panel 1	Itu bukanlah maksud saya.Itu bukanlah satu tempat yang perlu kita duduk lama-lama la dari segi hukum syarak sebab tempat bilik air tu memang tempat syaitan duduk.Jadi dalam Islam bila kita duduk dalam bilik air, kalau kita nak baca

	surat khabar panjang-panjang pun, cepat-cepat la kan kita keluar.jangan duduk lama dalam bilik air.Itu dah jadi benda lain.	
Penyelidik 1	Sebab dia kata Dato Fadzilah kata suruh mandi dengan isteri dalam bilik air selalu, dia kata.Macam tu dia cakap la kan.Supaya mengerat	
Panel 1	Yang tu tak.....	
Penyelidik 1	Takut dia orang kaitkan kat situ la.Dah mandi sekali la dia kata.Macam tu la lebih kurang.	
Panel 1	Ya lah.Mandi sekali untuk mengeratkan suami isteri mungkin ada hadis nabi mandi.Bagi saya itu tak menjadi masalah la Cuma saya nak balik yang tadi.Maknanya bilik air ni bukanlah satu tempat yang perlu kita duduk lama-lama la.Kalau kita dah selesai urusan kita.Jadi kita jangan...Sebab bila air ni adalah tempat syaitan lelaki dan betina.Sebab nabi pun sebelum masuk bilik air dia baca doa kan.Dia baca a'u zubillah minal khubsi walkhabais.Memang tempat tu cepat-cepat la keluar.	
Moderator	Tapi tempat tu...	
Panel 1	Apa dia?	

Penyelidik 1	Air mani? Dia jatuh hukum harus ke apa dia?
Panel 1	Sebab tu la dia saya kata dari segi kalau nak keluarkan air mani tu atas tujuan perubatan.Kalau bukan tujuan perubatan memang tak boleh la kan.Dari segi hukum agamanya la kan.Lelaki..Dia keuar air mani ni kalau kita nak keluarkan sendiri untuk kepuasan kita seorang lelaki memang tak boleh.Tapi kalau kita suruh isteri, tangan kita buat tu.Itu hukumnya tak berdosa.Dibolehkan dlam Islam isteri buat untuk suami.Ok.Tapi kalau balik betul-betul pada...Boleh ke air mani tempat-tempat macam tu?Bagi saya hukum asalnya harus
Penyelidik 1	Diharuskan?
Panel 1	Harus dari segi tu la kan.Tapi dalam keseimbangan kita, elok kita cadangkan makna kita suruh.Ethics ni makna kita kena ambil la makna biar tempat yang..yang ...
Pakar	Harus tapi tidak digalakkan.
Panel 2	Dari sudut yang lain la dok.Makna kalau keluar air mani tempat tu tak cuci.Kalau boleh keluar air mani hairan juga

	la.Makna orang tu...
Penyelidik 1	Tapi dalam keadaan terpaksa ustaz?
Panel 2	Kan ada ransangan la kan.Makna kalau sebut ransangan tu agak menarik la.Tiba-tiba dalam keadaan begitu, boleh keluar juga.Maknanya harus tapi lebih baik ada alternatif yang lain.
Penyelidik 1	Itu yang kita.....
Panel 1	Tapi saya nampak kecualilah dalam pandangan perubatan.Sebab ni kita cerita bab-bab nak dapat anak ni.Kecuali dalam pandangan saintifik perubatan tu memang ada boleh berlaku kuman ke dan sebagainya.Yang tu lebih memperkukuhkan.
Penyelidik 1	Itu yang kita belum lihat tapi tak pe.
Moderator	Kalau dari segi perubatan dia ada kesan tak?Tempat tu memberi kesan tak kepada...
Pakar	Kualiti?Tak.Tak beri pun.
Penyelidik	Sebab bila dia keluar, dia terus masuk dalam bekas.Kalau

1	dah tumpak ke apa, kita...	
Pakar	Kita tak benarkan collect balik benda yang dah tumpah.	
Penyelidik 1	Bekas dia memang bersih.	
Moderator	Macam intention kan.Contoh dalam Islam, dia tak bagi ingat orang lain kan?Ingat isteri dia.Dari sudut saintifiknya, apabila ingat benda yang tidak baik, ia memberi kesan tak pada kualiti tu?	
Penyelidik 1	Sebab kebanyakannya bila saya tanya you ingat isteri tak.Tak, dia ingat orang lain.Memang semua tanya macam tu.	
Panel 2	Ikhlas dia tu.	
Moderator Soalan 5	Apakah hukum suntikan injection ubat subur semasa berpuasa?	
Pakar	Injectiondalam lapisan kulit kita.Macam insulin.	
Panel 2	Bukan ikut kemaluan la kan?	<p>1.Jawapan : Dicapangkan agar proses suntikan injection ini dilakukan di luar waktu berpuasa.</p> <p>2.Ulasan :</p> <p>- Dalam bahasa arab injection adalah 'huqnah'.Ia membatalkan</p>
Pakar	Bukan.	
Panel 1	Dia ada injection untuk tujuan perubatan tu tak batal tu batal puasa.	
Pakar	Tapi ubat subur.Kita masukkan ubat subur ni kerana benda	

	itu pilihan.Macam kita buat Seminal Fluid Analysis tadi pilihan.Kenapa nak buat dalam bulan puasa?	puasa atau tidak.Tapi bila dah timbul isu tu makna ada persoalan.Untuk kita keluar dari persoalan itu paling selamat kita buat selepas kita puasa.Melainkan jika doktor pakar ada urusan dan kita memang tidak boleh ubah masa.Tapi yang lebih baik, benda-benda yang berkait injection ni buat di luar.Contohnya jika kita nak check darah, kita buat di luar ramadhan.
Panel 1	Sebab tu lah kalau balik kepada begitu, sebab tu bagi saya baik kita buat di luar.Ya lah kita buat appointment mungkin waktu malam ke.Lebih baik kita maksudnya bila timbul isu adakah injection tu batal puasa ke tidak.Dalam bahasa arab ‘huqnah’ tu batal puasa ke tidak.Tapi bila dah timbul isu tu makna ada persoalan.Untuk kita keluar dari persoalan itu paling selamat kita buat selepas kita puasa la kan.Lainlah kecuali doktor pakar ada hal dan kita memang dah tak boleh ubah masa la kan.Tapi yang lebih baik, bagi saya benda-benda yang berkait injection ni buat di luar.Macam kita la contohnya kita nak check darah di luar ramadhan.Kenapa nak buat ketika puasa kan?Kenapa nak suruh Doktor tu ambil darah kan?Buat di luar,lepas kita puasa kita buat la.	
Moderator	Pilihan..	
Panel 1	Ya, disitu ada pilihan kan.Jadi ada pilihan,jangan kita nak ni lah....	
Moderator Soalan 6	Apa hukum pesakit memohon untuk melakukan prosuder IUI pada bulan puasa Ustadz?Dia ada pilihan,tapi dia mohon	

	juga.	
Panel 1	IUI ni yang mana tadi?IUI ni..	Jawapan : Dicapangkan agar prosuder ini dilakukan di luar daripada waktu berpuasa.Sebagai contoh, pesakit boleh memohon membuat rawatan pada waktu malam di bulan puasa atau di bulan-bulan lain selain bulan puasa.
Moderator	Yang....	
Pakar	Kita masukkan tiub ke dalam rahim perempuan dengan...	
Panel 1	Doktor apa?Doktor.....	
Pakar	Doktor masukkan ketika kita..Ketika tu ada air mani suaminya yang dah proses.	
Panel 1	Ha..Yang tu...	
Panel 2	Masuk dalam kemaluan la?	
Pakar	Masukkan ke dalam kemaluan wanita.	
Panel 1	Melalui faraj la kan.	
Moderator	Macam mana Ustaz?	
Panel 1	Buat ketika tidak berpuasa la kita kata.	
Panel 2	Sama jawapan nombor 2.	
Panel 1	Aaaa..Tapi keputusan persidangan kita hari ni kena buat luar dari masa puasa la.	
Moderator	Kalau buat batal la.Kalau buat juga batal.	
Pakar	Kalau buat juga batal.	
Panel 1	Lebih-lebih lagi ini ada memasukkan sesuatu objek	

	kan?sesuatu bahan.	
Moderator	Tapi timing dia macam mana ustaz?	
Penyelidik 1	Macam mana?	
Moderator	Timing dia ni masa petang...	
Penyelidik 1	Dia sebenarnya kita boleh adjust timing.Kita jangan bagi masa ni.Kita bagi lambat sikit supaya dia pecah waktu malam.Jadi kita boleh buat waktu malam.Kalau dia nak buat waktu malam boleh.Tiada masalah kan.	
Panel 1	Tapi setakat apa yang saya nampak,ini memang boleh bawa kepada batal puasa la sebab dia masukkan bahan melalui rongga memang masuk ke badan dia kan.	
Penyelidik 1	Sebab kita beralasan masuk rongga itu bukan satu keperluan yang wajib.Sebab kalau dia kata rawatan,nak bagi ubat,itu keperluan wajib sebab dia rawatan.Yang ini memang rawatan tapi rawatan yang boleh dipinda maksud saya.	
Panel 1	Ya.Kita kena	
Panyelidik 1	Dia akan argue rawatan.Pasal apa tak boleh.	
Moderator	Bolehkah doktor yang melakukan IUI pada pesakit bukan	

Soalan 7	Muslim di bulan puasa?	
Panel 2	Yang non muslim	
Moderator	Kita muslim.Dia non Muslim.Doktor muslim.Di siang hari pada bulan puasa.	<p>1.Jawapan : Tidak menjadi masalah hukum kerana ia melibatkan pesakit bukan Muslim.Namun bagi pesakit yang Muslim, Dr boleh menasihkan agar mereka melakukan proses rawatan di luar waktu berpuasa.</p> <p>2.Ulasan :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Peranan Dr Muslim yang baik untuk menasihati pesakit Muslim agar tidak membuat rawatan di bulan puasa.Dr perlu menjelaskan kenapa tidak boleh buat.Sebab untuk pastikan puasa kita tidak terbatal.Tambahan pulan, apa yang kita harapkan juga supaya dirahmati oleh Allah S.W.T.
Panel 1	Tadi kita dah kata jangan buat di waktu...	
Moderator	Itu dengan Muslim.Memang batal puasa.Ini non Muslim.Pesakit tu non Muslim.Dia tak puasa.	
Panel 1	Ooo..Pesakit bukan Muslim.Itu apa yang saya faham tak jadi masalah la kan.Kita Cuma merawat orang bukan Islam.Soal doktor tengok aurat tu, itu dah memang profesion dia begitu.Itu dah memang tak melanggar hukum syara' apa-apa.	
Panel 2	Sebelum mari memang tak puasa dah.Hahaha (Ketawa)	
Penyelidik 1	Kebanyakan dia akan pergi ke doktor yang non Muslim la.	
Panel 1	Maksudnya yang pergi ke non Muslim tu patient?Pesakit tu la.	
Penyelidik 1	Sebab dia tak kan cakap bulan puasa ni tak nak buat.Jadi tiada masalah la.Kita ni yang pesakit kena bagi tahu la.Kalau you buat kat muslim ke, non muslim ke,konsepnya memang	

	begitu.	
Panel 2	Maknanya peranan Doktor muslim la tu.	
Panel 1	Sebab tu kalau doktor Muslim tu bagus.Dia boleh bagitahu lagi kenapa tak boleh buat.Sebab pastikan puasa kita tidak terbatal.Sebab apa yang kita harap ni pun supaya dirahmati oleh Allah S.W.T.(Ketawa)Kena cakap macam tu kan.Anak tu tuhan yang bagi.	
Moderator Soalan 8	Selepas prosedur OPU, pesakit perlu mandi wajib untuk menjalani ibadat atau tidak?	
Panel 1	Ovum pick up ni dia ambil telur...	
Pakar	Dia ambil telur melalui frobe yang dimasukkan ke dalam vagina.Dia kena masukkan satu frobe la ke dalam vagina.	1.Jawapan :
Moderator	Yang panjang tu kan?Jarum yang panjang tu ditunjuk.Kita kena masuk ke dalam...	
Panel 1	Ya lah.Isunya masukkan benda memang tak..Kena balikkan kepada yang tadi la kan.Cuma saya duk fikir sebagaimana lelaki kalau keluar air mani dia kena mandi wajib.Yang ni bukan..Dari segi sains tu dia air yang kita anggap macam mana tu?	
Pakar	Dia proses begini.Patient memang tidur.Tak sedar.So, ia di	

	<p>luar kawalan.Saya rasa tiada tindakan respon pun pada frobe yang kita masukkan tu.Tiada ransangan la.</p>	
Panel 1	<p>Tapi dari segi perubatan, telur ni dia bukan air mani atau macam mana?</p>	
Pakar	<p>Telur bukan air mani.</p>	
Panel 1	<p>Kalau macam tu, saya ingat tak perlu mandi la yang saya faham.</p>	
Moderator	<p>Sama macam tadi.</p>	
Panel 1	<p>Tidak perlu mandi wajib.Apa alasannya sebab nak mandi wajib tu dia ada sebab dia.</p>	
Moderator Soalan 9	<p>Jika masih ada darah keluar dari vagina selepas OPU, bolehkah isteri mengerjakan solat atau puasa?</p>	
Panel 1	<p>Masih ada darah keluar dari vagina selepas OPU.Yang ni yang saya faham doa boleh terus mengerjakan sembahyang dan puasa sebab dalam Islam yang dikatakan seorang wabita itu bercuti adalah maa dia keluar haid.Darah haid ataupun darah wiladah la kan.Tapi kalau darah yang keluar kerana kecederaan tu dia tak membatalkan puasa la.Terus macam biasa la.Jadi apa yang saya tahu, tidak perlu mandi wajib dari segi hukum Fiqhnya.</p>	

Moderator	Apa hukum pesakit memohon untuk melakukan prosedur OPU pada bulan puasa?	Soalan 10
Panel 1	Ini balik yang tadi la kan.Maknanya hindarkan.Bukan ketika berpuasa la kan.Kita putuskan yang tu.	
Moderator	Bolehkah doktor melakukan OPU pada pesakit bukan Muslim pada bulan puasa?	Soalan 11
Panel 1	Sama la tadi.	
Moderator	Selepas ET (Embrio transfer) pesakit adakah perlu mandi wajib atau tidak?	Soalan 12
Panel 1	Embrio transfer ni ke dalam rahim isteri la kan.Itu tak...	
Pakar	Kita masukkan sesuatu ke dalam...	
Panel 1	Itu tak...	
Moderator	Tapi dia masukkan dengan itu ustaz.Lelaki punya sperma.	
Pakar	Ia mencantumkan ke dalam.Jadi embrio tu dia dah develop pada peringkat embrio.	
Panel 1	Iya la.Dia embrio la.	
Pakar	Ada sperma suami dia dalam tu.	
Moderator	Dia ada masukkan benda asing ke dalam...	
Panel 1	Iya la.Saya faham.Tapi apa yang saya faham tak perlu mandi wajib.Jadi asal usul kena mandi wajib ni salah satu hukum	

	yang Fekah sebut bila bertembung faraj dengan alat kelamin itu la kan.Tapi kalau ikut pendirian saya, saya ingat tak kena.	
Moderator	Ustaz Tirmizi ada pandangan lain?	
Panel 1	Macam mana pandangan Ustaz?	
Panel 2	Dia kalau bersetubuh kena.	
Panel 1	Ia bukan persetubuhan.Senang.Dia bukan hubungan kelamin.	
Moderator	Tiada sebab untuk mandi wajib.	
Panel 2	Macam di dalam kitab Fekah lama.Perempuan tu lepas bersetubuh, bangun pagi dia mandi wajib.Lepas tu keluar air mani pula.Bukan air mani baru.Air mani terdahulu keluar.Jadi tak perlu mandi wajib.Sebab itu bukan air mani baru.Kalau takdir pula, masuk balik dan keluar balik, pun tak juga.	
Moderator	Dia bukan persetubuhan?	
Panel 2	Dia bukan persetubuhan.	
Moderator	Ada sandaran kitab la la tu juga kan.	
Moderator	Bahan media yang digunakan halal atau tidak?	Soalan 13
Panel 2	Maksud di sini, embrio transfer tu, si perempuan teransang atau tidak?	

Pakar	Wallahu a'lam.Tapi kebanyakn patient nervous.Mereka dalam ketakutan.Saya tak pernah nampak dia orang seronok.Selalunya dia orang dalam ketakutan.	
Moderator	Ooo..Dia sedar?	
Pakar	Dia sedar.	
Panel 1	Iya la.Sebab..Tentu la tidak selesa dengan nursenya, doktor la.Ini satu proses rawatan.	
Moderator	Sebab kita tengok dia.	
Panel 1	Iya.Tak ramai pun.Walau seorang dua, ini kan proses rawatan.Lepas tu takut pula.Benda yang berkait dengan tempat.	
Pakar	Tapi kalaulah dikatakan dia teransang masa buat OPU tu, dia kena mandi wajib tak?	
Panel 1	Dia kalau yang saya faham teransang hingga keluar air mani, kena mandi wajib la.Kalau teransang tak sampai kemuncak, ertinya air mazi.Yang tu just kena basuh je la.Kalau klimaks memang wajib mandi la.	
Panel 2	Maknanya dua.Bersetubuh atau klimaks.Yang tu je.	
Panel 1	Yang kita kena tu.Yang hadis nabi sebut la kalau masuk alat kelamin lelaki la.Tersentuh je, dah kena mandi	

	wajib.Walaupun tak klimaks, tak syok ke.	
Moderator	Lepas tu bahan media yang digunakan, halal atau tidak?	
Panel 2	Apa yang dia guna?	
Pakar	Bahan (Tak dengar penjelasan)	
Panel 1	Bahan media ni dia akan bercampur dengan embrio?	
Pakar	Dia akan letak dalam kaca la..	
Panel 1	Oooo...Dia akan hidup dalam bahan media tu la.Yang akan maintain embrio la kan.	
Panel 2	Yang tu orang kata pengkulturan.	
Panel 1	Oo..Yang tu la pengkulturan.Jadi bahan media tu la sekarang...	
Pakar	Yang kita nak tahu samaada halal atau tidak?Sebab kebanyakan bahan media ni kita import dari luar negara.So, kita tak tahu status halal haram dia.Tapi berdasarkan ingredient yang dipaparkan Cuma ada garam, air.Dia dapatkan sumber tu dari mana, tak dinyatakan.Tak disebut.	
Panel 1	Jadi, maknanya bahan media ini lah yang akan berikan nutrition.Contohnya dia nak simpan lama, katakanlah 3 bulan macam tu.Bahan media tu nak support, macam tu?	
Pakar	Tapi tak sampai 3 bulan.Sampai 3 hari, macam tu je.Tapi itu	

	la.Bahan media yang bagi makan kat dia.	
Panel 1	Jadi asal usul bahan media.Pendek kata macam ni la saya nak kata, dalam Islam apa benda yang kita nak masuk dalam badan kita itu dah jelas la.Mesti benda yang suci dan halal.Termasuk la dalam perubatan itu sendiri.Kecuali la kalau dah sampai ke peringkat dhorurat.Tidak ada dah benda yang boleh menggantikan macam apa yang kita duk cucuk diabetes tu.Ada insulin dan dia ambil bahan..Itu dah keluar fatwa.yang saya faham itu dari babi.Itu dianggap sebagai dhorurat sebab tiada sesuatu yang boleh replace benda tu.Jadi baha-bahan yang haram dalam perubatan ni, kadang-kadang dia boleh juga jadi harus tapi tahap dia dah sampai dhorurat la.Kalau tak ambil dah boleh mengancam nyawa la.Itu kaedah umum la dalam perubatan Islam.Macam dalam kes ini, memang perlu dipastikan juga la.Benda itu bukan yang bernajis la kan.Kenapa?Sebab benda itu nak dimasukkan ke dalam badan kita.	
Moderator	Kena pastikan la.Percentage kena tahu tak ustaz?Berapa contents tu?Kalau ada yang haram, kena tahu berapa persen yang haram digunakan?	

Pakar	Bukankah kalau haram, haram semua?	
Moderator	Macam insulin tu dah ada fatwa yang cakap.	
Panel 1	Insulin tu sebab sudah tidak ada replacement kepada. Jadi dalam nak menyelamatkan nyawa yang diabetes tu, itu yang benar. Jadi, ada fatwa dah keluar boleh walau pakai khinzir tapi Muslim scholars, pakar perubatan cuba la cari alternatif suatu hari nanti. Itu dah kategori dhorurat untuk menyelamatkan nyawa yang sakit diabetes la kan. Tapi saya tak tahu la yang latest macam mana. Itu fatwa yang pernah saya baca. Tapi secara umum tu macam mana bahan media yang setakat ni?	
Pakar	Setakat ni kalau kita lihat kompenan ni, dia ambil satu benda dari humanatirian dan proses ambil “sirem” darah daripada binatang atau manusia. Dan binatang tu kita ambil bukan dari babi la kan. (Kurang jelas suara)	
Panel 1	Semua benda ni dia proses kat luar negara?	
Penyelidik 1	Dia tak ada buat kat sini.	
Moderator	Kalau darah tu najis kan ustaz?	
Panel 1	Sebab bila kita sebut contohnya bahan makanan atau bahan-	

	bahan kimia itu semua, kalau lembu pun dalam industri halal mestilah lembu yang disembelih. Itu kalau kita straightly ikut syariah la. Mesti la lembu yang disembelih. Mesti la binatang yang disembelih. Kalau tidak disembelih tak boleh la kita jadikan ia bahan makanan kita la kan.	
Penyelidik 1	Dari segi kita tak ada kemudahan nak buat? Kita tak ada orang nak buat. Tapi kalau di negara arab pakai benda yang sama juga.	
Panel 1	Oooo... Di negara arab. Dia pun import juga.	
Panel 1	Tapi sifat asal bahan tu dah bertukar la kan? Dia bukan daripada darah la. Dah proses la tu.	
Pakar	Bahan tu dia daripada darah	
Panel 1	Maksudnya apa kita nak kata zat benda tu dah bertukar sepenuhnya.	
Penyelidik 1	Dah bertukar dah. Tak nampak dah macam apa tu..	
Panel 1	Iya la. Itu dari segi. Apa yang saya faham tak jadi masalah benda tu.	
Pakar	Dadah yang digunakan tu dah daru urinari.	
Panel 1	Bahasa Fekah tu dia kata istilah. Istilah tu zat benda tu dah bertukar 100%. Dah bukan benda asal dah. Dulu mungkin	

	haram.Kalau macam tu, saya nampak tak jadi masalah la kan.Kalau jadi masalah payah juga la kan. (Ketawa)	
Moderator	Kalau bertukar tu macam mana Ustadz.Dia bertukar mestilah bertukar yang daripada haram kepada halal ustaz?	
Panel 1	Maknanya secara saintifiknya dalam konteks macam ni, katalah diambil dari darah, maknanya dia bukan ...	
Pakar	Bukan darah yang betul-betul digunakan.Maknanya sebahagian komponen sahaja dari darah.	
Moderator	Boleh ustaz ye.Ok.PESA/TESA..	
Panel 1	Tapi sebelum tu.Sekarang ni bahan tu sesuatu yang necessary la kan.Maknanya bila kita bincang pasal nak dapat baby, sesuatu yang tak boleh elak la kan?	
Pakar	Sesuatu yang perlu dan kita pun memang tak ada pilihan.Itu sahaja.Kalau kita tak bagi, embrio tu memang tak akan jadi.	
Panel 1	Ok..Ok.Alright.	
Moderator	PESA/ TESA.Bahan media yang digunakan halal atau tidak?	Soalan 14
Panel 1	PESA/ TESA tu apa?	
Pakar	Guna bahan media yang sama.	
Moderator	Adakah suntikan yang diberikan kepada pesakit ketika proses IVF ini membatalkan puasa jika suntikan ini	Soalan 15

	mengandung makanan?	
Panel 1	Apakah suntikan..	
Moderator	Dia suntik kat tangan ni.	
Pakar	Suntikan yang diberi selalunya hormon. Yang tak mengenyangkan. Zat yang tidak mengenyangkan.	
Moderator	Fungsinya hormon la kan?	
Pakar	Iya.	
Panel 1	Bagi saya tak membatalkan puasa la. Pertamanya sebab saya balik kepada kedah Fekah. Onjection tu tak membatalkan puasa. Injection tu memasukkan sesuatu ke dalam rongga badan kita bukan melalui rongga yang terbuka. Walaupun dia makanan tapi asal usul haram makan minum tu kerana adanya syahwat makan minum. Tapi kenapa dia memang mesti makanan ke?	
Pakar	Injection untuk IVF selalunya hormon dan tiada gulkos la.	
Moderator	Kalau yang ada makanan, macam mana ustaz? Ada gulkos dalam tu. Bukan yang ini la. Kalau yang ini confirm dah tak ada. Batal tak?	
Pakar	Tapi dia tidak mengenyangkan. Bukan untuk tujuan mengenyangkan.	

Panel 1	Itu la.Kalau kita nak ambil pandangan umum Fuqaha'.Seperti pandangan Ibu Taimiyah, seorang ulama' besar, kecuali makan,minum,hubungan kelamin.Sebab benda-benda macam ni, puasa tu sendiri training untuk pengawalan nafsu kita.	
Moderator	Adakah suntikan semasa proses IVF ini sampai ke perut?	Soalan 16
Panel 1	Tapi sebab itu la.Saya balik kepada apa yang saya cakap tadi.Untuk benda macam ni macam masukkan makanan, kalau dapat kita lakukan di luar masa berpuasa la.Itu adalah jalan yang selamat.Memang dalam Fekah pun kita kata itu sifat ihtiyat.Sifat berhati-hati tu lebih baik untuk diri kita la kan.Tapi kalau tanya saya, bila buka puasa, cucuk la apa yang nak cucuk.Sebab kita nak pastikan, untuk hilangkan rasa curiga.Sebab nabi pun ada sebut, nabi sebut 'da'ma yaribuka'.Itu pun bagi saya satu kaedah kita perlu apply dalam kehidupan.Tinggalkan apa yang meragukan engkau kepada apa yang tidak meragukan engkau.Jadi kalau kita rasa suntikan ni macam dah ada makanan di bulan puasa, jadi maknanya lebih baik kita buat ketika tidak berpuasa la.Masa tidak berpuasa la.	

SOALAN USUL FIQH

Moderator	Apakah hukumnya sekiranya menggunakan air mani orang lain untuk tujuan IUI/IVF?	Soalan 1
Panel 1	Kira haram la tu.Maksudnya air mani orang luar digabungkan dengan isteri kita kan 'ovum'.Itu memang mutlak la.Haram.	
Moderator	Apakah hukumnya menyimpan embrio yang dibekukan untuk digunakan bagi sesi melahirkan anak yang berikutnya walaupun dalam tempoh bertahun-tahun?	Soalan 2
Pakar	Kalau kes kanser, dia simpan yang belum disenyawakan lagi.Kalau kes macam ni, dia simpan embrio maksudnya dia dah ada pasangan yang disenyawakan dengan suami dia.Dan dibekukan.Kalau kat tempat saya, boleh kalau pasangan dia masih hidup dan dia masih bernikah.Kalau dia dah bercerai atau suami dia dah mati, dia tak boleh guna embrio lagi.	
Panel 1	Maksudnya kalau suami dia telah mati, tak boleh di pregnant kan lagi?	
Pakar	Tak boleh.	
Panel 1	Iya la ketika suami dah tidak bersama.	
Pakar	Walaupun ketika dia buat tu suami dia masih hidup.	

Panel 1	Jadi sekarang ni yang dibuat jadi kes ni macam kes isteri sakit kanser maknanya ovum tu hilang ke?	
Pakar	Maksudnya di sini menyimpan embrio maknanya selepas proses itu dia ada embrio lebih dia bekukan. So, embrio lebih tu dia nak guna untuk lahir anak lagi.	
Panel 1	Maksudnya bagi saya kenapa dia tak ambil ikut cara yang normal? Pasal apa yang...	
Pakar	Kenapa nak bekukan?	
Panel 1	Maksud bagi saya, isteri tu kalau dia nak anak, dia perlu melalui proses kelamin je la. Itu soalan dia.	
Pakar	Mungkin kita balik kepada isu. Mungkin suami tu kandungan sperma dia tak bagus. Dia terpaksa juga rawatan IVF ini. Jadi bila dia guna rawatan IVF ini, ada embrio yang lebih. Dia dapat simpan embrio yang lebih ini supaya dapat guna lagi untuk masa akan datang dan isterinya tak perlu lagi menjalani suntikan harian.	
Panel 1	Jadi maksudnya, contohnya 40 tahun, 10 tahun akan datang isteri tu berhasrat nak dapatkan anak la kan. Jadi dia pakai balik embrio yang dibeku itu. Dia boleh tahan sampai 10 tahun?	

Pakar	InsyaAllah.	
Panel 1	Dia boleh tahan ye.	
Pakar	Saya rasa dia bergantung kepada situasi.Kalau pasangan masih berkahwin.	
Panel 1	Iya la.Maksud saya.Dalam masa 10 tahun, kalau suami nak anak lagi, buat dulu hubungan kelamin.Banyak cara-cara.Viagra pun boleh.	
Penyelidik 1	10 tahun ustaz tak boelh.Kalau dia tunggu 5 tahun lagi pun memang tak dapat juga.Kalau dah kahein 5 tahun, nak tunggu 5 tahun lagi, sebab tu dia kata kami mari.Dah 10 tahun macam-macam buat ni dia kata tapi tak boleh.	
Panel 1	Tapi benda macam ni fatwa yang saya baca daripada kitab-kitab alim ulama' benda yang paling penting dari segi penjagaan jangan sampai terbuka.Itu benda yang paling pokok sekali la.Sebab tu, sesetengah para ulama' tu dia tak memperakukan benda-benda macam simpan embrio.	
Pakar	Sebab dia bimbang...	
Panel 1	Iya, dia bimbang la sangat-sangat takut...	
Pakar	Tapi kalau hukum nak simpan tu macam mana?	
Panel 1	Hukum simpan ni, ada tak fatwa setakat ni?	

Panel 2	Untuk majma' Fiqh ada Ustaz.Yang mengharamkan la menyimpan.Dia panggil tajmi' al ajinnah.Freeze benda tu kan?Kerana di boleh disalahgunakan.	
Pakar	Tapi atas sebab kemungkinan disalahgunakan?	
Panel 2	Itu yang Dr Rushdi cakap tadi.Dia pasti.Tiada sedikit syak pun ada sesuatu yang boleh disalahgunakan.	
Panel 1	Jadi majma' Fiqh dia haram kerana takut disalahguna kan?Bukan kerana zat perbuatan tu?	
Panel 2	Bukan.	
Panel 1	Bukan kerana zat perbuatan tu boleh la.Tapi kerana takut disalahguna.Jadi, dia orang bersandar kepada saddu zarai'e la.Mengharam sesuatu benda takut membawa kepada kemudharatan.Kalau dalam fekah dia kata saddu zarai'e la.Sebab dia takut kesilapan akan datang.	
Panel 1	Saya duk baca.Nak kita kongsi bersama.Dia kata ada kajian yang dibuat embrio yang dibekukan itu boleh diguna pakai dalam tempoh 30 tahun.Jadi takut-takut yang kemudian itu, suami mati, isteri mari nak minta lagi embrio yang dulu.Sebab dia orang mensyaratkan macam ustaz kata, mesti dalam hubungan perkahwinan.Suami dah mati tu..	

Panel 1	<p>Sebab tu la macam pihak perubatan kena faham macam ulama'tu dia orang kalau bagi sesuatu fatwa, dia orang takut adanya ruang untuk belakunya mudharat dan bahaya.Jadi dia orang ambil pendekatan saddu zarai'e tu la dalam Islam.Apa sahaja yang boleh membawa kepada bahaya kena tutup siap-siap sekarang.Itu la yang dimaksudkan dengan saddu zarai'e.Tapi zat perbuatan tu tak salah la kan.Maknanya zat perbuatan 'action' tu tak salah.Maknanya ambil, katalah dia simpan dengan selamat dalam rumah suami isteri, 5 tahun lagi nak pakai, yang itu boleh la kan.Yang tu tak salah.</p>	
Panel 2	<p>Dari awal lagi kan.Dr Rushdi sebut tadi.5 perkara utama dalam hidup kita iaitu menjaga keturunan.Jaid Islam tu, dalam bab keturunan dia amat ketat sedikit.</p>	
Pakar	<p>Ustaz, apa kata kalau kita ada consent yang suami isteri kena sign bersetuju kata kalau salah seorang daripada dia meninggal dunia tau bercerai, maka tiada seorang pun yang dapat menggunakan embrio ini?Jadi mereka berdua dah sign concent ni.Memang bersetuju.Jadi hukum yang tadi kata haram dibekukan embrio takut disalah gunakan boleh tak?</p>	
Panel 1	<p>Jadi jalan fatwa telah diberikan.Kalau dari segi pihak</p>	

	perubatan dapat diberikan jaminan tak kan berlaku percampuran nasab, jadi benda itu hukumnya harus lah kan.	
Penyelidik 1	Sebab kadang-kadang dalam beberapa keadaan benda penting.Kalau kita ambil telur ni, kita tak boleh masuk sekarang.Sebab dia jadi komplikasi.Dia jadi masalah.Dan dia hanya boleh buat bulan depan.Dia ada keadaan 'hyper simulation'.Yang boleh memudaratkan dia.Jadi kali ini kita tak boleh masuk sekarang.Kita masuk bulan depan.Jadi kita kena freeze kan juga.Kadang-kadang kita, dua bulan lagi boleh masuk.Dia jadi tak sihat.Tak stabil.Jadi kita tak boleh masuk sekarang.	
Panel 1	Iya la.Dalam konteks begitu, saya pun tak nampak..Sebab alasan takut dia membawa kepada ini la kan...	
Panel 2	Dia merujuk kepada tempoh boleh beku sampai 30 tahun tu.	
Penyelidik 1	Ooo.. 30 tahun.Susah la.	
Panel 1	Mungkin setahun dah pencen la.	
Penyelidik 1	Sebab yang ke-2 kadang-kadang kena ingat juga.Sebab kita freeze ni nak jimatkan kos.Sebab bila dah simpan tu.Nak masuk mungkin RM1000 lagi dia kena bayar.Kalau dia start	

	<p>balik frsh cycle, dia kena bayar RM16000 pula.Jadi mungkin disebabkan itu.Sebab kita kata peratus kejayaan bukan 100%.Dia bukan sekarang ni mungkin tak jadi.Yang balance tu mungkin akan jadi.</p>	
Panel 2	<p>Cuma saya baca sikit yng nash kan.Dia kata majma' Fiqh dah keluarkan pandangan haram membekukan embryo.Yang lebih daripada proses bayi tabung uji itu hendaklah dibiarkan mati begitu sahaja.Berdasarkan kepada kajian yang dibuat dan bancian dibuat, kemungkinan berlaku percampuran nasab dengan mudah di bank-bank tabung bayi.Kajian menunjukkan banyak berlaku perkara itu.Berlakunya jual beli oleh orang.Oleh kerana itu wajib berhati-hati.</p>	
Penyelidik 1	<p>Wajib berhati-hati.Itu sahaja.</p>	
Panel 1	<p>Dia tak kata tak boleh kan?Dia kata wajib berhati-hati.</p>	
Panel 2	<p>Tapi saya rasa benda jelas untuk kita semua kan?Tempoh 30 tahun tu kita tak boleh terima kan.</p>	
Penyelidik 1	<p>Oooo...30 tahun tu.Kalau setahun, 2tahun tu ok lagi.</p>	
Panel 1	<p>Kalau 30 tu, hari ni saya simpan, bila saya pencen, orang</p>	

	lain pula masuk.Itu dah boleh...Banyak..	
Panel 2	Cuma yang Prof kata tadi.Cuma kita bimbang dari segi kata bercerai.Penceraian yang berlaku antara suami isteri tu.	
Pakar	Sebab tu kita ada consent.	
	Kita memang dah clear.Kalau cerai, memang kita tak bagi.Kita buang atau disekat.Atau pun kita guna untuk tujuan research.Dalam borang tu memang kita dah tunjuk.Kalau berlaku penceraian atau kematian, yang dibekukan itu memang tidak boleh digunakan.	
	Tapi sebenarnya tempoh nak buat tu dia cepat kan.Maknanya suami isteri nak buat tu, dalam beberapa bulan proses tu selesai la kan?Bukanlah sampai 2,3 tahun.	
Pakar	Yang sejuk beku ni?	
Panel 1	Yang ni la proses.	
Pakar	Dia bukan masa bertahun-tahun.	
Panel 1	Maksud saya dia tak menimbulkan kekeliruan la kan.Jelas suami isteri la.	
Pakar	Selagi masih suami isteri.Tapi kami tak sampai la ke tahap melihat dokumen tu.	
Panel 2	Sebab kalau kita keluar sedikit la kan.Saya bawa kajian anak	

	<p>tak sah taraf la kan.Pada tahun 2012, ada 400 ribu anak tak sah taraf yang dikeluarkan JPN kita.Anak zina ni.Ini angka rasmi la.Hampir 400 ribu.Jadi dalam keadaan begini, yang dibeku itu pula kadarnya berapa?Yang dibeku itu berapa jumlahnya?</p>	
Pakar	<p>Dalam statistik saya lebih kurang 30 %.Daripada setiap treatment dibekukan.Contohnya, dalam kalau dapat 10,daripadanya 10 mungkin 8 yang digunakan.Yang 2 tu tak matang la katakan.Yang abnormal la katakan.Dariada 8 yang boleh diguna, mungkin 5 sahaja yang fertelize.Daripada 5 yang fertelize, kita masukkan 3, mingkin 2 atau 3 lagi kita beku la.Sebab dalam kita beku tu mungkin...</p>	
Panel 1	<p>Kalau tak berjaya tu....</p>	
Pakar	<p>Kita akan ulang balik la treatment.</p>	
Moderator	<p>Kita simpan sampai bila?</p>	
Pakar	<p>Paling pendek 1 bulan.Paling panjang bertahun-tahun.Paling maksima kita simpan sampai 13 tahun.Tapi dia tak guna juga sebab dah meninggal.</p>	
Panel 1	<p>Butiran perbincangan dia orang.Kalau perlu 3, kita ambil 6.Kalau gagal 3 ni, 3 lagi boleh guna.Dalam tempoh 1</p>	

	treatment.Treatment yang ke-2, dia kena keluar benih dengan kaedah yang biasa pula.Itu yang majma' Fiqh putuskan.Dia tak bagi.	
Panel 2	Kena ikhtiar dulu dengan apa yang dizinkan Allah.	
	Seolah-olah dengan apa yang Dr Rushdi kata, kalau benih tak dapat guna.Maknanya kena ikhtiar lagi akan datang.Maknanya dikatakan 3 gagal.Dia nak rawat lagi tahun depan, kena buat proses baru pula.Walaupun melibatkan bayaran.Ia majma' Fiqh yang bincang ni.	
Panel 1	Maknanya tak boleh pakai la yang beku ni?	
Panel 2	Dibeku kerana tempoh lama masa tu.Dia tak bagi.	
Penyelidik 1	Tapi dia tak cakap berapa lama kena tunggu.Setahun, sebulan 2 bulan ke.	
Panel 2	Dia kata rawatan kali pertama.Kita nak definisi macam mana tu?	
Penyelidik 1	Sebab bila rawatan ni dia ada sebab-sebabnya.Mungkin suami, mungkin isteri atau kedua-dua.Ada dah penyebab macam tu.Kadi bila dia datang kita kata,bila nak start lagi.Satu tahap kejayaan makin menurun sebab umur mereka makin meningkat.Kalau isteri sekarang 35, lepas ni 37, jadi	

	dia dah main tua.	
Panel 1	Jadi maksudnya lagi ke depan, maknanya dia punya kekuatan embrio dah makin menurun la.Makin merudum la.	
Penyelidik 1	Jadi kalau kita duk biar juga, memang dia tak kan berjaya.Oleh kerana itu, kita kata nak secepat yang mungkin.Sebab peratus kejayaan meningkat kalau buat awal.Kita tunggu lagi lama, lagi susah.	
Panel 1	Jadi embrio yang dibekukan itu boleh maintain kualiti..	
Penyelidik 1	Tengok tempat la kalau tempat ni boleh.Ada juga kadang-kadang kita nak buat, bila kita buka tak elok, tak jadi.Ada juga yang macam tu.Kualiti tu dia kata tak elok.Tak boleh buat.	
Moderator	Boleh kita buat kesimpulan tak?Apa hukumnya menyimpan embrio yang dibekukan untuk digunakan bagi sesi melahirkan anak yang berikutnya walaupun dalam tempoh bertahun?	
Panel 1	Saya fikir la, secara peribadi bagi saya kena diperhaluskan lagi la persoalan ni.	
Penyelidik 1	Masih belum menjawab soalan orang nak tahu.Boleh ke tak boleh?	

Panel 1	Tapi kalau yang buat ni dalam tempoh dekat-dekat ni, yang ni tak jadi masalah la kan.	
Moderator	Dalam satu treatmet?	
Panel 1	<p>Dia dekat ke lama tu macam ni. Macam Ustaz Tirmizi kata Majma' Fatawa kata. Jadi dalam Islam ni lama tu sampai berapa. Jadi benda macam ni ditentukan oleh pakar-pakar. Macam tu la kan. Lama tu 30 tahun ke? 10 tahun ke? Jadi sebelum datang benda-benda macam ni, lama tu berapa tahun tiada ketetapan dikalangan para ulama'. Jadi diserahkan kepada pakar-pakar yang terlibat dalam ni la yang tahu. Sebab contohnya 1 tahun tu tak dianggap tempoh yang lama la katakan. Sebab dalam tempoh setahun, mengikut pakar-pakar tu, embryo tu masih fresh lagi. Ketentuan tempoh tu diserahkan kepada pakar-pakar. Dia tak ada sesuatu dalam feqah ni dia kata balik kepada uruf dan adat la. Tapi dalam bab ni tak boleh la balik kepada uruf dan dan adat. Bab ni kena balik kepada pakar-pakar perubahan yang menentukan. Tapi dia tak sebut la kan tempoh. Kalau 30 tahun tu lama sangat la kan.</p>	
Panel 2	Dia melihat kepada apa yang berlaku di barat hari ni.	

Panel 1	Iya.Dia melihat apa yang berlaku di barat.Dia takut Ummat Islam ikut.	
Panel 2	Dia kata kemungkinan berlakunya yang disalah guna itu la.	
Penyelidik 1	Dia takut dijual tu.Tapi dari segi kebaikannya, bagi saya dia banyak.Pertama dia tak perlu melalui proses-proses yang tadi kena buat dari awal tadi.Jadi resiko, masalah kesan samping tu dah berkurangan.Yang ke-2, dia menjimatkan kos.Itu antara kebaikan dia la.	
Panel 1	Termasuk juga la kan kebaikannya peluang untuk mendapatkan zuriat itu lebih cerah la kan.Berbanding 3 tahun akan datang.Itu satu masalah juga la kan.	
Penyelidik 1	Jadi kalau kita bincang, banyak kebaikannya cuma kita kata kalau disalah gunakan, itu sampai ke tahap tak boleh.Jadi macam tu la lebih kurang yang pemahaman saya.	
Moderator	Jadi kita buat kesimpulan dalam perbincangan kita hari ni boleh dengan bersebab yang diberi pakar.	
Panel 1	Berdasarkan nasihat dan panduan pakar.Dalam keadaan kita pastikan perkara itu tidak akan disalah gunakan la.	
Panel 1	Macam mana Ustaz?Dia lebih di situ takut bimbang la kan?	
Panel 2	Isu yang macam Dr sebut tadi.Dalam keadaan normal, tapi	

	dia nak buat bayi tabung uji juga.	
Penyelidik 1	Ada.	
Panel 2	Asal hukumnya haram.Boleh bila ada keperluan.Keperluan tu banyak pula.Oleh itu ulama tu dia tak boleh dengan auratnya, itu nya.Boleh dengan ada keperluan.	
Panel 1	Tapi saya tak faham.Kenapa pula dia nak buat?Dia normal.	
Penyelidik 1	Style.	
Panel 1	Style..Maksudnya?	
Penyelidik 1	Anak ni RM 16000.Dia normal je.Ada je macam tu.	
Panel 1	Maksud dia isterinya hamil.Tapi dia tetap nak melalui proses itu?	
Penyelidik 1	Ada juga.Macam kalau keadaan baru kahwin setahun ke.Nak cepat juga, IVF la.Dia tak nak tunggu lagi.Umur dah 41.Tahun depan 42.	
Panel 1	Dia nak cepat la ni kan.	
Moderator	Kahwin terus buat.	
Penyelidik	6 bulan tak sempat lagi.	

1		
Moderator	Kandungan ubat halal atau tidak?Start taking clomiphene injection.	Soalan 3
Penyelidik	Dia makan ubat.	
Moderator	Ubat itu halal atau tidak?	
Penyelidik 1	Dia ubat je.Ada chemical.Dia bukan macam panadol la.	
Moderator	Ok, kita masuk soalan nombor 4 pula.Yang no 3, Insyallah tak haram la kan dari sudut kandungannya.	
Pakar	Ia tiada kandungan urinari.Lebih kepada bahan kimia.	
Moderator	Apakah hukum penggunaan bahan ubat halal atau tidak?	Soalan 4
Panel 1	Pendek kata senang je.Kalau ubat itu diambil dari binatang yang tidak disembelih atau pun daripada benda bernajis, maka hukum berubat asalnya konsepnya itu tidak boleh.Kecuali zatnya dah berubah.Berubah zat dan sifat.Itu ada pengecualian la.Yang purify.Yang mana tadi?	
Pakar	Sebab ada sesetengah ubat yang di inject ke dalam badan tu, asalnya dari urinari, air kencing manusia yang dikumpul.Airkencing badan yang di purify la.	
Panel 1	Iya la.Ia dah ditapis.Semuanya la tu kan.	

Pakar	Jadi,boleh dikatakan zat tu dah berubah.Bukan dia guna air kencing lagi.	
Panel 1	Tapi dalam konteks perubatan benda ini dianggap necessary yang tak boleh elak la kan.	
Penyelidik 1	Saya rasa sebab yang ini pun di peringkat kementerian.Dia nak masuk ubat pun dah ditapis di peringkat sana pun.Ubat dia dah check dulu.Ada vovine.Ada khinzir ke tak ada khinzir, dia dah cakap tu.Tapi orang masih ragu-ragu kadang-kadang tu.Dia tak boleh masuk.Ubat ni kena pelepasan control dari KL.Daripada bahagian ubat tu.	
Moderator	Kalau ustaz cakap apa tadi?Necessary ya ustaz?Dibenarkan.	
Panel 1	Apa dia?	
Moderator	Yang benda tu bukan keperluan.Ada benda lain.	
Panel 1	Itu yang saya bawa contoh.Untuk yang insulin tadi tu.Itu memang tiada masalah la kalau dah peringkat darurat boleh mengancam nyawa pesakit.Itu memang boleh pakai la.Ubat yang insulin daripada khinzir itu memang dah tidak ada masalah.Dan dalam ni pun kalau dah berubah sifat dan zat la kan bukan seperti yang asal itu, iya lah setakat yang saya nampak tak menjadi masalah.	

Pakar	Tidak haram ke?	
Moderator	Apakah hukum memproses air mani sebelum dimasukkan ke dalam rahim isteri.	Soalan 5
Panel 1	Memproses...	
Pakar	IUI ke?	
Moderator	IUI.	
Penyelidik 1	Cuci air mani kan?	
Moderator	Aaa...	
Panel 1	Sebab apa?Apa dia punya tujuan?Saya tak ingat tadi.Apa dia punya...	
Panel 2	Yang kata basuh air mani tu?	
Pakar	Kalau kita proses pencucian ni, kita ada medianya.Kita boleh seperate kan sperm yang dah mati, bakteria.Dan kita masukkan kuman yang dah hidup sahaja.	
Penyelidik	Kita nak yang terbaik la.	
Pakar	Yang terbaik la.Kita pakai short la.Tak payah sperm berenang pergi ke telur.Kita masukkan dia hampir kepada rahim terus.	
Panel 1	Tak ada masalah la.Itu yang penting.Saya ingat dalam proses	

	ini nak dapat zuriat.Nak dapat assent la lebih kurang.Itu memang tak ada masalah.Tak ada masalah.	
Panel 2	Ke ada apa disebalik tu soalan tu?	
Penyelidik	Tak ada apa.	
Panel 2	Gitu soalan?Tak apa dibelakang.	
Panel 1	Tapi kita yang tak belajar ni pun itu la saya pun tak faham air mani tu apa dia?Ada diproses juga dalam perubatan.Saya tak faham la orang-orang Sains ni.Hahaha...(Ketawa)	
Penyelidik	Sebab dia keluar air mani tu.Bilangan dia 2 mils, 3 mils.Jadi kalau kita nak masuk 3 mils ke dalam rahim tidak sesuai.Dia sakit.Dia akan reject.	
Pemerhati	Sebab kandungan tu bukan air mani.Dia macam-macam air lagi dalam tu.Jadi kita nak ambil yang saripati dia.	
Penyelidik 1	Makna benih yang kita nak.	
Moderator	Apakah hukum menggugurkan kehamilan berganda hasil daripada prosedur IUI jika didapati mungkin memudaratkan ibu?	Soalan 6
Panel 1	Apakah hukum menggugurkan kehamilan berganda?	
Penyelidik	Maknanya dia dapat kembar 2, 3, 4, 5, kita tamatkan riwayat	

1	salah seorang.Dia jadi kembar dua daripada kembar empat.Kita panggil multiple triple reduction.Kita panggil dia.Sebab kita kata kalau dia kembar empat ni, mungkin timbul banyak masalah.	
Panel 1	Bila sebut banyak masalah tu, membahayakan nyawa ibukan?	
Penyelidik 1	Membahayakan nyawa ibu.	
	Ok.Itu tak ada menjadi masalah dari segi falsafah hukum Fiqh itu sendiri.Sebab saya nak sebut ada kaedah dalam Maqasid Fiqh dia sebut yang pertama perlu dipilih dua mudharat yang lebih ringan.Dua mudharat maknanya antara nyawa ibu dan nyawa embrio, tentulah nyawa embrio tu lebih kecil nak banding dengannya.Itu satu.Lagi satu ada juga dalam kaedah syariah Islam, yang mudharat itu hendaklah ditolak dengan kadar yang possible.Sesuatu yang mudharat itu mestilah ditolak biqhodar imka.Kadar yang possible.Maknanya kalau ada contohnya embrio, jadi jangan semua sekali kita buang.Kalau setakat empat dah cukup, buang yang empat.Tinggal yang satu.Maknanya benda-	

	benda mudharat hendaklah kita tolak dengan kadar yang possible la. Demi untuk kebaikan. Biqhodar al imka.	
Pakar	Jadi hukumnya dibolehkan la?	
Penyelidik 1	Dibolehkan tapi kena.. Saya rasa kita kena tambah sikit dibolehkan dengan syarat dilakukan oleh mereka yang bertauliah. Jangan kata boleh je, semua nak buang. Malaysia ni, kalau boleh semua boleh.	
Moderator	Dengan pengesahan pakar la?	
Penyelidik 1	Yang bertauliah mereka itu.	
Panel 1	Itu yang paling penting la.	
Panel 2	Biasa kalau yang ni biasa umur kandungan?	
Penyelidik 1	Peringkat awal la biasa.	
Pemerhari	Peringkat awal la kebiasaannya. Boleh kita avoid multiple pregnant?	
Penyelidik 1	Masuk 1 atau 2 lah. Kalau jenis yang masuk 4 atau 5, itu yang masalah. Dia masuk sekali, masa mula-mula tu masuk 4 embrio, 5 embrio.	
Panel 1	Maknanya ada ruang untuk nak dapat anak?	

Penyelidik 1	Kalau dah masuk 5 tu, boleh jadi 5 la.	
Panel 1	Memang possibility tu betul-betul tinggi la?	
Pemerhati	Itu kita tak halang daripada awal.	
Penyelidik 1	Tak ada undang-undang.Malaysia boleh.Kita buat ni atas dasar kita sendiri rasa.	
Panel 1	Tapi dari segi perubahan kita boleh musnahkan la?Boleh mati?Memang boleh la.	
Penyelidik 1	Aaa..Ini yang kita kata tadi.	
Panel 1	Ada cara la.	
Pakar	Proses ni dilakukan di peringkat yang awal	
Penyelidik 1	Peringkat awal la.	
Pemerhati	Tapi bagi pengamal Muslim contoh macam Dr Murat, adakah wajar untuk Dr Murat untuk meletakkan ini?Contohnya la, kita buat satu standardise, adakah wajar.	
Penyelidik 1	Dari segi recommend Malaysia pun, kita bagi 2 atau 3 sahaja.Malaysia ni ada clacification.	
Pakar	KK pun yang dia orang gariskan pun maksima 3.	

Pemerhati	So, kita maksima 3.	
Moderator	Nak gugur tu macam mana?Dia inject?	
Pakar	Inject ke dalam polycal.Ke dalam set tu.	
Pemerhati	So, pakai transfer gyner.	
Moderator	Nombor 7 saya ingat kita dah jawab tadi.Kemudian nombor 8, ini pun kita dah jawab.8 dah jawab.Nombor 9, ini dah clear.	Soalan 7,8,9
Pemerhati	Tapi ibu tumpangan ni Syiah meluluskan ye?	
Penyelidik 1	Syiah boleh.	
Panel 1	Tapi ibu tumpang tu, yang menumpang tu isteri suami ke tidak?	
Pemerhati	Syiah semua boleh.	
Penyelidik 1	Dia nak membanyakkan.	
Pemerhati	Ayatullah Khumaini kata boleh.	
Penyelidik 1	Dia nak menambahkan dia punya population.	
Pemerhati	Sebab macam mewajar mut'ah la.	
Panel 2	Perbincangan Majma' Fiqh kita pun memasukkan embrio	

	kepada isteri yang lain tu majoriti kata tak boleh.Tapi ada yang kata boleh.	
Penyelidik 1	Ada yang kata boleh?	
Panel 2	Ada yang kata boleh.	
Panel 1	Boleh ye?	
Penyelidik 1	Isteri?	
Panel 2	Isteri yang lain.	
Panel 1	Sebab mungkin isteri pertama dia tak boleh mengandung ada masalah.Peranak system.Itu lah maksudnya. Dia jadikan bini yang ke dua sebagai ibu tumpang la kan.	
Panel 2	Majma' Fiqh tolak.Tapi dalam pembentangan tu ada yang setuju la.Dengan syarat-syarat dia.Syarat dia selepas masuk tu, tidak dibenarkan bersetubuh dengan suami sehinggalah dia disahkan mengandung.Baru boleh bersetubuh.Takut campur.	
Moderator	Pendapat ni la.Pendapat setengah daripada pakar ni semua.	
Panel 2	Iya.	
Moderator	Tapi keputusan akhirnya tak boleh la.	

Panel 2	Majoriti.	
Panel 1	Majoriti tak.Kita ambil yang tu la.Ambil pandangan majoriti ni biasa didokong dengan hujah yang banyak la biasa.	
Moderator	Apa hukum menggunakan sample suami isteri yang telah meninggal dunia untuk prosedur IUI/IVF?Ini dah sudah kot.Clear.Tak boleh.	Soalan 10
Pemerhati	Tak boleh la kan.Rosak nasab.	
Moderator	Kemudian ubat yang diambil dari dadah digunakan untuk menggalak ovulasi, apa hukumnya?	Soalan 11
Pemerhati	Harus la kot.Sebab tujuannya memang untuk membuat, menghasilkan embrio.	
Panel 1	Untuk penyuburan la kan?	
Pemerhati	Untuk penyuburan.Harus la kot.	
Moderator	Harus ye?	
Panel 1	Ubat memang dadah kan?Banyakdadah kan ubat?	
Pemerhati	Mungkin kita jangan gunakan perkataan dadah la.Sebab orang Melayu Malaysia ni bila sebut dadah dia ingat macam hak tu la.	
Panel 1	Haram la kan sebab kat masjid pun dah terpampang.Hahaha (Ketawa)	

Pemerhati	Jadi jangan gunakan perkataan dadah tu.Ada kalimat lain yang lebih baik?	
Pemerhati	Ambil dari apa tu...Ya la.Basically ubat bahan kimia.Is chemical things kan.	
Panel 2	Untuk perubatan boleh.Tapi peringkat awam dadah ni najis.	
Pemerhati	Jadi jangan gunakan dadah la.	
Pakar	Sebab dadah mengkhayalkan.Tapi untuk ovulasi ni tak pernah pula khayal.	
Panel 1	Dibuat la kan sekarang ni?	
Pemerhati	Yang dihasilkan daripada bahan kimia.Bahan kimia yang digunakan untuk menggalakkan ovulasi.Ubat-ubat yang dihasilkan dari bahan kimia untuk menggalak ovulasi.Tak pe la.Jangan gunakan dadah.Susah la.Nantikan jadi khayal pula orang fikir.	
Panel 1	Jadi ovulasi ni hasilkan telur ke?	
Pemerhati	Iya la.Ovulasi la.Kita namakan itu proses yang menghasilkan telur itu ovulasi.	
Moderator	Bagi lelaki yang ada masalah erectile dysfunction, Viagra akan digunakan.Juga untuk penegangan, alat gegaran (Vibrator) biasa digunakan.Apa hukumnya mengambil	Soalan 12

	viagra ini?	
Pemerhati	Macam doktor apa tu..Dr Murat cakap tadi kan.Yang setengah tak boleh buat tu kan.Nak bagikan sampel air mani tu.Apa tu onani.Dia tak boleh nak stimulate kan bagi viagra.Untuk tujuan-tujuan rawatan secara umumnya bagi saya harsu la.Tak ada masalah.Makna untuk tujuan rawatan.	
Panel 2	Boleh la.Tiada masalah.Viagra pun, kalau kita punya dah tak berapa kuat kan.Dia nak ambil benda tu halal la.Tak ada masalah.	
Moderator	Apa hukumnya doktor Islam yang merawat dengan kaedah IVF kepada pasangan bukan Islam yang bukan suami isteri sedangkan dia tahu haram kepada orang Islam jika bukan suami isteri?	Soalan 13
Pemerhati	Bagi saya kalau kita seorang katakan saya doktor.Saya ni doktor pakar macam Dr Murat.Saya akan menggunakan consence saya akan konsisten dan istiqamah.Dan kalau saya tak buat pada orang Islam atas dasar hukum, orang lain pun saya buat sama juga.Maknanya dan masyarakt juga perlu didik bahawa doktor pun berhak untuk tidak membuatkan apa tu..rawatan.Kerana dia punya privelege dia tu memang	

	<p>macam tu. Dan orang tak boleh mempertikaikan kita. Jadi kita punya istiqamah tu penting. Bagi saya la.</p>	
Panel 1	<p>Iya la. Sebenarnya saya pun setuju la. Memang bagi seorang doktor Muslim tu perlu dielakkan. Perlu dielakkan kerana ya lah. Kerana bila Islam menekankan kepentingan penjagaan nasab suami isteri ni, benda ni kita kena terapkan dalam masyarakat. Termasuklah non Muslim pun kena juga ajar dia orang. Educate dia orang sebab sebenarnya dalam agama dia orang pun tak boleh juga. Dalam agama dia orang pun sebenarnya perlu berkahwin. Jadi kita tak boleh la.</p>	
Pakar	<p>Macam mana kalau saintis yang bekerja dengan doktor yang bukan Muslim? Disuruh buat. Kita bekerja dengan orang bukan Muslim dan disuruh buat. Sedangkan kita tahu status pasangan ni tak berkahwin.</p>	
Pemerhati	<p>Tapi sepatutnya kita sebagai seorang yang beriman mesti mengelakkan daripada perkara begini. Sebab benda-benda gitu, kita melibatkan kepercayaan.</p>	
Pakar	<p>Kalau kita argue, kita akan dapat resiko dibuang kerja.</p>	
Panel 1	<p>Itu kalau mungkin dah tak ada jalan keluar sangat. Mungkin kita terpaksa ikut. Akur la dengan peraturan-peraturan. Sebab</p>	

	<p>tu la dalam Islam lepas kita sembahyang kita banyak astgahfirullah al azim.Kita banyak la istighfar.Kita semua la kan dalam kehidupan ni.Tak kan perfect benda-benda yang kita buat tapi iya lah kalau dah tugas macam tu kan.Macam mana kita nak...</p>	
Pakar	<p>Boleh la kalau kita macam saya, atas sebab tugas, saya boleh buat la.Walaupun saya tahu hukumnya haram</p>	
Pemerhati	<p>Tak boleh macam tu.Tak kena macam tu.</p>	
Penyelidik 1	<p>Saya punya regulation kat dalam tu.Pasangan mesti kena yang dah kahwin.</p>	
Moderator	<p>Tapi masalahnya kita bekerja di tempat yang bos bukan Muslim.</p>	
Panel 1	<p>Tapi memang ada kes kalau...</p>	
Penyelidik 1	<p>Ada.</p>	
Panel 1	<p>Bila sebut ada tu, banyak ke?</p>	
Pakar	<p>Sebab saya di pihak swasta.Bagi dia orang income is more important.</p>	
Panel 1	<p>Kita memang tanya dia orang ke?Suami isteri atau pun bukan suami isteri macam tu ke?Kita tahu la maksudnya.</p>	

Penyelidik 1	Ya memang ada.Itu sebab semua law ni private-private yang banyak.	
Pemerhati	Itu la.Hisup kita sendiri selalu lupa.Nak mardhatillah ke tidak kita sering lupa.Bincang la.Apa yang kita buat kita nak keredhaan tuhan juga.	
Moderator	Macam mana ni ustaz?	
Pemerhati	Jadi kalau kita rasa dah memang dah jelas, against kita punya belief.Kenapa kita nak cari alasan mewajarkan kita kenapa terpaksa?Terpaksa tu apa benda?Kita dah tak ada pilihan lain lagi?	
Panel 2	Maknanya andaikan kalau dia mabil tindakan yang menyebabkan kita ni tiada sumber yang lain membawa kepada mudharat kematian, terpaksa la kita sebab dah tak ada pilihan.	
Pemerhati	Kalau dah jadi macam Dato Mashitah kata melacur pun boleh juga kata dia.Kerana nak jaga apa tu...	
Panel 1	Tapi bagi saya la.Bagi staff yang mungkin terlibat boleh minta dengan Allah taala.Ya la dalam masa terdekat ni.Macam ustaz kata.Iya la, mungkin banyak lagi mudharat menimpa hidup kita, mungkin dalam masa sama boleh minta	


	kepada Allah S.W.T la.	
Pemerhati	Ada ruang la.Mesti ada ruang.	
Panel 1	Itu satu.Satu lagi kalau nak ambil kira dari segi amalan yang disyariatkan oleh Islam, itu la yang ada sembahyang istikharah tu.Kalau kita baca balik doa istikharah tu, makna kita minta Allah tunjukkan la kepada kita kalau macam tempat yang kita khidmat ni tidak baik, dalam doa tu la.Kita minta Allah bagi ruang untuk kita pergi ke tempat lagi baik la.	
Pemerhati	Sebab Nurul tanya benda yang sangat real.Is your reality kan.Susah kan nak buat.Saya simpati la kan.Macam mana ya kalau saya?	
Panel 1	Iya la sungguh la.Kalau kita berlaku pun, kita..Itu la, selain sembahyang istikharah.Itu la dalam Islam disyariatkan kita banyak istighfar la kan di atas kita punya...	
Pakar	Sebelum ni konsepnya kita buat kalau selagi dia bukan Islam, kita boleh buat.Tapi kalau dia Islam, kita cuba elakkan.Cuba ambil tindakan yang agak agresif, kita pergi jumpa clinician tu.Kita akan cakap kat clinician walaupun benda tu orang akan pandang melampau la dia.Tapi,	

	walaupun saya pekerja, saya tetap kena buat.	
Pemerhati	Orang kata melampau tak apa tapi awak dah dapat redha Allah, Mardhatillah dia.	
Pakar	Tapi saya dapat ugutan juga.You nak kerja?Kalau you nak kerja, you buat lah.Itu la.Terpaksa juga lakukan.	
Panel 1	Cuma saya nak faham masyarakat kita ni kenapa dia orang tak kahwin?Jadi anak itu untuk apa ye?Saya tak berapa faham.	
Pakar	Ada sebab atas sebab harta.	
Panel 1	Tak..tak.Perempuan tu nak pregnant dalam keadaan...	
Pakar	Ada.Memang ada manusia macam ni.	
Panel 1	Nak jadi pewaris la?	
Pakar	Iya.Dia nak harta si lelaki tu.	
Penyelidik 1	Memang ada.Saya pernah didatangi juga.	
Pakar	Tujuan anak tu di create untuk dapatkan harta suami.Harta laki tu.	
Panel 1	Tanpa ikatan?	
Pakar	Tanpa ikatan pun dia orang.	
Panyelidik	Sebab yang ni confirm anak dia. Jadi boleh dapat.Yang ke	

1	dua kena ingat.Sekarang masalah lesbian, masalah homoseks.Kena ingat.Itu pun akan jadi satu isu nanti.Nak anak.	
Pemerhati	Sebab orang Lesbian pun dia nak juga anak.	
Panyeledik 1	Dia nak juga anak dia.	
Pakar	So, bila LGBT dilepaskan di Malaysia ni, so IVF pun ada...	
Panel 1	Itu la sebab dia kadang-kadang kalau kita tengok ulama'-ulama' terutama Arab Saudi ni, bila dia tengok benda-benda macam ni, itu yang tutup jalan habis.Ini semua la kan.Jadi straight la dalam benda-benda hukum.Ini la kan.Benda-benda macam ni.	
Panel 2	Dalam pada masa yang sama, dah berlaku dalam mahkamah Syariah hakim membin kan kepada pak zina.	
Pakar	Itu dah banyak berlaku.	
Panel 2	Dah berlaku dah.Dan mungkin akan berlaku la.	
Penyelidik 1	Bin kan?	
Panel 2	Pak zina.Tadi kan dia tak ada ikatan.Dia jadi calim anak dia.Dia dapat la.Benda tu dah jadi agak menyeluruh	

	sekarang ni.Jadi kewajaran untuk dapat harta tu dah semakin kuat.	
Moderator	Jadi kesimpulan kita macam mana Ustaz kat sini?	
Pemerhati	Iya la.Kita ni sekarang membincang masyarakat masalah bio etika la kan.Bio tu maksudnya hidup.Etika tu maknanya akhlak kita.Sebab dalam Islam ni akhlak dengan tuhan, akhlak dengan manusia akhlak dengan environment.Jadi kalau kita tak selesai benda basic ni, macam mana nak dapat redha Allah?Faham saya mudah gitu la.	
Moderator	Jadi kesimpulan yang kita buat.Hukumnya haram la.	
Panel 1	Tapi yang 13 ni, kita punya keputusan memang perlu dielakkan.Tapi mungkin Puan Nurul pembantu Dr kan.	
Penyelidik 1	Dia peranan penting.	
Panel 1	Ini doktor sekarang.	
Pakar	Saya yang mencantumkan.	
Pemrhati	Dia embryologist.Dia kita designer.Nurul ni designer.Dia tengok benda ni, dia kata.	
Pakar	Saya dah banyak dosa ni bersubahat.	
Moderator	Jadi itu kita punya kesimpulan kita.Perlu diselak.Hukum asal	

	haram.	
Pemerhati	Perlu ke?Mesti dielak?	
Panel 1	Mesti tu lebih kuat la kan.	
Pemerhati	Bagi saya kalau bahasa Melayu ni, perlu ni kurang kuran kuat.	
Panel 1	Mesti elak la.Tak apa.	
Moderator	Ok.Kita ambil soalan 14 ni.	
Penyelidik 1	Nanti dulu.Jadi kalau benda ni dah keluar dalam ni, jadi ada reason untuk kata kat dia orang.Kalau tak dikeluarkan benda macam ni.Tak dikeluarkan satu fatwa, you tak boleh nak banckup.You tunjuk yang ni.Minta maaf, saya tak boleh nak buat.Ini fatwa telah dikeluarkan.Jadi mudah untuk orang lain.Kita dah buat ni kena tedha la.Nak buat macam mana.	
Pemerhati	Istighfar banyak-banyak.	
Penyelidik 1	Tak dibincangkan dengan jelas.Tak tahu.Saya rasa dengan ada ni senang.At least, nak buat juga kita dah cakap.Nak buat juga saya	
Panel 1	Tapi dia kena faham ni.Dalam Islam bila kita buat sesuatu benda tu dari segi dosa dan pahala, kata para ulama' kalau kita benda tu dalam keadaan seronok tapi benda tu salah,	

	<p> mungkin dosa dia lagi banyak berbanding kita buat satu perkara mungkin benda tu tak berapa betul tapi dalam keadaan rasa agak sedih dan dukacita lah sebab kita tak ada pilihan lain kan. Sebab doktor dah suruh kita buat kan. Jadi dalam keadaan macam tu kedukaan yang kita rasa tu macam kita rasa tak seronok itu menyebabkan insyaAllah dari segi kesalahan itu kurang la dalam timbangan Allah. Dia ada beza la. Orang yang minum arak dalam keadaan dia rasa bersalah tapi dia tak tahan nak minum juga itu dosa dia kurang dengan minum arak dalam keadaan dia bermegah minum arak. Itu kata para ulama'. Jadi dia ada kaitan dengan perasaan kita bila kita buat satu benda tu. Ada juga orang mungkin dia minum arak sebab dah keadaan addicted. Dia dah tak dapat tinggal kan. Dia tahu salah tapi tak dapat tinggal kan. Dia tahu salah. Jadi dosa dia kurang la berbanding dengan orang yang seronok sungguh minum arak. Ulama' cakap macam tu la dalam bab amalan kita. Dia ada kaitan juga la situ. </p>	
Moderator	Kena ada niat ...	
Panel 1	Jadi macam tu la. Bila dah ada.	

Pemerhati	Agaknya yang kes saya baca dalam cerita dalam mestika ke mana, dia minum tapi bila mati pun dia sebut dalam keadaan jelas kalimah Allah.Jadi dia wonder, kenapa orang dia memang suka minum tapi selalu sorok-sorok la.Dia tak tunjuk.Dari segi akhlak dia, dia baik dengan orang.Tapi fiil buruk dia memang minum arak sahaja.Jadi itu mungkin satu cerita la.Mungkin kena relate kepada	
Panel 1	Tapi memang ulama' kita weight dosa kita semua ni tak sama la setiap individu di sisi Allah.Dia balik kepada situasi yang melingkari hidup kita tu.Itu kaedah umu la ulama' cakap.	
Moderator	Ok, jadi saya ingat berhenti dulu setakat ni.Kita rehat dulu.Kita akn sambung semula.Sepatutnya pagi ni kita boleh habis dah.Kita banyak lagi soalan.Sambung lagi lepas makan, lepas sembahyang.Jaid lepas ni banyak soalan Ustaz Tirmizi nanti.Kita tangguh ye.Subhanakallah humma wa bihamdik.	

